

"JIKA kita memiliki asas-asas pendidikan dan persaudaraan Islam yang kukuh, maka tidak akan berbangkit orang-orang Islam melakukan subversif-subversif keagamaan ataupun lain-lain. Mereka akan tetap di dalam agidah yang betul dan tidak berganjak untuk memeliharaanya buat selamanya." - Titah sempena menyambut Awal Tahun Baru Hijrah 1422 pada 25 Mac 2001.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"JANGANLAH kamu berdengi-dengikan dan janganlah kamu berbenci-benci dan janganlah kamu mengintip-intip dan berusaha mengetahui rahsia orang lain dan janganlah kamu melakukan penipuan dalam berniaga dan jadilah kamu hamba Allah yang bersaudara." - Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu.

TAHUN 49 BILANGAN 15

RABU 14 APRIL 2004/1425 رابو 24 صفر

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Dua dinaikkan pangkat gelaran, empat dikurniakan gelaran Pehin Manteri



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selepas berkenan menerima penghormatan dari Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Nawawi (atas) dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair (bawah).



TAHUKAH AWDA

PADA tahun 2003, Kementerian Kewangan Thailand telah memberi kepercayaan kepada Bank Islam Brunei Berhad (IBB) dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), dua buah institusi perbankan dan kewangan Islam di negara ini untuk membantu dalam penubuhan bank Islam pertama di Thailand yang mempunyai enam juta penduduk Islam. Alhamdulillah, Bank Islam Thailand yang pertama itu mula beroperasi pada 14 Mei 2003 dan dibuka rasmi oleh Perdana Menteri Thailand pada 18 Mei 2003. - Sumber : Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud, Pengarah Urusan, Bank Islam Brunei Berhad (IBB), 'Perbankan dan Kewangan Islam Di Negara Brunei Darussalam : Perkembangan dan Cabaran-cabaran', Kertas Kerja Seminar Hari Kebangsaan anjuran Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan Ke-20 Negara Brunei Darussalam kelolaan bersama Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan & Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 12 Mac 2004. (2004 : 5).

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Istiadat Mengurniakan Kenaikan Pangkat Gelaran dan Chiri Gelaran kepada dua orang Pehin Manteri serta Istiadat Mengurniakan Gelaran Pehin Manteri kepada empat orang penerima berlangsung di Bangunan Lapau di ibu negara.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Oleh
Sahari Akim

Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Dua orang Pehin Manteri yang dianugerahkan kenaikan pangkat gelaran dan chiri ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Wahab bin Haji Mohd. Said, salah seorang Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha, Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Ahli Majlis Mesyuarat Diraja.

Empat orang yang dianugerahkan gelaran Pehin Manteri ialah Dato

Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri; Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan; Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid, Ahli Majlis Mesyuarat Diraja dan Awang Haji Mohd. Tarif bin Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa Haji Muhammad.

Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran dan Mengurniakan Chiri kepada YDM Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Wahab menjadi Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja diikuti YDM Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Nawawi menjadi Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Shahbandar.

Lihat muka 16

Industri minyak tingkat taraf hidup rakyat

Oleh
Abdullah Asgar

negara-negara pengeluar dan pengguna terbesar terus memainkan pengaruh yang utama kepada komoditi-komoditi minyak dan gas global.

Di dalam mengharungi suasana iklim tersebut, kata Yang Berhormat, syukur alhamdulillah, kita telah berjaya di dalam mengambil tindakan yang bersesuaian ke arah memastikan kesan hambatan yang dirasakan itu dapat ditangani dengan sewajarnya.

"Kita bukan saja telah dapat mengoptimalkan serta meraih apa jua peluang-peluang yang terbuka dalam keadaan-keadaan sedemikian, malahan juga

telah berhasil di dalam menangani risiko-risiko yang diterampikan," jelas Yang Berhormat yang juga selaku Pengerusi Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad (BSP) dan Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG) ketika berucap di Majlis Malam Lembaga Pengarah-pengarah Minyak dan Gas bertempat di Jerudong Park and Country Club.

Apa yang pasti, tambah Yang Berhormat, kejayaan kita itu telah mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi efisiensi kita melalui perlaksanaan inisiatif-inisiatif seperti mengurangkan perbelanjaan operasi tanpa menjejaskan keselamatan dan kesihatan tenaga kerja, memantapkan kedudukan

Lihat muka 2

ANTARA YANG MENARIK

Haluan : Hubungan antarabangsa kukuhkan keyakinan negara
- Muka 2

Kebawah DYMM kurniakan gelaran Pehin Manteri kepada empat orang
- Muka 3

Lebih 10 ribu sertai walkaton kementerian-kementerian
- Muka 4

Mendapat taraf kerakyatan kurnia yang tidak ternilai
- Muka 7

Istiadat Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran, Mengurniakan Chiri, Istiadat Mengurniakan Gelaran
- Muka 8 & 9

Berkenan kurnia-an lot tanah dan anak kunci rumah kepada 224 penerima
- Muka 12 & 13

Penubuhan Audit Dalaman mengawal kejadian tidak diingini
- Muka 11

Nikmati kebahagiaan, ketenangan jiwa melalui silaturahmi
- Muka 3 ANEKA

Menangani masalah kerbau berkeliaran
- Muka 6 & 10 ANEKA

Tingkatkan usaha kurangkan kemalangan jalan raya
- Muka 16 ANEKA



14 APRIL 2004 BERSAMAAN 1425 14 صفر 1425

MENGANGKAT MARUAH BANGSA DAN NEGARA

PERTAHANAN dan keselamatan negara merupakan dua elemen penting yang menjamin keamanan dan kesejahteraan rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam. Tanpa adanya kestabilan politik dan suasana yang harmoni akan menjejaskan kelancaran pembangunan negara serta pertumbuhan ekonomi sekali gus menjejaskan kehidupan rakyat. Ke arah menjamin keselamatan negara yang berterusan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperuntukkan perbelanjaan yang besar di bidang pertahanan dalam usaha memodenkan angkatan tentera kita. Dalam perbelanjaan kewangan tahun 2004-2005, kerajaan telah menyediakan peruntukan sejumlah \$503,872,052.

Justeru itu setiap anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) perlu memahami akan peranan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan untuk mengekalkan keamanan dan mempertahankan kedaulatan negara, bangsa dan kesucian agama serta menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Tegasnya anggota tentera sebagai 'pelindung' dan perisai pertahanan negara akan terus berusaha mengangkat martabat tersebut kepada tahap bagi mengukuhkan kedudukan kita sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat. Maruah bangsa dan negara perlu diutamakan dari segala-segalanya. Semua ini menuntut agar anggota tentera kita bertindak secara profesional ketika berhadapan dengan pelbagai cabaran.

Perlu diingat bidang ketenteraan bukanlah merupakan sebagai bidang yang statik tetapi ia sentiasa berkembang mengikut arus perkembangan masa dan zaman. Justeru itu amatlah mustahak bagi setiap anggota ABDB meningkatkan profesionalisme khususnya penguasaan teknologi pertahanan canggih berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Penguasaan ICT merupakan ramuan yang cukup penting dalam memperkasa kedudukan ABDB sebagai benteng pertahanan yang setanding dengan angkatan-angkatan bersenjata yang unggul di rantau ini.

Selain penguasaan ilmu ketenteraan, disiplin yang mantap dan tabah menghadapi cabaran akan menaikkan martabat anggota tentera. Disiplin ketenteraan sangat penting kerana ia menjadi sukut-sukat yang boleh menonjolkan imej terhadap angkatan bersenjata. Dengan mengamalkan disiplin yang tinggi dapat membantu mewujudkan sistem pertahanan yang efektif dan kuat yang memerlukan setiap ketumukan ABDB mewujudkan kualiti operasi yang tinggi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sering kali beritah mengingatkan anggota tentera agar terus-menerus mempertingkatkan semangat dan disiplin ketenteraan yang tinggi kerana untuk mewujudkan sebuah angkatan tentera yang mantap dan digalati tidak hanya terletak kepada saiz tetapi pada semangat, disiplin dan dedikasi yang tinggi di kalangan mereka. Anggota tentera juga mesti patuh kepada setiap arahan terutama sekali semangat taat setia kepada raja dan mematuhi undang-undang negara serta menjauhi daripada gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Penglibatan anggota tentera dalam gejala sosial walaupun nisbahnya kecil, akan membawa mesej yang pahit untuk diterima yang sekali gus menjejaskan kredibiliti dan profesionalisme ketenteraan itu sendiri yang diharapkan oleh bangsa dan negara sebagai utap dari sebarang musuh.

Dalam hubungan itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika bersabda di Majlis Perbarisan Tamat Latihan ABDB baru-baru ini menegaskan supaya setiap anggota tentera perlu memiliki sifat-sifat sabar, tabah dan cekal dalam mempertahankan diri, masyarakat, agama dan negara dari segi harta, masa dan juga nyawa anggota. Mereka juga perlu membuktikan kepada masyarakat bahawa anggota tentera merupakan nadi dalam mempertahankan maruah sebuah negara, bangsa dan watan daripada anasir-anasir yang boleh menggugat keamanan dan kesejahteraan serta mampu menjadi perangsang kepada generasi muda untuk mencubai kerjaya yang penuh cabaran dan sentiasa relevan setiap masa.

Pergolakan dan perkembangan politik serantau dan global yang tidak menentu ditambah lagi dengan kegiatan dan aktiviti jenayah antarabangsa sekeliling kita menuntut agar anggota tentera kita sentiasa mempertajam ilmu ketenteraan yang canggih. Di samping itu, ianya menuntut supaya anggota tentera kita siap sedia dan sentiasa meningkatkan kewaspadaan dalam menjaga setiap inci bumi Darussalam dari sebarang pencerobohan petualang dan musuh yang cuba memporak-perandakan keamanan serta kesejahteraan yang kita nikmati sekarang.

Kita yakin dengan profesionalisme, kecekalan dan semangat patriotisme, anggota tentera kita akan mampu mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara di masa depan. Berbekalan semangat perwira orang-orang Brunei, ABDB tetap berkemampuan menjamin kesejahteraan, keselamatan dan keamanan rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam.

HALUAN...

Hubungan antarabangsa kukuhkan keyakinan negara

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir
Rahim

ALHAMDULIL-LAHI Rabbil 'Aalameen, Wabi-hee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'e'en, Waba'du.

Beta amat berbesar hati mengalu-alukan awda bagi lawatan julung-julung kali ke Negara Brunei Darussalam.

Adalah menjadi satu penghormatan menerima kedatangan awda.

Beta bersama-sama kerajaan dan rakyat beta menyampaikan salam hormat dan salam sejahtera kepada awda dan kerajaan serta rakyat Ukraine.

Sememangnya, awda begitu jauh dari negara awda.

Namun kami berharap kemersaan sambutan serta kegembiraan kami bertemu awda diharap membolehkan awda merasa seperti di tempat sendiri sepanjang berada bersama kami di sini.

Hubungan diplomatik terjalin hanya baru beberapa tahun.

Sedikit demi sedikit tahun-tahun tersebut beralu membolehkan kita saling mengenali di antara satu sama lain, di samping mempelajari sedikit sebanyak mengenai kedua-dua buah negara dan rakyat kita.

Semuanya ini cukup menyenangkan kami.

Perkataan 'masyarakat antarabangsa' amat bererti sekali buat rakyat kami.

Seperti yang awda ketahui, tahun ini kami meraikan ulang tahun kedua puluh sejak kami mengambil alih semula kemerdekaan penuh kami.

Sepanjang tahun ini kami memperoleh begitu banyak dengan memainkan apa jua peranan sedaya upaya kami dalam ehwal antarabangsa.

Tetapi mungkin nilai terbesar sekali adalah kepuasan mendalam yang kami rasakan dengan bertemu orang-orang dari seluruh dunia, mengagih gagasan serta pengalaman dan paling penting sekali, mendapat teman-teman baru.

Banyak pelajaran kami perolehi darinya.

Paling penting sekali, ianya telah mengukuhkan



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Santap Negara sempena Lawatan Negara Tuan Yang Terutama Presiden Leonid Kuchma, Presiden Ukraine di Istana Nurul Iman pada 7 Mac 2004.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Zahara HAM

salah satu keyakinan kami sebagai sebuah negara dan rakyat.

Apa yang diperlukan oleh manusia lebih daripada segala-galanya pada hari ini adalah untuk rakyat dan masyarakat menghargai di antara satu sama lain, belajar di antara satu sama lain dan seboleholehnya, menolong di antara satu sama lain.

Justeru itu, dengan semangat seperti ini, Tuan Presiden, kami berasa gembira kerana kami telah mula memperkukuhkan hubungan kami dengan Ukraine.

Kami mempunyai sedikit pengetahuan mengenai Eropah Timur dan apa yang kami ketahui mengenai negara awda sebahagian besarnya diperoleh dari buku-buku.

Dengan cara ini, kami telah belajar mengenai sejarah awda yang panjang dan membanggakan: budaya awda yang unik; kekayaan sumber semula jadi awda serta begitu banyak bakat dan pencapaian rakyat awda dalam bidang seni, industri dan sukan.

Bilamana kami menerima lawatan Menteri Luar negara awda tahun lepas, kami juga mula mempelajari mengenai penghidupan hari ini di Ukraine.

Kami belajar mengenai aspirasi rakyat awda, perancangan yang perlu direalisasikan oleh kerajaan awda, di samping keprihatinan khusus negara

awda terhadap ehwal Eropah dan dunia.

Dalam hal ini, kami ingin mengucapkan tahniah kepada awda, Tuan Presiden, juga kerajaan dan rakyat awda atas pencapaian yang telah diperolehi negara awda sejak dekad yang lalu.

Beta ingin sekali menyampaikan penghargaan terhadap program reformasi ekonomi yang meluas yang telah diusahakan, pada peringkat negeri juga dalam memberikan setiap keluarga Ukraine cara-cara serta kemahiran untuk merancang masa hadapan mereka dengan harapan dan

BETA ingin sekali menyampaikan penghargaan terhadap program reformasi ekonomi yang meluas yang telah diusahakan, pada peringkat negeri juga dalam memberikan setiap keluarga Ukraine cara-cara serta kemahiran untuk merancang masa hadapan mereka dengan harapan dan keyakinan.

keyakinan.

Kami di Negara Brunei Darussalam telah memulakan perancangan negara yang serupa bagi pembangunan dan kepelbagaian ekonomi dengan tujuan yang sama.

Oleh itu sememangnya menjadi harapan kami untuk mengagih pemikiran serta bertukar-tukar pandangan mengenai kemajuan segala usaha kebangsaan yang penting ini.

Kini kita berada pada peringkat perhubungan kita sebagai negara-negara yang mula menerokai potensinya.

Secara dua hala beta menyaksikan beberapa bidang di mana kerajaan dan masyarakat urus niaga kita berharap untuk meninjau kerjasama di masa hadapan.

Beta yakin lawatan awda akan memberikan dorongan awal.

Beta juga ingin menggalakkan agar para pegawai juga masyarakat urus niaga kita mengambil setiap kesempatan agar per-

hubungan kita tidak hanya mesra dan bekerjasama, bahkan juga seboleholehnya hendaklah teguh dan kukuh.

Di waktu yang sama, lawatan awda akan mengeratkan lagi hubungan kita sebagai teman dan rakan kongsi dalam ehwal antarabangsa, terutama sekali melalui Bangsa-Bangsa Bersatu di mana muhibah dan persefahaman di kalangan ahli merupakan tenaga penting bagi kemajuan pada hari ini.

Justeru itu sekali lagi beta mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana mendapat penghormatan dengan lawatan awda, Tuan Presiden.

Tuan Presiden dan Puan Kuchma, beta ingin menyampaikan salam hormat kepada rakyat Ukraine juga salam sejahtera beta kepada awda sendiri dengan harapan agar awda berasa gembira sepanjang berada di negara kami.

Terima kasih. Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Industri minyak tingkat taraf hidup rakyat

Dari muka 1

pembekalan melalui tambahan pelaburan yang strategik, mempertingkatkan keselamatan dan 'reliability' operasi-operasi dan pengeluaran melalui penggunaan teknologi-teknologi yang terbukti dan memantapkan pengurusan perja-laman organisasi.

"Oleh yang demikian, saya ingin menyeru kepada semua pihak yang terlibat untuk memberikan kerjasama yang padu dan me-

namakan sifat saling memahami antara satu sama lain demi untuk menjayakan usaha-usaha kita yang murni itu," kata Yang Berhormat.

Pada tahun ini, tambah Yang Berhormat lagi, dengan izin Allah Subhanahu Wataala, kita akan merayakan satu lagi meru tanda yang sangat bersejarah dengan pencapaian ulang tahun ke-75 penghasilan minyak negara ini.

Majlis itu dihadiri oleh lebih 250 orang pegawai-pegawai kerajaan, BSP, BLNG dan BSM yang

antara lain mengukuhkan hubungan yang telah sedia terjalin di kalangan mereka.

Beberapa tahun kebelakangan, industri minyak dan gas negara menghadapi kesan hambatan namun dapat ditangani dengan sewajarnya dengan cara tersendiri di mana peneuman telaga minyak pertama ditemui pada tahun 1929 di Seria, sejak itu negara terus berkembang maju dari segi ekonomi ditambah lagi dengan penemuan sumber gas asli di Lumut.

Kebawah DYMM berkenan mengurniakan gelaran Pehin Manteri kepada empat penerima

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan gelaran Pehin Manteri kepada empat penerima yang bermula dengan Istiadat Mengagai di Lapau, di ibu negara di sini.

Istiadat Mengagai berlangsung di hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah menyabdakan istiadat dimulakan dan seterusnya Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bersabda supaya Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Lela Sura Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abas, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Awang Abu Hurairah dan Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar mengepalai rombongan bagi Majlis Mengagai.

Istiadat bermula dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Gadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyembahkan untuk memulakan Istiadat Mengagai kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz yang kemudiannya menyembahkan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

**Liputan Samle Hj Jait
Gambar-gambar oleh
Halim HS dan Abdullah HAD**

Selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah menyabdakan istiadat dimulakan dan seterusnya Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bersabda supaya Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Lela Sura Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abas, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Awang Abu Hurairah dan Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar mengepalai rombongan bagi Majlis Mengagai.

Keempat-empat yang akan mengepalai rombo-

ngan mengagai itu dipanggil menghadap majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah yang seterusnya bersabda menyampaikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mengurniakan gelaran kepada Dato Paduka Haji Awang Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Haji Awang Zainal, Kolonel Dato Paduka Awang Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Awang Haji Basir, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim dan Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Rombongan yang mengepalai Istiadat Mengagai itu kemudiannya menjunjung anugerah meninggalkan Bangunan Lapau disertai masing-masing oleh beberapa orang Pehin-pehin Manteri yang di bawahnya dan Manteri-manteri Hulubalang untuk menuju ke tempat kediaman bakal Pehin Manteri berkenaan bagi menyampaikan sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengurniakan gelaran Pehin Manteri.

Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Lela Sura Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abas me-

ngepalai rombongan ke kediaman Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub di No. 591, Simpang 585, Kampong Dato Gandhi, Jalan Kota Batu, Negara Brunei Darussalam.

Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman pula mengepalai rombongan menuju ke kediaman Kolonel Dato Paduka Awang Haji Abdu'r Rahmani di No. 10, Simpang 514, Kampong Beribi, Jalan Gadong dan Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Awang Abu Hurairah mengepalai rombongan ke tempat kediaman Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim, di No. 7, Simpang 66-67-9, Kampong Bengkurong.

Sementara rombongan yang dikepalai oleh Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar menuju ke kediaman Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman di No. 18, Simpang 472, Kampong Sungai Tilong, Jalan Muara.

Selepas menyampaikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mengurniakan gelaran Pehin Manteri kepada mereka yang hendak disampiri gelaran itu, keempat-empat rombongan itu kemudiannya kembali ke Lapau untuk menyembahkan pengakuan penerimaan kurnia gelaran tersebut ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Istiadat Mengagai itu kemudiannya diakhiri de-

ngan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz menyabdakan bahawa istiadat tersebut selamat sempurna dilaksanakan.

Kemudian Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bersabda supaya majlis ditutup.

Berangkat dan hadir di istiadat itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang, Manteri-manteri Pedalaman, Duta-duta Besar, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi, Setiausaha-setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ketika berkenan berangkat ke Istiadat Mengagai.



YANG MULIA Dato Paduka Awang Haji Suyoi semasa membaca pengakuan penerima kurnia gelaran di Istiadat Mengagai yang berlangsung di kediamannya di Kampong Sungai Tilong, Jalan Muara.



DATO Paduka Haji Awang Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Haji Awang Zainal menerima kurnia gelaran dari Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Lela Sura Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abas yang mengepalai rombongan mengagai.



KOLONEL Dato Paduka Awang Haji Abdu'r Rahmani semasa menerima gelaran di Istiadat Mengagai yang dikepalai oleh Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman. Majlis berlangsung di Kampong Beribi, Jalan Gadong.



DATO Paduka Awang Haji Dani ketika menyerahkan pengakuan penerimaan kurnia gelaran dari Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Awang Abu Hurairah yang mengepalai rombongan mengagai.





KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama para peserta yang dianggarkan lebih 10 ribu orang memperlihatkan semangat yang tinggi untuk menamatkan walkaton sejauh empat kilometer.



BAGINDA bersama kerabat-kerabat diraja memulakan acara walkaton dari Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin (atas).



BAGINDA berserta kerabat-kerabat diraja berangkat balik selepas menyertai acara Walkaton Kesihatan dan Kecergasan Kementerian-kementerian Ke-3.

Lebih 10 ribu peserta sertai walkaton kementerian-kementerian

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama ribuan peserta menyertai Walkaton Kesihatan dan Kecergasan Kementerian-kementerian di ibu negara.

Keberangkatan tiba baginda di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin dijunjung oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digidong Seri Lela Dato Seri Paduka

(Dr.) Haji Awang Hussain dan Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith.

Berangkat sama menyertai walkaton pagi itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

**Liputan Haji Ahat HI
Gambar-gambar oleh
Haji Haranadi HB, Pengiran Haji Bahar
PHO, Haji Masmaleh HMA
dan Hamadi HM**

Kementerian Pertahanan yang mengendalikan acara tersebut memulakan acara dengan senaman ringan beramai-ramai yang disertai oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kerabat-kerabat diraja, menteri-menteri kabinet, timbalan menteri dan pegawai-pegawai kerajaan.

Kemudian kesemua peserta yang dianggarkan lebih 10 ribu itu memulakan perjalanan sejauh empat kilometer dengan melalui Jalan Sultan, Jalan

Kianggeh, Jalan Subok, Jalan Residency, Jalan McArthur dan kembali ke Jalan Sultan menuju Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Peserta wanita pula berjalan sejauh tiga kilometer melalui Jalan Elizabeth 2, Jalan Sumbiling, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Tasek Lama dan Jalan Stoney.

Walkaton yang dikendalikan oleh kementerian-kementerian secara bergilir-gilir itu bertujuan untuk menggalakkan pegawai dan kakitangan serta orang ramai aktif beriadah menjaga kesihatan.

Selain daripada itu aktiviti sedemikian juga untuk memberikan kesedaran kepada semua pihak terhadap penjagaan kesihatan dengan kecergasan sejajar dengan moto 'otak yang sihat terletak kepada badan yang sihat'.

Justeru dengan penyertaan semua pihak dapat dilihat sebagai aktiviti yang berfaedah dalam penjagaan kesihatan dan kecergasan semua peringkat rakyat dan penduduk negara ini.



BAGINDA bersama DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen melakukan senaman ringan.



BAGINDA bersama para peserta melalui ibu kota Bandar Seri Begawan menuju ke tempat penamat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin (atas dan atas kiri).

GOLONGAN wanita juga sama-sama menyertai senaman ringan sebelum memulakan walkaton sejauh tiga kilometer (kiri).

Menerima mengadap Ketua Polis Negara Malaysia

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Polis Negara Malaysia, Dato' Seri Mohd. Bakri bin Haji

Oleh
Haji Ahat HI

Omar di Istana Nurul Iman.

Di Majlis Mengadap itu, Tuan Yang Terutama disertai oleh Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Saiful Azam bin Abdullah.

Tuan Yang Terutama Ketua Polis Negara Malaysia berada di negara ini bagi lawatan rasmi.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Ketua Polis Negara Malaysia, Dato' Seri Mohd. Bakri bin Haji Omar di Istana Nurul Iman.

Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika berkenan menerima mengadap Datin Seri Zaleha binti Mohamed, isteri Ketua Polis Negara Malaysia. - Gambar oleh Abdullah HAD.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika berkenan menerima mengadap Datin Sri Wahyungingsih, isteri Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura dan Datin Mahani, isteri Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Belgium. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Oleh
Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha hari ini berkenan menerima mengadap secara berasingan isteri Ketua Polis Negara Malaysia, isteri Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura dan isteri Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Belgium yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Mula-mula mengadap ke hadapan majlis baginda ialah Datin Seri Zaleha binti Mohamed, isteri Ketua Polis Negara Malaysia, Dato' Seri Mohd. Bakri bin Haji Omar. Beliau diiringi oleh Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiran Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang Rosnah dan Pengiran Datin Hajah Sharifah binti Pengiran Haji Zaini, isteri Pesuruhjaya Polis Negara Brunei Darussalam.

Setelah itu diikuti pula oleh Datin Sri Wahyungingsih binti Raden Wignyo Hartono, isteri Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Yusof bin Pengiran Kula dan Datin Mahani binti Dato Haji Abu Zar, isteri Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Belgium, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Yusof bin Haji Abdul Hamid.

DPMM menerima mengadap Duta dan Pesuruhjaya

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Persekutuan

Jerman yang akan menamatkan perkhidmatan; Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik ke Republik Singapura dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik ke Belgium, di

Istana Nurul Iman.

Pada majlis tersebut Duli Yang Teramat Mulia mula-mula sekali berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Adalbert Ritmueller.

Oleh
Haji Ahat HI

Tuan Yang Terutama yang berkhidmat sejak bulan Julai 2001 akan menamatkan perkhidmatannya di negara ini.

Sejurus selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke

Republik Singapura yang baru dilantik, Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Yusof bin Pengiran Kula dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Belgium yang baru dilantik, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Yusof bin Haji Abdul Hamid.

Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Yusof dan Tuan Yang

Terutama Dato Paduka Haji Yusof menerima watakah perlantikan masing-masing ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir di Majlis Mengadap ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menerima mengadap TYT Adalbert Ritmueller, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman yang akan menamatkan perkhidmatannya di negara ini. - Gambar oleh Harun HR.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menerima mengadap TYT Pengiran Dato Paduka Haji Yusof, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura dan TYT Dato Paduka Haji Yusof, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Belgium. - Gambar oleh Masri Osman.



PENGGUNA-PENGGUNA jalan raya terutama sekali pemandu-pemandu kereta supaya

meningkatkan kewaspadaan dan berhati-hati ketika melalui jambatan ini terutama sekali di waktu malam.

Perkara ini perlu diberi perhatian bagi mengelakkan sebarang kemalangan dan kejadian yang tidak diingini berlaku. Gambar atas dirakamkan di sebuah jalan raya Kampong Ratie, di Daerah Temburong. - Gambar oleh Haji Haranadi HB.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menyempurnakan penyempurnaan kurnia kepada seorang pelajar Sekolah Kebangsaan Bohor, Alor Star, Kedah yang menyertai lawatan sambil belajar ke negara ini. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Pameran Kaca anjuran Kedutaan Amerika

JERUDONG, 27 Mac. - Pameran Kaca selama dua minggu anjuran Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Negara Brunei Darussalam sedang berlangsung di Hotel Empire and Country Club di sini.

Pameran itu mengandungi 45 jenis barangan dengan reka bentuk pemandangan yang dieksplorasi dengan kehidupan semesta dan diilhamkan dengan sumber imaginasi yang khas dibuat oleh Josh Simpson, seorang pereka bentuk kanan.

Hadir bagi merasmikan pameran berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang

Oleh Aishah HS

Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain selaku tetamu kehormat di majlis itu.

Sehubungan dengan itu, sepanjang pameran selama dua minggu itu orang ramai adalah dialu-alukan untuk menyaksikan mulai 12.00 tengah hari hingga 7.00 malam setiap hari.

Sebelum ini pameran tersebut diadakan di Sepanyol. Pameran seterusnya akan diadakan di Portugal.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyaksikan Pameran Kaca anjuran Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Penubuhan Sekolah Sukan untuk melahirkan ahli sukan

RIMBA, 17 Mac. - Penubuhan Sekolah Sukan dengan pengambilan pertama seramai 55 pelajar lelaki pada bulan Julai 2003 adalah komitmen Kementerian Pendidikan untuk melahirkan atlet atau ahli sukan yang bertaraf serantau atau dunia dan berdisiplin dengan tidak mengabaikan aspek akademik dan rohani.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap II, Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat di Majlis Perasmian Bengkel Kurikulum Pendidikan Jasmani Sekolah Menengah Bawah berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam.

Untuk itu, beliau menjelaskan bahawa sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani Menengah Bawah yang akan ditaklimatkan itu adalah hasil usaha gigih Jabatan Perkembangan Kurikulum dan Ahli-ahli Jawatankuasa Mata Pelajaran yang telah mengendalikan kajian dan seterusnya menyusun semula sukatan

Oleh Siti Aishah HS

pelajaran yang telah dicubakan secara rintis di beberapa buah sekolah pada tahun 1997, untuk dilaksanakan di semua sekolah menengah kerajaan mulai tahun 1998.

Bagi merealisasikan kejayaan kurikulum itu, beliau menekankan perlu ada guru-guru yang berkemahiran atau sekurang-kurangnya berkemahiran dan berminat untuk mengajarnya, bahkan bengkel yang dianjurkan oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum sangatlah penting bagi memastikan guru-guru diatarkan oleh sekolah untuk mengajar Pendidikan Jasmani, akan dapat melaksanakan tugas-tugas mereka dengan lebih yakin dan berkesan.

Beliau antara lain menambah, salah satu daripada 12 matlamat pendidikan negara yang berkaitan dengan bengkel ini ialah memupuk setiap

individu dengan perkembangan lengkap dari segi kerohanian, akhlak dan moral, fizikal, intelektual, sosial dan bakat estetik untuk menjadikannya warga negara dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang menyokong falsafah negara.

Dalam hal ini, mata pelajaran Pendidikan Jasmani adalah salah satu mata pelajaran yang berupaya mencapai matlamat itu dan melalui pelaksanaannya, boleh membina kesihatan tubuh badan dan kecerdasan fizikal yang akan membantu memperkembangkan kecerdasan mental seseorang penuntut.

Menyedari kepentingan pendidikan jasmani itu, maka diwajibkan untuk diajarkan dan diikuti oleh semua pelajar dari peringkat sekolah rendah hingga menengah bawah. Dengan itu semua pelajar akan dilibatkan mengikut kebolehan fizikal dan kemampuan mereka di samping memberikan tumpuan dan bimbingan kepada mereka yang

berbakat dalam sesuatu bidang kegiatan jasmani.

Sehubungan dengan itu, beliau menambah, peri mustahaknya mata pelajaran itu diajarkan sebagaimana yang ditekankan oleh Kementerian Pendidikan dengan pelaksanaan sistem penilaian secara berterusan yang diperkenalkan bagi peringkat persekolahan rendah dari darjah satu hingga darjah enam mulai awal tahun 1998, di mana sebahagian markah penilaian berterusan itu diambil kira dalam markah keseluruhan peperiksaan setengah dan akhir tahun sekolah.

"Mudah-mudahan dengan adanya penekanan dalam penilaian berterusan bagi mata pelajaran pendidikan jasmani yang bermula dari sekolah rendah itu, guru-guru dan juga pelajar-pelajar akan lebih komited untuk mengikuti pelajaran ini ke arah menjadikan murid-murid lebih sihat dan cergas, di samping melahirkan bakat-bakat muda yang berpotensi dalam arena

sukan dan olahraga," jelas beliau.

Berhubung ketidakcukupan tenaga pengajar berkemahiran untuk mengajar sebagaimana yang dilaporkan oleh Jabatan Kemahiran Sekolah-sekolah dan pihak sekolah, adalah dimaklumkan mulai 2003, Universiti Brunei Darussalam menawarkan program Pendidikan Jasmani di peringkat ijazah sarjana muda, melalui pengambilan pra perkhidmatan bagi tempoh empat tahun pengajian atau dalam perkhidmatan bagi tempoh tiga tahun.

Dengan adanya penyediaan guru khas berkenaan, jelas beliau, masalah kekurangan guru Pendidikan Jasmani akan beransur-ansur dapat diatasi dan membukakan peluang bagi para guru yang berniat dan mempunyai kelayakan akademik yang relevan untuk meningkatkan taraf pendidikan mereka ke peringkat ijazah.

Taklimat selama dua hari

Oleh Samle HJ

paian kurnia kepada pelajar-pelajar yang menyertai lawatan itu.

Sebelum meninggalkan majlis, Yang Teramat Mulia berkenan bergambar ramai dan beramah mesra bersama pelajar-pelajar berkenaan.

Para pelajar yang menyertai lawatan sambil belajar itu merupakan antara pelajar miskin yang menerima Skim Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sepanjang tiga hari berada di negara ini, mereka dibawa melawat ke lokasi-lokasi mercu tanda negara, di samping melawat secara dekat ke Institut Tahfiz Al-Quran

Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC).

Nur Amira binti Ibrahim (11 tahun) melahirkan rasa gembira kerana berpeluang menyertai rombongan dan menganggap Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang aman dan sangat menarik.

Sementara itu, Subaibah binti Abdul Ghani (10 tahun) turut gembira di atas layanan yang diberikan kepada mereka dan merupakan satu kenangan yang paling manis untuk diceritakan kepada rakan-rakan apabila pulang nanti.

Beliau juga melahirkan rasa terima kasih kepada pihak yang terlibat yang menyediakan kemudahan dan merancang lawatan berkenaan.



TIMBALAN Setiausaha Tetap II Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam menyampaikan sijil kepada seorang peserta Bengkel Kurikulum Pendidikan Jasmani Sekolah Menengah Bawah. - Gambar oleh Masri Osman.

itu antara lain memberi peluang para guru mengikuti sesi teori dan amali selain dari metodologi pengajaran yang bertujuan untuk memberi kefahaman dan membolehkan

mereka melaksanakan pengajaran dengan lebih seronok dan berkesan untuk mencapai objektif pengajaran Pendidikan Jasmani yang dibasut.

FOKUS

OLEH SAHARI AKIM

MENJADI rakyat atau warganegara bagi seorang pribumi di negara asalnya merupakan hak dan satu keistimewaan. Mendapat taraf kerakyatan bagi warganegara asing di sesebuah negara lain merupakan pemberian yang amat bermakna dan tidak ternilai harganya.

Bagi kita rakyat mutlak di bumi Brunei Darussalam ini, semestinya bersyukur kerana ditakdirkan menjadi warganegara di sebuah negara yang aman, sejahtera dan kaya raya. Sebagai rakyat kita mempunyai hak dan tanggungjawab yang perlu ditunaikan kepada bangsa, agama, raja dan negara. Pada masa yang sama kita juga mendapat hak perlindungan dan tanggungjawab daripada pihak kerajaan.

Jika hendak dihuraikan, terlalu banyak keistimewaan yang kita dapati selaku rakyat dan warganegara. Pada masa yang sama terlalu banyak tanggungjawab yang perlu kita sumbangkan kepada bangsa dan negara. Begitulah sebaliknya terlalu besar tanggungjawab negara kepada rakyatnya.

Membicarakan mengenai 'Kerakyatan' ini, FOKUS kita kali ini akan cuba menumpukan diskusi mengenai 'Pengurniaan Taraf Kerakyatan' oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada pemohon terdiri dari rakyat asing. Kita juga akan mengaitkannya dengan kesetiaan dan tanggungjawab rakyat serta perkara-perkara yang berhubung kait dengannya.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laile Setia Bakti Diraja Dato Laile Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika berucap selaku tetamu kehormat Majlis Penyampaian Sijil-sijil Kerakyatan Ke-16 antara lain menyatakan bahawa setentunya para penerima sijil menyedari bahawa pengurniaan taraf kerakyatan Negara Brunei Darussalam adalah satu kurnia yang tidak ternilai harganya.

Yang Berhormat menambah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenalkan beberapa perubahan dasar yang berkaitan dengan kelulusan ibu-ibu yang terdiri dari rakyat asing yang bersuamikan warganegara asing untuk memohon taraf kerakyatan di bawah Bab 6 (1) untuk anak-anak mereka yang mana perubahan itu telah diperkenalkan pada tahun 2002.

Pada tahun 2003, baginda juga telah memperkenalkan ujian lisan Bahasa Melayu bagi pemohon-pemohon yang kurang upaya untuk menduduki ujian bertulis disebabkan tahap pendidikan yang tidak memungkinkannya menduduki ujian itu.

Satu lagi perkembangan baru yang telah baginda perkenalkan ialah Kurikulum Kertas Ujian Bertulis Bahasa Melayu yang menjadi panduan bagi pemohon-pemohon taraf kerakyatan di bawah Bab 5 dan Bab 8 dari Akta Taraf Kebangsaan yang dilancarkan baru-baru ini.

Di majlis itu Yang Berhormat juga menasihati segenap lapisan rakyat di negara ini untuk sentiasa memelihara keamanan, ketenteraman dan kestabilan negara dengan tidak semata-mata menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada pihak kerajaan sahaja.

Selaku rakyat, tegas Yang Berhormat, kita hendaklah sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa di negara ini yang digubal bertujuan untuk menjaga dan memelihara kepentingan negara dalam pelbagai aspek.

MENDAPAT TARAF KERAKYATAN KURNIA YANG TIDAK TERNILAI

Yang Berhormat juga mengingatkan bahawa taraf kerakyatan merupakan satu kurnia yang boleh ditarik balik di bawah Akta Taraf Kerakyatan sekiranya seseorang rakyat berdaftar didapati khianat kepada ikrar dan sumpah taat setia yang dilafazkan.

Seseorang rakyat mempunyai hak-hak kerakyatan yang membawa jaminan kerajaan untuk melindungi kebajikan mereka. Sebaliknya kita selaku rakyat juga berkawajiban untuk sentiasa peka terhadap keperluan negara dengan mengamalkan tingkah laku yang boleh mengharumkan nama baik dan menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang boleh mencemarkan imej negara.

KEISTIMEWAAN

Seorang rakyat berhak menikmati beberapa keistimewaan dari segi undang-undang, politik, ekonomi, perkhidmatan dan kemudahan sosial, kebajikan dan kesejahteraan seperti pendidikan, kesihatan, perumahan, perubahan, pencen dan lain-lain skim bantuan kerajaan.

Selain dari itu kita juga menikmati kebebasan membuat kegiatan pekerjaan dan 'berkehidupan' termasuk mengamalkan kepercayaan mengikut undang-undang dan peraturan. Rakyat juga berhak membuat tuntutan dan mendapatkan bantuan kerajaan selaras dengan matlamat dan dasar negara.

TANGGUNGJAWAB

Selaku rakyat kita mempunyai tanggungjawab yang berat dan besar untuk ditunaikan. Sebab itu kita tidak seharusnya sentiasa bertanya 'apa yang negara boleh sumbangkan kepada kita tetapi sebaliknya apa yang kita boleh sumbangkan kepada negara'.

Kita harus insaf bahawa maju dan mundurnya sesebuah negara itu terletak di tangan rakyatnya. Matlamat dan hala tuju negara ditentukan oleh rakyatnya. Keamanan, keharmonian, kesejahteraan, persefahaman semuanya dicorakkan oleh rakyat sesebuah negara itu sendiri.

Jadi dalam hal ini negara boleh diumpamakan sebagai organisasi atau syarikat perniagaan milik kita. Jika kita pandai mengurus, dapat membawa kemajuan, pandai membentuk imejnya maka kemajuan dan keuntungan akan dapat dicapai. Jika keuntungan diperolehi maka yang mendapat manfaat ialah kita sendiri termasuk ahli-ahlinya. Begitulah sebaliknya jika organisasi atau syarikat lemah maka yang rugi ialah ahlinya.

Tanggungjawab terhadap negara ini terlalu luas. Dalam menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada bangsa, agama, raja dan negara itu bererti seorang rakyat hendaklah rela berkorban apa sahaja untuk memastikan keamanan, kesejahteraan dan kemajuan dapat diwujudkan.

Ia bukanlah sekadar sebut-sebutan mulut sahaja. Ia perlu diterjemahkan melalui perbuatan dan gerak laku. Kesetiaan dan pengorbanan perlu sentiasa dipegang pada bila-bila masa dan di mana sahaja kita berada. Janganlah pula ia hanya kerana untuk mencari sesuatu ganjaran atau semasa memegang tugas dan jawatan dalam kerajaan sahaja.

Yang penting kedaulatan dan maruah negara harus dikekalkan dan sentiasa dipelihara. Kita baru sahaja meraikan ulang tahun Hari Kebangsaan Ke-20 dengan penuh semangat patriotik. Maka tugas kita ialah mengisikan kemerdekaan negara dengan pelbagai kemajuan dan kecemerlangan. Mengisi kemerdekaan satu tugas yang panjang,

berterusan hingga ke akhir zaman.

Sumbangan mudah yang dapat kita berikan ialah dengan mengukuhkan jati diri, membentuk keluarga bahagia dan sempurna dari segi rohani dan jasmani serta memperteguhkan persefahaman dalam masyarakat, di samping meningkatkan keupayaan.

Tanggungjawab terhadap negara boleh dilakukan oleh setiap rakyat tidak mengira pangkat dan kedudukan, yang penting ialah keikhlasan. Besar atau kecilnya sumbangan seseorang rakyat bukan menjadi ukuran. Menyumbangkan mengikut kemampuan masing-masing.

Dalam kehidupan berbangsa dan bernegara ada pemimpin dan ada yang dipimpin, ada pengurus dan ada yang menjadi kuli. Semuanya berperanan penting kerana jika semua mahu menjadi pengurus atau pegawai siapa yang akan menjadi kuli untuk melaksanakan pekerjaan. Misalnya sahaja kalau tidak ada orang yang memotong rumput atau mengutip sampah, bayangkan bagaimana keadaan kebersihan alam sekitar di bandar dan di desa.

PENERIMA SIJIL

Kepada para penerima Sijil Kerakyatan, kita mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan mereka sebagai warga negara ini. Mereka harus bersyukur dan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada mereka. Bukan mudah untuk mendapatkan taraf kerakyatan di sesetengah negara lain. Maka tekadkanlah azam untuk menyumbang bakti kepada bumi Brunei Darussalam tercinta ini.

Pertama, mereka harus menghapuskan taat setia kepada mana-mana negeri atau negara asal mereka. Tumpukanlah taat setia sepenuhnya kepada negara ini. Berpeganglah dengan kata-kata 'di mana bumi di pijak di situ langit dijunjung'. Kitani ingatlah kata pepatah, 'kalau masuk kandang kambing mengembek dan kalau masuk ke kandang kerbau mengaum'.

Kedua, mereka harus membiasakan diri dengan suasana sekeliling. Mereka juga harus meningkatkan pengetahuan dan penghayatan terhadap falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang mendasari kehidupan berbangsa dan bernegara. Juga penting diketahui ialah adat resam dan tatasusila masyarakat Brunei.

Sebagai rakyat mereka juga beratanggungjawab mengiktiraf kedudukan utama bangsa Melayu Brunei yang terdiri dari tujuh puak. Begitu juga Bahasa Melayu dan Agama Islam perlu diterima dan dihormati sebagai bahasa dan agama rasmi negara menurut peruntukan Perlembagaan Negara Brunei Bab 3 (1) dan Bab 82 (1) tanpa sebarang prasangka kerana ia satu ketentuan mutlak menurut perlembagaan dan undang-undang negara ini.

Secara umumnya sebagai rakyat kita tidak seharusnya bersikap pasif sekadar menjadi penonton sahaja. Kita harus bersikap proaktif dalam memberikan apa juga sumbangan berfaedah kepada negara. Apa pun kerjaya yang diceburi, semuanya kita juruskan ke arah kecemerlangan bangsa dan negara.

Penutup kalam, 'orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa'. Kalau begitu 'ringan-ringankanlah tulang' dalam membuat perkara-perkara berkebaikan. Bersamalah kita mengelakkan diri agar tidak menjadi 'melukut di tepi gantang, datang tidak menambah, pergi tidak mengurang'.

Brunei - Pakistan berterusan terokai pelbagai bidang

BERAKAS, 23 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar berkata, Pakistan merupakan salah sebuah negara yang menubuhkan hubungan diplomatik dengan Negara Brunei Darussalam sejak 20 tahun lalu.

Hubungan tersebut terus berkembang sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan kedua-dua buah negara secara berterusan mencari peluang-peluang untuk diterokai bersama terutama dalam mengeratkan hubungan dua hala, kata Yang Berhormat sewaktu berucap sempena Hari Kebangsaan Pakistan Ke-64 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa bagi me-

Oleh
Abu Bakar HAR

wakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Menyentuh mengenai Pakistan, Yang Berhormat menjelaskan ia merupakan sebuah negara sebagai rakan penting dalam forum serantau mahupun antarabangsa tambahan lagi kejayaannya meletakkan diri dalam ahli masyarakat dunia.

Menteri Kesihatan berkata, hubungan dua hala dan pertukaran lawatan pemimpin dan rakyat kedua-dua buah negara, Suruhanjaya Bersama Negara Brunei Darussalam dan Pakistan juga memainkan peranan penting ke arah mengukuhkan hubungan yang sedia ada.

Ke arah itu Negara Brunei Darussalam melihat ke hadapan bagi mengadakan Suruhanjaya Bersama kedua dan merasa yakin bahawa suruhanjaya tersebut akan terus memberikan mekanisme yang berguna dalam pertumbuhan ekonomi, perdagangan dan budaya untuk faedah bersama.

Majlis malam itu ber-

mula dengan mengumandangkan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara diikuti memotong kek oleh Menteri Kesihatan dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Pakistan.

Majlis tersebut juga dihadiri oleh pegawai-pegawai kerajaan, perwakilan asing termasuk rakyat Pakistan yang berada di negara ini.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Pakistan memotong kek sempena Sambutan Hari Kebangsaan Republik Pakistan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

PENDAFTARAN MENUNAIKAN FARDU HAJI

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 April. - Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, sukacita memaklumkan kepada mereka yang berhajat untuk menunaikan fardu haji tahun 1425 Hijrah/2004-2005 Masihi bahawa pendaftaran menunaikan fardu haji akan bermula pada hari Selasa 30 Safar 1425 Hijrah bersamaan 20 April 2004 Masihi

mulai jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi di tempat-tempat berikut:

1. Di Bahagian Pendaftaran dan Penerbangan, Jabatan Urusan Haji, Blok A (A-20), Bangunan Perdagangan Baitul Mal, Majlis Ugama Islam, Jalan Kota Batu, BD 1517.

2. Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong.

3. Masjid Setia Ali, Pekan Muara.

4. Masjid Mohammad Bolkhah, Kampong Serusop.

5. Pejabat Hal Ehwal Ugama di Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Manakala pada hari berikutnya, pendaftaran diterima mulai jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan jam 2.00 petang hingga 3.30

petang di tempat-tempat berikut:

1. Bahagian Pendaftaran dan Penerbangan, Jabatan Urusan Haji, Blok A (A-20), Bangunan Perdagangan Baitul Mal, Majlis Ugama Islam, Jalan Kota Batu, BD 1517.


2. Di Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Tarikh tutup pendaftaran di Jabatan Urusan Haji ialah pada hari Khamis, 11 Jamadilakhir 1425 Hijrah bersamaan 29 Julai 2004 Masihi, jam 11.30 pagi, manakala bagi Pejabat Hal Ehwal Ugama di Daerah Belait, Tutong dan Temburong pada hari Rabu, 12 Jamadilawal 1425 Hijrah bersamaan 30 Jun 2004 Masihi, jam 11.30 pagi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sarong, Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika bersama-sama mengurniakan Kenaikan Pangkat Gelaran serta Istiadat Mengurniakan Gelaran Pahlawan.

YANG Dimulikan Pehin Orang Kaya Lela Haji Awang Abdul Rahman berdatang ke majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KBM).



ISTIADAT PENGISYTIHAHAN KENAIKAN PANGKAT GE MENGURNIAKAN CIRI, K MENGURNIAKAN GELAR

BAGINDA berserta anakanda-anakanda baginda ketika berangkat ke Lapau (kiri).


YDM Pehin Orang Kaya Pekerma Lela Dato Paduka Haji Awang Chuchu menapakkan Gangsa Sireh ke bahu Dato Paduka Awang Haji Hazair (bawah kiri).

YDM Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar menapakkan Gangsa Sireh ke bahu Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman (bawah).

YANG Dimulikan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar menapakkan Gangsa Sireh ke bahu Awang Haji Mohd. Tariff (bawah kanan).

YAM Pengiran-Pengiran Cheteria, ketika berangkat ke istiadat tersebut (kanan).





Gambar-gambar oleh Haji Haranadi HB,
Harun HR, Abdullah HAD, Hamadi HM
dan Masri Osman



A man in a dark uniform with medals and a black cap is kneeling on a yellow floor, performing a traditional dance or ceremony. He is holding a pink and yellow sash or cloth, and his hands are raised in a gesture.

YANG Dimulikan Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Nawawi merapak sembah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



YANG Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika mempengerusikan Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 Tahun.

Atur cara dan format persembahan diteliti

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Mac. - Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-58 tahun menerima laporan dan meneliti cadangan-cadangan atur cara dan format persembahan yang disediakan oleh Pegawai-pegawai Daerah

**Oleh
Sahari Akim**

bagi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat pada tahun ini.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam

Negeri diadakan di Dewan Persantapan Lapau di ibu negara.

Hadir pada majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Yang Dipertua Adat Istiadat Negara; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, pegawai-pegawai kanan dari beberapa kementerian dan jabatan serta Pegawai-pegawai Daerah.

Lain-lain agenda yang dibincangkan termasuklah perkara-perkara berbangkit selain menerima laporan daripada urus setia mengenai cadangan bagi mengadakan majlis ilmu selain hiburan semasa sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-58 tahun.

Pegawai berkualiti penting bagi peningkatan produktiviti

BERAKAS. - Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yusof berkata, pembentukan pegawai dan kakitangan yang berkualiti adalah penting dalam proses peningkatan tahap kualiti dan produktiviti.

Oleh yang demikian ke arah itu, katanya, pembangunan sumber tenaga manusia melalui pelbagai program akan sentiasa dilaksanakan di Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya secara terancang.

Awang Haji Yusof menyatakan perkara tersebut di Majlis Perjumpaan Tahunan Awal Hijrah 1425 (PETAH) bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 17 Mac lalu berlangsung di kementerian berkenaan sempena kedatangan tahun baru Hijrah 1425.

Katanya, dalam pembentukan pegawai dan kakitangan yang berkualiti selaras dengan fokus Wawasan Perkhidmatan

**Oleh
Abu Bakar HAR**

Awam Abad Ke-21 kementerian tersebut sangat mementingkan pengalaman etika kerja oleh pegawai dan kakitangannya di semua peringkat.

Etika kerja menurutnya merupakan prinsip-prinsip akhlak dan moral yang ditetapkan oleh Perkhidmatan Awam bagi mengawal tingkah laku pegawai dan kakitangan ke arah memastikan perilaku pegawai dan kakitangan sentiasa selaras dengan sistem nilai organisasi serta dapat mengukuhkan prestasi dan mempunyai sikap akauntabiliti serta dapat melindungi pegawai dan kakitangan dari pelanggaran peraturan dan tata tertib Perkhidmatan Awam.

Ke arah itu, tegasnya, adalah mustahak bagi pegawai dan kakitangan di kementerian berkenaan menghayati Rukun Akhlak

dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam.

Hadir mengetuai majlis perjumpaan tahunan itu ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Perkema Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain.

Majlis tersebut antara lain bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara pucuk pimpinan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai serta kakitangan di kementerian itu dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Perjumpaan itu juga bertujuan bagi mengendalikannya beberapa rancangan dan program peningkatan kualiti dan produktiviti serta mempromosikan hasil perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yayasan sumbangan bantuan

**Oleh
Abd. Karim HAB**

BERAKAS, 25 Mac. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) hari ini menyampaikan sumbangan kewangan berjumlah B\$4,900.00 kepada tujuh orang penerima yang terdiri dari 13 ahli keluarga yang terlibat dalam kebakaran yang berlaku di Kampong Bukit Salat 'B' di Kampong Ayer pada 9 Mac 2004 dan di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Mumong pada 7 Mac 2004.

Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Haji Abdul Ghani bin Pehin Dato Pekema Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim telah menyampaikan sumbangan berkenaan kepada para penerima yang terdiri daripada Awang Sambrin bin Haji Hashim; Dayang Hajah Hitam binti Awang Tahlii; Dayang Hajah Tengah binti Awang Tahlii; Dayang Hajah Maimunah binti Awang Tahlii; Dayang Afiah binti Awang Tahlii; Dayang Garinchang anak Endang dan Dayang Hajah Dayang binti Haji Masri.

Majlis yang berlangsung di Ibu Pejabat YSHHB di Jalan Kumbang Pasang juga dihadiri oleh Pengarah Eksekutif YSHHB, Penolong Pengarah Urusan YSHHB, para pegawai kanan kerajaan, ketua-ketua kampung berkenaan serta para pegawai YSHHB.



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dato Paduka Haji Abdul Ghani semasa menyampaikan sumbangan kewangan kepada seorang penerima. - Gambar oleh Abdullah HAD.



PEMANGKU Ketua Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Razali bergambar ramai bersama para perwakilan Mesyuarat Ke-9 Kumpulan Kerja Bagi Perangkaan Pelaburan Langsung Asing (WGFDIS) ASEAN. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

FDI penting bagi pembangunan ekonomi

BERAKAS, 24 Mac. - Perangkaan bagi para pembuat dasar, perancang, ahli akademik, para pelajar yang berkaitan dengan masyarakat perniagaan adalah penting. Perancang misalnya memerlukan ketepatan waktu, semasa dan apa yang penting adalah penerangan yang tepat untuk merumuskan pelan pembangunan nasional dan juga untuk mengawas pelaksanaan di bidang ekonomi serta pembangunan sosial negara.

Pemangku Ketua Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Awang

**Oleh
Siti Aishah HS**

Haji Razali bin Mohd. Yusof menyatakan demikian semasa perasmian Mesyuarat Ke-9 Kumpulan Kerja Bagi Perangkaan Pelaburan Langsung Asing (WGFDIS) ASEAN yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Menurut beliau, perangkaan Pelaburan Langsung Asing (FDI) adalah sebahagian dari informasi asas, bahkan FDI juga boleh digunakan sebagai tunjuk arah ke arah keberkesanan strategi sekelompok bangsa dalam mengetahui pelaburan langsung asing tersebut dan ia adalah perangkaan yang sangat penting bagi pembuat dasar dalam merumuskan FDI dan beberapa dasar yang berkaitan.

Justeru itu, beliau menambah dengan mengetahui kepentingan FDI kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara, Negara Brunei Darussalam akan berusaha ke arah mempertingkatkan kapasiti kutipan, himpunan termasuk penyebaran melalui statistik berkenaan.

Mesyuarat kali ke-9 ini, akan membincangkan beberapa agenda dan dipengerusikan oleh para perwakilan dari Viet Nam, Cik Mai Thi Thu yang diadakan di Pusat Persida-

ngan Antarabangsa, Berakas mulai 24 hingga 26 Mac.

Sejak penubuhannya pada tahun 1999, WGFDIS telah mengadakan mesyuarat dua kali dalam setahun dan ini adalah kali pertama mesyuarat berkenaan diadakan di Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah pada tahun ini.

Matlamat utama mesyuarat itu ialah untuk mewujudkan satu pendekatan yang selaras dan sebanding bagi penyusunan, penilaian dan laporan perangkaan FDI, di samping membolehkan negara-negara ahli memberikan gambaran sebenar mengenai aliran dan trend FDI di rantau ASEAN.

Seramai 29 orang Pegawai Kanan Perangkaan dari ahli-ahli negara ASEAN iaitu Malaysia, Kemboja, Republik Indonesia, Myanmar, Laos, Thailand, Filipina, Viet Nam dan Singapura termasuk empat orang peserta dari Negara Brunei Darussalam menghadiri perjumpaan selama tiga hari itu.

Antara isu-isu yang dibincangkan termasuk pelaksanaan Program Kerja WGFDIS 2004 yang telah disahkan oleh Majlis Bidang Pelaburan ASEAN Ke-6 (6th AIA Council Meeting) di Phnom Penh, Kemboja dalam bulan September 2003.

Penubuhan Audit Dalam mengawal kejadian tidak diinginkan

RIMBA, 27 Mac. - Penubuhan Audit Dalam antara lain akan dapat memastikan kawalan dalam an mencukupi, mencegah dan mengawal kejadian-kejadian yang tidak diinginkan seperti pecah amanah, pembaziran, pemborosan, memastikan kelemahan-kelemahan dalam pengurusan kewangan dan harta benda kerajaan khususnya dalam perbelanjaan dan pengutipan hasil dapat diperbaiki, di samping memastikan pegawai/kakitangan kerajaan lebih bertanggungjawab, telus dan mengambil berat serta mematuhi peraturan-peraturan dalam mengurus hal-ehwal kewangan dan harta benda kerajaan.

Timbalan Setiausaha

Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail menyatakan perkara itu semasa Majlis Perasmian Kursus Unit Audit Dalam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Jabatan Perdana Menteri sehingga hari ini, tambah beliau, telah menerima sebanyak 33 Unit Audit Dalam yang telah ditubuhkan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang keseluruhannya mempunyai seramai 120 orang ahli dan adalah masih didapati sebilangan kecil jabatan kerajaan belum menu-

Oleh
Siti Aishah HS

buhkan unit tersebut dan perkara ini akan dibuat susulan oleh urus setia bagi mendapatkan tunjuk sebab jabatan-jabatan berkenaan belum atau tidak menubuhkan Unit Audit Dalam masing-masing.

Beliau juga menjelaskan, penubuhan Audit Dalam di kementerian/jabatan kerajaan adalah atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk memeriksa perjalanan perbelanjaan dan pungutan hasil kementerian/jabatan masing-masing seperti yang terkandung dalam keputu-

san Persidangan Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet Ke-51 pada 21 April 2003 yang lalu.

Bertolak dari sana, Jabatan Perdana Menteri tambah beliau, membentuk satu Jawatankuasa Pelancaran Penubuhan Audit Dalam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang ahlinya terdiri daripada para pengarah pentadbiran kementerian-kementerian, manakala urus setianya di kalangan pegawai kanan dari Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Audit.

Beliau menambah, jawatankuasa berkenaan juga telah menghasilkan Buku Panduan Penubuhan Unit Audit Dalam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan serta telah mengadakan majlis pelancarannya yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan, yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalam pada 20 September 2003.

Sementara itu, jawatankuasa tersebut juga membuat keputusan supaya urus setia akan dapat membuat perancangan bagi memberikan kursus dan latihan penempatan kepada ahli-ahli Unit Audit Dalam berkenaan yang akan ditubuhkan bagi tujuan memberikan pengetahuan dan



TIMBALAN Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail berucap merasmikan Kursus Unit Audit Dalam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

kefahaman berkaitan dengan Audit Dalam kerana adalah disedari dan dimaklumi bahawa sebahagian besar pegawai dan kakitangan yang dilantik di kementerian dan jabatan masing-masing masih kurang atau belum mengetahui peranan tersebut.

Justeru itu, kursus tersebut diadakan bagi dilaksanakan secara berterusan dari semasa ke semasa mengikut keperluan-keperluan tertentu. Selain itu urus setia juga akan merancang untuk melaksanakan latihan penempatan para peserta di Jabatan Audit bagi tujuan latihan secara praktikal khusus mengenai kerja-kerja pengauditan ia itu dengan mengutamakan kepada kementerian dan jabatan yang mempunyai peruntukan, perbelanjaan dan pengutipan hasil yang tinggi secara berperingkat-peringkat dengan waktu yang tertentu.

Tiga sesi taklimat diadakan semasa kursus tersebut berlangsung yang disampaikan oleh para pegawai Jabatan Audit, Institut Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perbendaharaan.

Persatuan PEPENDA ditubuhkan

Oleh
Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Mac. - Jabatan Belia dan Sukan mengalu-alukan mana-mana pihak di negara ini untuk menubuhkan persatuan dengan tujuan memupuk kesedaran orang ramai terutama golongan belia supaya aktif dengan kerja-kerja sosial, di samping untuk meningkatkan sikap pemedulian terhadap golongan yang memerlukan bantuan serta mengekalkan dan mengangkat nilai-nilai budaya dalam masyarakat berse-uaian dengan calak dan identiti orang Brunei.

Pengarah Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol menyatakan perkara tersebut di Majlis Perasmian dan Mesyuarat Agung Kali Pertama Persatuan Pemuda Darah (PEPENDA) yang berlangsung di Pusat Belia di ibu negara.

Katanya, sumbangan persatuan-persatuan belia dalam pembangunan bangsa adalah perlu dan sangat relevan ketika ini terutama dalam menghadapi perkembangan teknologi yang pesat di mana masyarakat hari ini telah banyak mengalami perubahan disebabkan oleh beberapa faktor seperti geografi, alam sekeliling dan sosio-ekonomi sehingga terdapat segelintir belia yang tidak tahu erti hidup bermasyarakat.

Menurutnya melalui penubuhan persatuan-persatuan yang banyak melibatkan projek-projek kebajikan yang tersusun dan terarah dalam meningkatkan penyertaan belia dalam kerja-kerja sukarela, jabatannya berkeyakinan kesinambungan tradisi dan tidak camah mata yang merupakan salah satu nilai murni budaya orang Brunei akan dapat dijaga dan dkekalkan.

Menyentuh mengenai pemilihan Jawatankuasa Tadbir Tertinggi yang bakal dilantik, Awang Japar me-

ningatkan agar ianya terdiri dari kalangan ahli-ahli yang dapat menaai tugas dan tanggungjawab besar yang diamanahkan dengan jujur dan penuh dedikasi.

Ini tegasnya kerana tugas memimpin pergerakan sukarela seumpama ini memerlukan pengorbanan yang besar sama ada dari segi tenaga dan masa, justeru adalah tidak wajar bagi pemimpin yang dipilih itu mengambil kesempatan untuk menggunakan badan tersebut sebagai tempat atau landasan untuk mendapat keuntungan peribadi dan mengorbankan cita-cita murni ahli-ahlinya yang benar-benar ingin memberikan perkhidmatan kepada masyarakat.

Perlantikan seorang pemimpin memerlukan kesanggupan dan kesungguhan untuk sama-sama berbasah berkering dengan ahli-ahli yang dipimpin di samping mengamalkan sikap yang terbuka dan bersedia mendengar dan menerima teguran dan pandangan.

Sejurus perasmian majlis kemudiannya diteruskan dengan Mesyuarat Pertama PEPENDA yang antara lain membubarkan jawatankuasa sementara persatuan berkenaan dan seterusnya melantik Jawatankuasa Tadbir Sesi 2004 - 2006.

Antara matlamat persatuan ini tubuhkan adalah untuk mengumpul dan menyatupadukan semua penderma-perderma darah di seluruh negara, di samping menanamkan rasa tanggungjawab dan semangat masyarakat penyangg mengenai pentingnya nilai darah yang didermakan boleh menyelamatkan nyawa yang memerlukan.



SEBAHAGIAN peserta Kursus Unit Audit Dalam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Kegagalan batu loncatan kepada kejayaan

GADONG, 24 Mac. - Orang-orang yang berjaya menjadikan kegagalan sebagai batu loncatan kepada kejayaan mereka kerana kesilapan merupakan pengajaran berguna dalam mencapai apa juga kejayaan.

Pengarah Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin menekankan perkara tersebut semasa berucap merasmikan Bengkel Mengenai Perubahan Minda - 'Changing Mindset' yang berlangsung selama dua hari di sini.

Selain itu, katanya, proses berfikir menjadi wadah kreatif dalam mengembangkan kesempurnaan minda untuk mencapai kejayaan kerana apa yang kita hadapi sebenarnya ialah 'perjuangan minda' dan jika kita berazam untuk berjaya sebenarnya kita sudah berjaya.

"Apa yang mesti berubah ialah cara kita berfikir. Minda awda. Seperti kata NIKE Commercial : Terus lakukan! Minda awda lebih mampu dari apa yang awda fikirkan. Kita membataskan diri kita disebabkan apa yang dikatakan oleh masyarakat, kawan-kawan dan keluarga. Kita mesti menghentikan perkara negatif itu: Kita beranggapan tidak boleh melakukan itu dan ini. Kita



PENGARAH Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin ketika berucap merasmikan Bengkel Perubahan Minda. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

boleh melakukan apa yang kita mahu," tegas beliau.

Bagaimanapun, tambahnya, ia mesti bermula dari diri kita sendiri berteraskan keyakinan, di samping bersedia mengubah minda yang akhirnya dunia baru akan terbuka luas untuk kita.

Terdahulu Abd. Ghani berkata, kita mesti berubah selaras perubahan dunia mengikut keutamaan seperti ledakan teknologi komunikasi, media dan komunikasi elektronik, impak globalisasi dan tuntutan masyarakat bagi perkhidmatan berkualiti tinggi yang menghendaki pembaikan berterusan dan penilaian semula kepada proses yang

ada. Globalisasi dalam ekonomi dan kepesatan teknologi telah merapatkan masyarakat dunia di mana barangan, perkhidmatan dan pengaliran wang dibuat secara lebih bebas manakala perkara-perkara yang berlaku di sesuatu tempat juga mendatangkan impak hampir ke semua tempat yang lain.

Menurutnya, teknologi baru dan hala tuju hubungan ekonomi sejagat membawa perubahan besar kepada kebanyakan negara termasuk Negara Brunei Darussalam di mana semua itu menghendaki perubahan minda, di samping keupayaan mempraktikkan pengetahuan yang ada.

Bengkel dua hari anjuran Pusat Pengurusan ASEAN - EC yang disertai oleh 33 peserta dari sektor awam dan swasta itu telah mengundang seorang fasilitator dari Malaysia, Victor S.L. Tan, Ketua Pegawai Eksekutif sebuah firma konsultant yang pakar dalam perubahan pembangunan bagi syarikat-syarikat di Asia.

Perubahan minda adalah penting bagi pengurusan peringkat tinggi dan pertengahan baik organisasi di sektor awam dan swasta kerana ia akan membantu mengembangkan kepakaran

mengubah minda kita dan orang lain.

Antara objektif bengkel tersebut ialah untuk mewujudkan rasa bertanggungjawab 'changing mindset', kerja berkumpulan, meningkatkan produktiviti, men-

capai minda yang positif dan produktif, mengembangkan keceriaan dan, motivasi dalam pekerjaan membina hubungan dengan majikan, pekerja dan pelanggan di samping menyelesaikan isu-isu utama.

Syair Brunei sebagai warisan budaya perlu diperkenalkan

Oleh
Haji Ahmad HS

JALAN MUARA, 31 Mac. - Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali hari ini menganjurkan Seminar dan Bengkel Membaca Syair Brunei bagi para guru dan penuntut sekolah tersebut yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan, di Kampong Salambigar di sini.

Seminar dan bengkel itu dilancarkan oleh Pengetua Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Dayang Hajah Zaliha binti Haji Dollah yang antara lain berkata, matlamat bengkel ini diadakan untuk memperkenalkan dan mengengetengahkan syair Brunei sebagai warisan budaya

kepada para guru dan penuntut selaku generasi pewaris dan penerus budaya agar tidak pupus dan luput dek zaman.

Menurut beliau, syair mempunyai tempat yang istimewa di dalam kehidupan masyarakat Brunei sejak dahulu. Ini terbukti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin merupakan seorang negarawan yang terulung dan Sasterawan Diraja yang terkenal dengan karya-karya syair termasuk

Rampai Laila Syair, Asli Rajang Hari dan Syair Perlembagaan.

Sehubungan itu, tambah beliau, seminar dan bengkel itu diadakan sangat bertepatan kerana pada tahun ini Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali akan menjadi tuan rumah Peraduan Syair Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Ke-7.

Bengkel itu disampaikan oleh dua orang penceramah yang berpengalaman dalam pembacaan syair iaitu Haji Awang Emran bin Haji Abdul Aji yang menyampaikan Gaya Pembacaan Syair Siti

Zubaidah dan Si Mercu Gunung. Manakala Dayang Hajah Norbanun binti Haji Md. Ali pula menyampaikan Gaya Pembacaan Syair Irama Begawan dan Tambang.

Seminar dan bengkel itu dikendalikan oleh Jabatan Bahasa Melayu, Jabatan Kesusasteraan Melayu dan Jabatan Melayu Islam Beraja. Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali sebagai kegiatan bagi jabatan-jabatan itu tahun 2004 dan merupakan usaha di dalam memberikan pendidikan dan pengetahuan kepada guru-guru ketiga-tiga jabatan tersebut dan para penuntut.

Berkenan kurniakan lot tanah dan anak kunci rumah kepada 224 penerima



SEORANG penerima anak kunci rumah menerima plak anak kunci dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



MAK Hajah ini juga menerima anak kunci rumahnya dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ditemani oleh anak perempuannya.

Laporan
Sahari Akim,
Aliddin HM dan Abdullah Asgar
Gambar-gambar oleh
Halim HS, Ramli Tengah,
Abdullah HAD dan Masri Osman

GADONG, 7 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan lot-lot tanah dan anak-anak kunci rumah di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN), Kampong Rimba, Gadong dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ), Kampong Rimba, Kampong Tungku (Katok 'A') dan Kampong Mata-Mata (Katok 'B'), Gadong, Perumahan Dimajukan oleh Pemaju di bawah STKRJ Kampong Rimba, Kampong Tungku, Gadong dan Kampong Lambak Kanan serta Penggeranan Tapak Rumah di atas Tanah Lesen Tumpang Sementara bagi Daerah Brunei dan Muara kepada keseluruhan 224 orang penerima.

Majlis berlangsung di Sekolah Rendah Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar, Kampong Mata-Mata, Gadong.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan dan Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Adnan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Haji Mohd. Tassim bin Pengiran Haji Hassan.

Di majlis itu, baginda telah berkenan mengurniakan lot-lot tanah kepada 12 orang penerima di

bawah RPN Kampong Rimba, 14 orang penerima anak-anak kunci rumah di bawah Skim RPN Kampong Rimba, 12 orang penerima anak kunci rumah di bawah STKRJ Kampong Rimba, 85 orang penerima anak kunci rumah di bawah STKRJ Kampong Mata-Mata (Katok 'B'), 15 orang penerima anak kunci

rumah yang dimajukan oleh pemaju di bawah STKRJ, Kampong Rimba, Kampong Tungku, Gadong dan Kampong Lambak Kanan dan 17 orang penerima penggeranan tapak rumah di atas Tanah Lesen Tumpang Sementara bagi Daerah Brunei dan Muara.

Bagi memberkati maj-

lis, doa selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Haji Mohd. Tassim.

Bersempena majlis tersebut, baginda juga berkenan melawat Sekolah Rendah Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar, Kampong Mata-Mata, Gadong dan berangkat ke

beberapa buah rumah para peserta yang menerima anak kunci di bawah STKRJ Kampong Mata-Mata (Katok 'B'), Gadong.

Setelah itu baginda juga berkenan berangkat melawat ke bangunan Kedai dan Klinik Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Kampong Mata-Mata, Gadong.

Selepas itu, baginda berkenan pula berangkat melawat ke United Motors Sendirian Berhad, Boustead Sendirian Berhad, Aziz Latif Holding Sendirian Berhad dan Goh Hock Kee Motors Sendirian Berhad di Estet Perindustrian Beribi, Gadong.

Setelah itu baginda juga berkenan berangkat

ke beberapa buah rumah penerima anak kunci rumah di bawah STKRJ Kampong Tungku (Katok 'A'), Gadong dan kemudiannya berangkat ke rumah Ketua Kampong Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba, Gadong, Kawasan 2, Awang Mohammad bin Haji Kabon.

Sebelum mengakhiri lawatan, baginda juga berkenan berangkat melawat ke sebuah rumah penerima lot tanah di bawah RPN Kampong Rimba, Gadong.

Sebelum berangkat balik, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari di Hotel Orchid Garden.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berbual mesra bersama seorang penerima anak kunci rumah Skim Perumahan Negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia sewaktu singgah ke rumah Ketua Kampong Perumahan Kampong Rimba Kawasan 2, Awang Mohammad bin Haji Kabon (atas).

TIGA beradik ini juga sempat bermesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan penuh kemesraan (kiri).

JKP SEDIAKAN SKIM PERUMAHAN BERKELOMPOK

GADONG, 7 April. - Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP) sedang menyediakan skim perumahan berkelompok atau skim 'infill' di mana kawasan-kawasan perumahan yang sederhana besarnya akan dimajukan di kawasan-kawasan berdekatan dengan kawasan-kawasan perkampungan asal para pemohon.

Ia bertujuan untuk memudahkan pemohon untuk tinggal bersama sanak saudara dan jiran tetangga sambil menikmati kemudahan prasarana yang tidak kurang mutunya dari apa yang telah dinikmati oleh pemohon-pemohon yang telah diberikan peruntukan lot tanah dan rumah dalam Rancangan Perumahan Negara (RPN).

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Adnan ketika menyebarkan ucapan alu-aluan

Laporan Sahari Akim,
Aliddin HM dan Abdullah Asgar
Gambar-gambar oleh
Halim HS, Ramli Tengah,
Abdullah HAD dan Masri Osman

di Majlis Penganugerahan Lot-lot Tanah dan Anak-anak Kunci Rumah serta Penggeran Tapak Rumah di atas Tanah Lesen Tumpang Sementara berlangsung di Sekolah Rendah Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar, Kampung Mata-Mata di sini.

Terdahulu Awang Haji Adnan berkata, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa prihatin dan terus berusaha dalam memberikan kesejahteraan dan kesejahteraan hidup kepada rakyat serta

penduduk di Daerah Brunei dan Muara khasnya dan Negara Brunei Darussalam amnya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kemudahan dan keperluan perumahan.

Tambahnya, sehingga bulan Disember 2003 sejumlah 7,068 iaitu 5,748 buah rumah dan 1,320 lot tanah telah diperuntukkan kepada pemohon di bawah Skim RPN di semua daerah.

Dari jumlah itu jelasnya, sebanyak 4,785 terletak di Daerah Brunei dan Muara iaitu sebanyak 3,933 buah rumah dan 852 lot tanah.

Sementara itu di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) terdapat sebanyak 2,631 iaitu masing-masing sebanyak 2,595 buah rumah dan 36 lot tanah telah diperuntukkan di mana 1,771 buah rumah terletak di Daerah Brunei dan Muara.

Menurut Awang Haji Adnan, JKP telah menyelaras tapak-tapak di beberapa kawasan di Daerah Brunei dan Muara seperti di Kampung Meragang, Tanah Jambu dan Mengkabau selain daripada tapak-tapak yang sedia ada untuk menampung keperluan para pemohon RPN.

Dalam majlis itu, Awang Haji Adnan mewakili para penerima juga dengan amat sukacita menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keprihatinan kerajaan baginda terus berusaha dalam memberikan kesejahteraan dan kesejahteraan hidup kepada rakyat serta penduduk di Daerah Brunei dan Muara dan Negara Brunei Darussalam amnya.

Awang Haji Adnan juga menyeru agar sesebuah keluarga itu berperanan mendidik anggota keluarga dalam sama-sama menjaga kebersihan alam sekitar.

"Mulakan dari dalam rumah dan persekitarannya seterusnya laratkan ke peringkat kampung, mukim, daerah dan negara," tegasnya.

Selain dari itu beliau juga menyeru masyarakat agar sama-sama menyumbang kepada pembasmian gejala sosial antaranya penyalahgunaan najis dadah, sikap pemugut, belia-belia yang tercicir, keganasan rumah tangga dan bermacam-macam lagi.

Awang Haji Adnan menegaskan, jika didapati kejadian seumpama itu berlaku maka sewajarnya dilaporkan kepada pihak atau agensi yang berwajib.



KELUARGA seorang penerima Skim Rancangan Perumahan Negara bergambar ramai bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



BAGINDA menitahkan sesuatu kepada pemilik kedai yang beroperasi di bangunan Kedai Perumahan Kampung Mata-Mata, Gadong (atas).

SEORANG penerima anak kunci rumah berbual mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia (atas kiri).

PEGAWAI yang bertugas di Cawangan Pejabat Perkhidmatan Pos, Kampung Mata-Mata menyebarkan sesuatu ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia (kiri).



MAK Hajah yang sudah berusia ini juga sempat berbual mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



ADIK kecil dari Sekolah Rendah Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar menjawab pertanyaan yang ditanyakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



BAGINDA berkenan menurunkan tandatangan di sebuah potret baginda yang dipamerkan di rumah seorang penerima anak kunci (atas).

BAGINDA ketika berkenan melepaskan anak-anak ikan kui ke dalam kolam mini yang dibina sempena lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Sekolah Rendah Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar (kiri).

Gambar jadi bahan rujukan

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Mac. - Gambar bukan sahaja bahan visual yang hanya boleh dilihat malah salah satu usaha untuk mengumpul pelbagai maklumat dan sebagai risista di samping boleh menjadi sumber rujukan dalam alam pendidikan khususnya dari seni ilmu fotografi yang mempunyai peminat yang meningkat dari hari ke sehari, bahkan jelas dengan peningkatan penyertaan semua pihak, lebih-lebih lagi dari kalangan kaum wanita yang menyertai peredaran ini.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Mas'ut menyatakan demikian di Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Fotografi anjuran Jabatan Penerangan yang berlangsung di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Beliau menambah, Peraduan Fotografi itu adalah sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-20 baru-baru ini, yang antara lain sebagai salah satu atur cara yang dirancang oleh Jabatan Penerangan dalam menyemarakkan dan memeriahkan lagi sambutan hari bersejarah itu.

Semasa majlis itu berlangsung gambar-gambar para peserta peraduan berkenaan turut dipamerkan di lobi kompleks berkenaan selama empat hari mulai 20 hingga 23 Mac.

Menurut beliau, selain pameran yang diadakan di Kompleks YSHHB itu, jabatan berkenaan juga akan mengambil kesempatan untuk mengadakan pameran tersebut di daerah-daerah yang lain untuk memberikan kesempatan kepada orang ramai untuk melihat kejayaan sambutan hari bersejarah di malam kemuncak Hari Kebangsaan tahun ini.

**Oleh
Siti Aishah HS**

Di samping itu, beliau menjelaskan bahawa jabatan berkenaan juga merancang untuk membukukan ke semua gambar berkenaan dalam bentuk khas, bagi membolehkan orang ramai dan para peserta fotografi memilikinya untuk dijadikan sumber ilmu, bukan sahaja di bidang fotografi malahan untuk meluaskan dan menambahkan lagi perasaan cintakan tanah air.

Dua kategori peraduan dipertandingkan. Pemenang pertama bagi kategori 'colour print' dimenangi oleh Dayang Mazmawati binti Mazali; tempat kedua, Pengiran Haji Sulaiman bin Pengiran Md. Salleh dan Jennifer Mok Thai Geok di tempat ketiga.

Sementara kategori 'slide' dimenangi oleh Awang Osman bin Daud; kedua, Dayang Norhani binti Haji Abdul Kadir dan Dayang Masnon binti Haji Yaman menyandang tempat ketiga.

Hadir bagi menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin yang juga Timbalan Pengerusi Bersama, Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-20, selaku tetamu kehormat di majlis berkenaan.

Sebanyak 305 keping gambar 'colour print' diterima oleh lebih 100 peserta dan 82 keping gambar berbentuk 'slide' dari 41 peserta yang menyertai peraduan tersebut.

Ilmu dan pelajaran dapat mengubah kehidupan

**Oleh
Siti Aishah HS**

BERAKAS, 23 Mac. - Mempunyai ilmu dan pelajaran akan dapat mengubah kehidupan di masa hadapan, demikian juga halnya dengan anak-anak yang mempunyai pelajaran, akan dapat menjamin kehidupan diri dan keluarganya. Untuk itu se-

bagai ibu bapa, kita semua mempunyai peranan untuk memastikan anak-anak di dalam lingkungan persekolahan akan terus belajar dan berada di bangku sekolah serta menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran mereka.

Dalam hal berkaitan, ada kes-kes dan permohonan untuk mendapatkan Bantuan Kebajikan Bulanan yang dihadapkan ke jabatan berkenaan, terdapat di antaranya, sebilangan anak-anak pemohon bantuan yang didapati tidak lagi bersekolah walaupun ada yang masih berumur di bawah 12 tahun.

Apa yang mendukacitakan dan tidak seharusnya terjadi, kebanyakan anak-anak yang tidak lagi bersekolah juga tidak mahu meneruskan persekolahan mereka dan memberikan pelbagai alasan seperti tidak lagi berminat

untuk meneruskan sekolah, tidak dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran, masalah keluarga, kehidupan yang susah dan lain-lain.

Pengarah Pembangunan Masyarakat, Datin Hajah Zaliha binti Haji Mohiddin menyatakan demikian di Majlis Perasmian Ceramah Motivasi kepada para penerima Bantuan Kebajikan Bulanan yang berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini.

Beliau antara lain menjelaskan, Kerajaan Negara Brunei Darussalam juga mengambil peranan dan perhatian mengenai pentingnya menuntut ilmu yang mana pada 1 Julai 1998, kerajaan telah memperuntukkan elaun persekolahan sebanyak \$60.00 bagi setiap kanak-kanak dari keluarga yang berpendapatan rendah dan berkelayakan.

Selain itu, beliau menambah, Negara Brunei Darussalam juga telah menjadi ahli 'Conventions On The Rights of The Child' (CRC) yang juga menekankan kepentingan pelajaran kepada setiap kanak-kanak dan tidak ada sebab kanak-kanak itu tidak bersekolah dan adalah tanggungjawab kita bersama untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak.

Untuk itu, tambah beliau, kita juga bersyukur kerana kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk memberikan peluang-peluang pendidikan di negara ini iaitu dengan memberikan peluang-peluang pendidikan secara pecuma, menyediakan/mendirikan sekolah-sekolah dari peringkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi dan lain-lain kemudian.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga, jelas beliau, menyediakan pusat-pusat kemahiran/vokasional seperti Pusat Pembangunan Belia dan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei untuk keutamaan anak-anak agar akan dapat merebut peluang tersebut, memanfaatkan dan tidak menia-siakannya.

Ceramah Motivasi bertajuk 'Ke Arah Pendidikan Yang Sempurna' yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kement-

terian Pendidikan, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri menyatakan mengenai kecemerlangan yang dimiliki oleh anak bangsa patut ada dalam jiwa setiap orang.

Awang Haji Mustapa juga menjelaskan mengenai faktor-faktor ke arah pendidikan yang sempurna iaitu taat kepada ajaran Allah, ugama, ibu bapa dan guru malah matlamat ke arah kesempurnaan juga harus ada sebagai kompas kehidupan di dunia ini.

Antara tujuan ceramah itu ialah untuk mempertingkatkan lagi jati diri anak-anak penerima bantuan kebajikan jabatan agar minat untuk belajar akan dapat ditanam di hati sanubari mereka dan meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya mempunyai pelajaran dan pendidikan yang sempurna hingga ke peringkat tinggi.

Di samping itu, ceramah berkenaan juga sebagai galakan dan meyakinkan mereka bahawa pelajaran merupakan jaminan buat kesejahteraan dan kesenangan masa depan, menyumbangkan ilmu yang diperoleh kepada pembangunan negara dan menghindari daripada perbuatan yang tidak sihat.

Kira-kira 60 orang kanak-kanak dari penghuni Rumah Kebajikan, 30 orang penerima bantuan dan para pegawai serta kakitangan jabatan berkenaan menghadiri sesi Ceramah Motivasi tersebut.



PENGARAH Pembangunan Masyarakat, Datin Hajah Zaliha berucap merasmikan Ceramah Motivasi. - Gambar oleh Abdullah HAD.



CERAMAH Motivasi untuk para penerima Bantuan Kebajikan Bulanan yang berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. - Gambar oleh Abdullah HAD.

WARGA TEMPATAN DITANGKAP

GADONG, 22 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei telah berjaya menangkap seorang lelaki warga tempatan awal bulan ini yang terlibat dalam 23 kes jenayah termasuk 13 kes curi kereta dan 10 kes pecah rumah dan curi yang berlaku di kawasan Daerah Brunei Muara dan Tutong.

Anggota Unit Siasatan Pecah Rumah dan Curi Kereta telah memberkas lelaki terbabit di kawasan Jalan Mulaut bersama sebuah kereta curi melalui

maklumat orang ramai.

Ketika kejadian berlaku lelaki berusia 32 tahun cuba melarikan diri dengan memcut laju, tetapi tidak dapat mengawal kenderaannya lalu menyebabkan kemalangan jalan raya melibatkan harta benda kerajaan.

Hasil tangkapan itu pihak polis menemui semua kesemua kereta curi tersebut dan 10 daripadanya telah dikembalikan kepada pemiliknya, manakala tiga buah lagi

masih dalam simpanan polis. Pihak polis juga merampas semula barangan curi daripada lelaki terbabit dan pembeli barang curi itu seperti tong gas, barangan elektrik, mesin pemotong rumput, kasut dan alat perkakas kereta yang dianggarkan bernilai \$30,000.00. Orang ramai yang pernah membuat laporan berhubung kes curi bolehlah menuntut barangan mereka di Unit Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Gadong.



BARANGAN curi bernilai \$30,000.00 berjaya dirampas semula daripada lelaki terbabit dan pembeli barang curi. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Peserta Kursus Nadwah Kemurnian Rohani didedahkan pelbagai ilmu

**Oleh
Sahari Akim**

berlangsung di Pusat Da'wah Islamiyah di sini.

Menurutnya kursus itu dihadiri oleh 15 peserta terdiri para pelajar Sekolah Menengah Pehin Dato Seri Maharaja Mentiri, Sekolah Menengah Awang Semaun dan Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong.

Mereka terdiri para pelajar menengah bawah dari Tingkatan Satu hingga Tiga yang dicadangkan oleh sekolah masing-masing, sementara selebihnya terdiri peserta persendirian.

Ustazah Hajah Nor Suria menambah, tenaga pembimbing terdiri para penceramah Pusat Da'wah Islamiyah bersama tenaga kaunselor dari Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Antara tujuan kursus ialah untuk menanamkan semangat cintakan ugama,

pemimpin negara, hidup bermasyarakat, memberikan kesedaran mengenai pentingnya ilmu pengetahuan, di samping meningkatkan kualiti pembelajaran para penuntut supaya berjaya dalam menghadapi kehidupan yang mencabar.

Ia juga untuk memberikan kesedaran mengenai kepentingan beramal dengan ajaran ugama dan menjadikannya sebagai cara hidup yang sempurna, kesedaran terhadap tanggungjawab kepada ibu bapa, guru, bangsa dan negara berlandaskan ajaran ugama Islam, mendidik rohani dan jasmani serta melatih mereka supaya mengamalkan akhlak Islam yang terpuji.

Sepanjang kursus yang bermula 22 hingga 26 Mac para peserta dikehendaki tinggal di asrama dan akan mengikuti kegiatan seperti sembahyang fardu berjemaah serta Kuliah Subuh dan Maghrib.



USTAZAH Hajah Nor Suria binti Haji Gafor, Pemangku Ketua Bahagian Kursus dan Bimbingan Wanita, Pusat Da'wah Islamiyah ketika memberikan taklimat kepada para peserta Kursus Nadwah Kemurnian Rohani berserta ibu bapa mereka. - Gambar oleh Pg. Rafee POPHM.

Kursus Nadwah Kemurnian Rohani yang diadakan dua kali setahun itu diadakan semasa cuti penggal persekolahan iaitu sekali bagi pelajar lelaki dan sekali bagi pelajar perempuan.

ARENA SUKAN

GENERASI MUDA ASET BERHARGA BAGI NEGARA

BERAKAS, 11 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah bersabda, generasi muda kita merupakan aset paling berharga bagi masa hadapan negara dan bangsa, sama seperti mereka yang berkeperluan khas yang perlu diberi penghargaan sedemikian bagi negara dan masyarakat.

Keperluan tersebut, sabda Yang Teramat Mulia seperti misi 'Special Olympics' yang menguji kebijaksanaan para individu yang kurang upaya melalui peluang-peluang latihan dan pertandingan sukan. Dengan kesinambungan daya usaha ayahanda Yang Teramat Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam meningkatkan aspek kualiti kehidupan setiap rakyat.

Yang Teramat Mulia bersabda demikian di Majlis Pelancaran Special Olympics Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Kompleks Sukan Penerbangan Diraja Brunei (RBA).

Menurut pandangan Yang Teramat Mulia, bangsa kita perlu mengalu-alukan inisiatif yang memberikan peluang-

Oleh
Siti Aishah HS

peluang kepada mereka yang memerlukan keperluan khas dan para individu yang kurang upaya, untuk menjalani kehidupan sepenuhnya dan mencapai kejayaan dalam mengatasi cabaran fizikal seperti bertanding dalam sukan.

Berangkat sama, Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah.

Juga hadir ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar; Timbalan Menteri,

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi dan Setiausaha-setiausaha tetap Kementerian.

Program 'Special Olympics' kali pertama diadakan di Negara Brunei Darussalam yang antara lain bertujuan untuk menyediakan latihan sukan sepanjang tahun dan mengadakan beberapa perlawanan berbentuk Olimpik di antara atlet kanak-kanak dan orang dewasa yang kurang upaya dengan memberikan mereka peluang kesinambungan untuk membina latihan fizikal, membuktikan keberanian, pengalaman menyeronokkan, berkongsi hadiah, kemampuan dan membina persahabatan bersama keluarga, atlet dan masyarakat 'Special Olympics'.

'Special Olympics' itu juga adalah sebuah organisasi sukan antarabangsa yang khas untuk mereka kurang upaya dengan melibatkan penyertaan 157 buah negara berdaftar di bawah satu badan dari 13 buah negara iaitu Australia, Bangladesh, India, Republik Indonesia, Jepun, Malaysia, Nepal, New Zealand, Pakistan, Republik Filipina, Republik Singapura dan Thailand.

Sebanyak lima acara dipertandingkan di temasya tersebut iaitu bocce,



YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah berkenan berangkat menyaksikan program 'Special Olympics' di Kompleks Sukan RBA. - Gambar oleh Ramli Tengah.

lumba lari 100 meter, lompat jauh, jalan kaki 50 meter dan membaling bola tenis.

Di majlis itu juga, Yang

Teramat Mulia berkenan menerima perbarisan kehormatan lalu para peserta dan berkenan disembahkan kepada pengurus-pengurus dan ketua-ketua

pasukan yang mengambil bahagian dan seterusnya berkenan mengurniakan hadiah kepada para pemenang berjalan kaki sejauh 50 meter.



YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah ketika berkenan mengurniakan hadiah kepada para pemenang yang menyertai acara 'Special Olympics'. - Gambar oleh Ramli Tengah.

ATLDB juara

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 9 April. - Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) muncul juara bola sepak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei setelah berjaya menumpaskan pasukan Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDDB).

Saingan yang pada mulanya memihak kepada pasukan ATDDDB, justeru tidak melemahkan ATLDB untuk meneruskan perlawanan sekalipun diadui dengan dua jaringan di hadapan sebelum diikat menjadi 2-1 di akhir babak separuh masa pertama.

Mendahului dengan kelebihan satu jaringan tidak cukup untuk ATDDDB memberi tekanan kepada ATLDB apabila menggenapkan jaringan ketiga setelah beberapa minit separuh masa kedua bermula menerusi sepakan Norisman apabila sepakan sudutnya terus menembusi gawang ATLDB.

Namun ATLDB yang tidak kenal putus asa cuba merapatkan jurang setelah beberapa orang pemain digantikan khususnya di bahagian tengah dan serangan dan ternyata rombongan tersebut berhasil apabila Haji Marlidi menjaringkan gol kedua untuk

pasukannya.

Ternyata hujan lebat yang turun di perlawanan akhir itu menjadi pembakar perjuangan ATLDB apabila gandingan Masroni dan Aliuddin berjaya memperdayakan pertahanan ATDDDB untuk menyamakan kedudukan 3-3.

Setelah kedua-dua pasukan berentap untuk mengheret perlawanan masuk ke masa tambahan bagi gol emas, Saiful Bahrin muncul sebagai wira ATLDB apabila rembatannya memusnahkan impian ATDDDB untuk melakar kejuaraan.



JUARA ... Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi menyampaikan plakat kepada Pasukan Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB). - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

MENARIK ... Pemain Pasukan ATDDDB dan ATLDB bersaing untuk merebut bola pada perlawanan akhir di Padang JBS, Berakas (bawah). - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.



Bersukan perlu bagi anggota Pasukan Polis

Oleh
Abu Bakar HAR

GADONG, 8 April. - Setiap anggota polis memerlukan orang yang berpengetahuan, berkemahiran dan berkualiti serta mempunyai kecergasan, ketahanan diri, etika kerja yang murni dan disiplin yang tinggi agar dapat melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan dan diamanahkan berkesan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan menyatakan perkara tersebut di Majlis Pembukaan Rasmi Kejohanan Sukan Tiga Wilayah di antara Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dengan Pasukan Polis Diraja Malaysia kontinjen Sabah dan Sarawak di Stadium Hassanal Bolkiah di sini.

Katanya, bersukan atau latihan fizikal merupakan keperluan bagi anggota-anggota polis untuk memastikan keadaan sihat fizikal dan mental, cegas dan sentiasa bersedia sedia untuk berkhidmat pada bila-bila masa diperlukan demi kepentingan negara

dan tanah air.

Menyentuh mengenai sukan dwitahunan itu, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan yang juga selaku Pengarah Keselamatan Dalam Negeri menyatakan melalui sukan itu anggota PDB dan Polis Diraja Malaysia kontinjen dari negeri Sabah dan Sarawak telah dapat disatukan dalam satu perkumpulan yang bukan semata-mata dihasratkan untuk bertanding atau berada tenaga bagi meraih kemenangan.

Tegasnya, dalam mempertandingkan acara sukan itu yang lebih penting ianya dapat membuka peluang kepada anggota-anggota polis di semua peringkat dan rakan setera masing-masing dari ketiga-tiga pasukan untuk bersua kenal, mengeratkan lagi silaturahim yang sedia wujud, jalinan muhibah dan berkongsi pengalaman serta dapat bertukar-tukar

fikiran antara satu sama lain.

Dengan interaksi yang diwujudkan terutama secara perasaan interaksi, kata Dato Paduka, akan lebih mengukuhkan lagi persefahaman dan kerjasama, perkongsian maklumat, di samping akan merapatkan lagi rangkaian kerja khususnya di peringkat 'operational level'.

Kerjasama seperti ini sangat diperlukan memandangkan kepada cabaran semasa dalam arus perkembangan dan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta era globalisasi dan ini tentunya dapat membantu dan memudahkan tugas-tugas kepolisian terutama dalam bidang jenayah apatah lagi yang berbentuk jenayah merentas sempadan yang melibatkan Negara Brunei Darussalam, negeri Sabah dan Sarawak, Malaysia.

Kejohanan yang berlangsung selama tiga hari itu mempertandingkan acara sukan iaitu golf, bola tampar, bola jaring, bola sepak, sepak takraw, bulu tangkis dan tarik kalat.

Oleh Haji Ahat HI

Hadir di Majlis Mengadap tersebut ialah Penasihat Khas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri, merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali dan Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada Duta Besar Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik ke Emieriah Arab Bersatu (UAE), Tuan Yang Terutama Haji Adnan (kiri) dan kepada Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kemboja, Tuan Yang Terutama Dr. Hui Emran (kanan). - Gambar oleh Halim HS.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima surat tauliah perantikan Duta Besar Croatia, Tuan Yang Terutama Zeljko CIMRIJIC. - Gambar oleh Pn. Rafae PDPHM.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolikiah Mu'izzaddin Waddauiyah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima surat tauliah perlantikan Pesuruhjaya Tinggi Zamia, Tuan Yang Terutama Godfrey S. SIMASIKU. - Gambar oleh Mohd. Zul-luzi HD.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat ke Dublin, Republik Ireland bagi menghadiri Mesyuarat Keenam Menteri-menteri Luar Asia Eropah (ASEM) yang akan berlangsung pada 17 - 18 April.

Mesyuarat dua hari itu akan menumpukan perkara-perkara yang menjadi perhatian bersama Asia dan Eropah dan langkah-langkah untuk meningkatkan kerjasama kedua-dua buah rantau tersebut. Gambar atas Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri sebelum berangkat ke Dublin. - Gambar oleh Hamadi HM.

Dari muka 1

Surat Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran dibacakan oleh YDM Pehin Khatib Haji Awang Mat Jaya, manakala doa selamat dibacakan oleh YDM Pehin Khatib Haji Awang Mustapa.

Selepas itu YDM Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Wahab dan YDM Pehin Orang Kaya Shahbandar masing-masing menghadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menjunjung Chiri dan seterusnya menjun-

jung ziarah.

Setelah itu diikuti dengan Istiadat Mengurniakan Gelaran kepada Dato Paduka Awang Haji Hazair, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid dan Awang Haji Mohd. Tarif.

Istiadat Pengurniaan Gelaran kepada Dato Paduka Awang Haji Hazair menjadi Yang Dimulakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja dengan YDM Pehin Orang Kaya Pekerma Lela Dato Paduka Haji Awang Chuchud duduk di sebelah kanan dan kemudian nya menapakkan Gangsa Sireh ke bahu kanan dan kiri serta di atas kepala Dato Paduka Awang Haji Hazair, diikuti dengan bacaan Chiri oleh Mudim Awang Haji Mat Salleh dan doa selamat dibacakan oleh YDM Begawan Pehin Khatib Haji Awang Zaimudin.

YDM Pehin Orang Kaya
Pekerma Laila Diraja kemudi-
annya menjunjung ziarah ke
hadapan majlis baginda.

Isiatyad yang sama kemudi-
an disusuli dengan
Pengumuman Gelaran kepada
Dato Paduka Awang Haji
Abdul Rahman menjadi YDM
Pehin Orang Kaya Laila Setia
yang diapit oleh YDM Pehin
Orang Kaya Lela Sura Dato
Seri Laila Jassa Haji Awang
Abas dengan YDM Pehin
Orang Kaya Lela Pahlawan
Mejar Jeneral (B) Dato
Paduka Seri Haji Awang
Mohd. Jaafar menjunjung
anugerah duduk di sebelah
kanan dan kemudiannya
menapakkan Gangsa Sirih ke
bahu kanan dan kiri serta di-
tatas kepada Dato Paduka
Awang Haji Abdul Rahman
dikuti bacaan Chiri oleh
Mudim Awang Haji Safar
manakala dia selami diba-
cakan oleh YDM Begawan
Pehin Khatib Haji Awang
Abdul Wahid.

YDM Pehin Orang Kaya Laila Setia kemudiannya menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda.

Kemudian diikuti istiadat

yang sama bagi Pengurniaan Gelaran kepada Dato Seri Paduka Haji Awang Abidin menjadi Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Saiful Mulok yang diapi oleh YDM Pehin Orang Kaya Laila Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman dengan YDM Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan menjunjung anugerah duduk di sebelah kanan dan kemudiannya menampakan Gangsa Sireh ke bahagian kanan dan kiri dan di akhir kepada Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin diikutinya bacaan Chiri oleh Mudim Haji Awang Abdul Latif dan Dato selamat dibacakan oleh YDM Begawan Pehin Khatib Haji Awang Ahmad.

YDM Pehin Orang Kaya Saiful Mulok kemudiannya menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Setelah itu disusuli dengan Istiadat Pengurniaan Gelaran kepada Awang Haji Mohd. Tariff menjadi Ya. Dimulainya Pehin Orang Kaye Maharaja Salia yang diapit oleh YDM Pehin Orang Kaye Setia Jaya Dato Paduka Haji Awang Abu Hurairah dengan YDM Pehin Orang Kaye Lela Pahlawan menjunjung anugerah daduk di sebelah kanan dan kemudiannya memaparkan Gunsang Sireh ke bahagian kanan dan kiri dan di atas kepala Awang Haji Mohd. Tariff diikuti bacaan Chiir oleh Mudim Awang Haji Ahma Kasma dan doa selamat dibacakan oleh YDM Pehin Khairul Haji Awang Metassan.

YDM Pehin Orang Kayah Maharaja Salia kemudiannya menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Terdahulu sebelum istiadat-istiadat itu berlangsung Istiadat Mengambil Dato Paduka Awang Haji Hazai Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman, Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin dan Awang Haji Mohd. Tari telah berlangsung di hadapan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdan Wazir Sahibul Himmah Wal Wagar Pengiran Mu

Mohamed Bolkish

Rombongan mengambil Dato Paduka Awang Haji Hazair di Kampong Salambigar, Jalan Muara dikepalai oleh YDM Pehin Orang Kaya Pekerna Setia Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman; YDM Pehin Oarang Kaya Lela Sura Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abas mengepalai rombongan mengambil Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman di Jalan Babu Raja, Kampong Kiarong; YDM Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman mengepalai rombongan mengambil Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin di Kampong Lambak, Jalan Pasir Berakas dan YDM Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Awang Abu Huraiah mengepalai rombongan mengambil Awang Haji Mohd. Tarif di Kampong Lambak 'B'.

Keempat-empat Pehin Manteri yang mengepalai rombongan mengambil diiringi oleh beberapa orang Pehin-pehin Manteri di bawahnya dan Manteri-manteri Hulubalang beserta alat-alat kebesaran diraja iaitu 4 pedang dan 4 tumbak masing-masing menuju ke tempat kediaman empat bakal Pehin Manteri yang akan dikurniakan selaran.

Sementara itu, Mudim Awang Mat Salleh, Mudim Awang Haji Safar, Mudim Awang Haji Ahmad Kasra telah disabdakan untuk membacakan Chiri.

Juga berangkat dan hadir ke istiadat tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Menteri, Mantri-mantri Pedalaman, Duta-duta Besar, Pesuruhbaja-pesuruhbaja Tinggi, Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan para jemputan yang lain.

د تربيتي ٽڪن اولهه جياتن فزاعن، جياتن فردان منڌري دان دجيتق اولهه جياتن فرجيتقن ڪراچان، نڱارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam

Tingkatkan mutu perkhidmatan BruNet

BERAKAS, 6 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menyabdakan keprihatinan mengenai usaha-usaha untuk memperingkatkan mutu perkhidmatan BruNet, strategi Jabatan Telekom Brunei (JTB) dalam memastikan sistem telekomunikasi bebas dari 'telecommunication hackers' dan pulangan pelaburan terhadap projek-projek yang telah dilaksanakan.

Duli yang Teramat Mulia bersabda demikian ketika berkenan berangkat

**Liputan Abdullah Asgar
Gambar-gambar oleh
Haji Haranadi HB dan Harun HR**

membuat lawatan kerja ke JTB, Kementerian Perhubungan di Lapangan Terbang Lama Berakas dekat sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain yang juga selaku Pemang-

ku Menteri Perhubungan dan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah serta pegawai-pegawai kanan JTB.

Dalam sembah taklimat oleh Pengarah Urusan Telekom Brunei, Awang Song Kin Koi antara lain menjelaskan mengenai peralihan struktur organisasi dan perundangan-perundangan berkaitan bagi pengkorporatan JTB, perkembangan dan pencapaian jabatan berkenaan sejak penubuhannya.

Awang Song menambah, dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan BruNet ialah melalui rombakan menyeluruh terhadap rangkaian utama BruNet, penyediaan pusat-pusat pemulihan data dan penambahan kapasiti laluan internet antarabangsa melalui syarikat-syarikat STIX Singapura dan Telekom Kanada.

Mengenai pemantauan keselamatan sistem telekomunikasi negara, beliau berkata, pemerhatian berterusan merupakan sebagai strategi bagi memastikan keselamatan.

Menyentuh hal pulangan pelaburan, beliau menjelaskan ianya akan menjadi salah satu perkara yang ditekankan dalam melaksanakan sesuatu projek dalam suasana korporat.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan meneliti salah sebuah 'file' yang digunakan di Bahagian Billing ketika berangkat membuat lawatan kerja di Jabatan Telekom Brunei.



DULI Yang Teramat Mulia mendengar sembah penerangan ringkas Jurutera Kerja Kanan, Awang Poh Eng Gee ketika melawat Stesen Kabel Dasar Laut JTB di Tungku.



DULI Yang Teramat Mulia meneliti sebuah peralatan yang digunakan di sebuah bahagian Stesen Kabel Dasar Laut, Tungku.

Setelah disembahkan taklimat DYTMM berangkat melawat ke pusat-pusat urusan dan perkhidmatan pelanggan, di mana dalam tinjauan itu Duli Yang Teramat Mulia telah disembahkan penerangan ringkas oleh ketua-ketua bahagian berkenaan menyentuh mengenai fungsi dan peranan bahagian masing-masing.

Dari sini DYTMM meneruskan lawatan ke bilik-bilik pameran produk dan teknologi terkini telekomunikasi bagi meninjau dan menyaksikan pameran-pameran mengenai inovasi telekomunikasi ke arah pembaharuan dan peningkatan mutu perkhidmatan yang ditawarkan. Duli Yang Teramat Mulia telah disembahkan penerangan ringkas oleh pegawai-pegawai yang bertugas.

DYTMM kemudiannya meneruskan lawatan ke Rumah Telefon di Jalan Sumbiling Lama untuk meninjau dengan lebih dekat lagi mengenai Pusat Operasi Rangkaian BruNet yang sedikit masa lagi akan dirombak menyeluruh.

Di sini juga DYTMM berkenan melawat ke pusat pengurusan rangkaian telekomunikasi, rangkaian telefon pusat dan perkhidmatan operator antara-bangsa.

Kemudiannya DYTMM meneruskan lawatan ke bangunan Stesen Kabel Dasar Laut yang terletak di Lebuhraya Tungku Link bagi meninjau lebih dekat akan kemudahan peralatan dan peranan serta fungsi

stesen tersebut yang dibuka lebih 12 tahun lalu.

Stesen Kabel Dasar Laut selama ini digunakan bagi menempatkan pusat-pusat pemulihan bagi perkhidmatan BruNet dan perkhidmatan operator antara-bangsa yang juga banyak menempatkan peralatan telekomunikasi yang canggih dan mahal serta memerlukan penjagaan sepanjang masa dengan menempatkan beberapa orang Jurutera Telekom yang terdiri anak-anak tempatan.

Sebelum berangkat ke Empire Hotel and Country Club bagi Majlis Santap Tengah Hari, DYTMM meneruskan lawatan ke bahagian 'NGN Softswitch and Transmission' juga di bangunan yang sama.



PEGAWAI bertugas Incom Sendirian Berhad menyembahkan sesuatu ke hadapan majlis DYTMM sewaktu mengunjungi cawangan Incom di Jabatan Telekom Brunei, Berakas.



SALAH seorang pegawai bertugas menyembahkan sesuatu ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia mengenai sebuah mesin yang digunakan oleh JTB.

Sastera dan Budaya

سستردان بوداي

PENDAHULUAN

PADA umumnya perkataan sejarah difahami sebagai sesuatu kejadian yang telah berlaku dan telah berlaku. Menurut Arthur Marwick, perkataan sejarah mempunyai dua pengertian. Pertama ialah apa saja kejadian yang telah berlaku di masa-masa lalu, sama ada ianya dicatatkan ataupun tidak. Kedua ialah sejarah yang dicatatkan, yang diketahui oleh umum. Ianya dicatatkan oleh orang-orang tertentu yang dikenali sebagai ahli sejarah. Mereka ini mempelajari sesuatu kejadian

untuk menjadi ristaan atau pelajaran untuk tujuan tertentu. Memanglah agak sukar untuk memberikan satu istilah yang tepat untuk sejarah, akan tetapi satu kefahaman yang mudah untuk pengertian sejarah ialah ianya berkaitan dengan kejadian yang telah berlaku

Sejarah merupakan suatu bidang yang dikenali lebih menjurus kepada aspek kita mula mengenali sejarah apabila kita berada di bangku sekolah. Di sekolah murid-murid diajar mengenai sejarah yang berkaitan dengan kejadian-kejadian penting yang pernah berlaku di dunia dan juga di tanah air mereka. Sejarah seperti ini selalunya tercatat kerana ianya mempunyai kepentingannya yang tersendiri untuk dikenali, contohnya Perana Dunia I dan II dan juga tarikh hari kemerdekaan. Tetapi pada realitinya sejarah merupakan suatu bidang yang luas untuk diterokai. Ianya bukan hanya membicarakan mengenai sesuatu kejadian yang telah terjadi akan tetapi juga sebagai peringatan kepada kita untuk dicontohi.

Masyarakat ialah sekumpulan orang yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan cara-cara dan aturan-aturan yang tertentu (Kamus Bahasa Malaysia: 1980, m.s 350). Dalam kehidupan bermasyarakat ini, segala cara dan juga aturan yang mereka gunakan merupakan sesuatu yang mereka ikuti daripada orang-orang yang terdahulu. Ini menunjukkan bahawa sesuatu itu dipelajari melalui kejadian atau peraturan yang telah ditetapkan. Ini menunjukkan juga bahawa mereka merujuk kepada sejarah sebagai panduan kehidupan sehari-hari.

APAKAH KEPENTINGAN SEJARAH SEBENARNYA?

Mengetahui mengenai sejarah merupakan sesuatu yang penting untuk sesiapa sahaja. Sebagai masyarakat umum sejarah merupakan sesuatu yang berbentuk catatan lama ataupun artifak. Apabila menyentuh hal-hal seperti ini tentulah muzium yang akan terfikir oleh kita. Muzium dilihat sebagai sebuah jabatan yang bertanggungjawab ke arah

MASYARAKAT Brunei masih berpegang teguh kepada beberapa peraturan adapt dan budaya yang diikuti turun temurun. Salah satu daripadanya ialah Adat Istiadat Istana atau Kerajaan Melayu Brunei. Masyarakat Brunei amat berpegang teguh kepada unsur-unsur seperti ini yang telah diwarisi zaman berzaman.

ini. Orang ramai akan melihat muzium sebagai tempat pengumpulan bahan-bahan lama.

Akan tetapi sebenarnya ianya merupakan suatu tempat yang penting kerana bahan-bahan sejarah yang dikumpulkan dapat menerangkan mengenai sesuatu kejadian atau memberikan suatu gambaran mengenai masa lampau sebuah masyarakat.

Semua masyarakat di seluruh dunia mempunyai latar belakang yang berbeza-beza.

Tamadun-tamadun besar jatuh dan bangun mengikut putaran zaman. Ini kita ketahui melalui catatan-catatan dan peninggalan kesan-kesan lama yang dikaji oleh ahli sejarawan di seluruh dunia. Ahli kaji sejarah melihat adanya kepentingan untuk kita mengkaji dan mempelajari kejadian-kejadian yang telah berlaku suatu ketika dahulu. Banyak aspek yang dapat kita pelajari daripada sejarah. Kita boleh melihat dan mempelajari asal-usul dan matlamat sesuatu kejadian itu berlaku. Kita ambil contoh penjelajahan.

Penjelajahan, mengikut Kamus Dewan bermaksud mengelilingi atau berjalan ke merata-merta tempat atau daerah. Dalam konteks sejarah, sejak berzaman-zaman manusia berkeinginan untuk menjelajah. Bermula dari zaman pra-sejarah lagi, manusia mencari kawasan baru untuk tujuan menghadapi kekurangan bahan makanan oleh kerana berlakunya perubahan cuaca atau apabila berlakunya ancaman oleh suatu kumpulan yang lain. Ini membuka pula kepada penelitian atau pengkajian persekitaran mereka.

Motif yang menggiatkan manusia untuk mengkaji persekitaran

mereka memang banyak. Antaranya adalah untuk memuaskan perasaan ingin tahu, dorongan perdagangan, mengembangkan ugama, keselamatan dan kuasa politik (Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchuman; 2001, m.s: 534-5). Penjelajahan oleh bangsa Eropah contohnya telah membawa kepada hubungannya dengan Eropah Utara dan Barat yang meluaskan pengetahuan dan kebudayaan kedua-dua kumpulan (Ibid). Rangsangan untuk memperluaskan wilayah telah terlihat dengan penubuhan empayar Helenistik dan Rom yang menyebabkan ugama Kristian berkembang ke Eropah dan kawasan-kawasan di luar blok Eropah (ibid). Kemunculan budaya-budaya dan juga pertembungan ini menyumbangkan kemajuan sains dan pelayaran-pelayaran yang membawa kepada pembukaan kawasan-kawasan baru. Dapatlah disimpulkan melalui sejarah, penjelajahan seperti ini bertujuan dan bermotifkan kehendak politik, ekonomi dan sosial.

Jika kita rujuk sejarah Brunei sendiri mengenai penjelajahan pula, kita akan mendapati bahawa suatu ketika dahulu Kerajaan Brunei juga merupakan empayar yang besar yang terhasil daripada penjelajahan. Kegagungan empayar Brunei

suatu ketika dahulu di bawah pemerintahan Sultan Brunei yang ke-V, Sultan Bolkiah telah diakui hingga ke Kepulauan Sulu di Filipina. Kesan penjelajahan orang-orang Cina yang datang untuk tujuan perdagangan ke Brunei juga dapat dilihat melalui beberapa peninggalan siramik dan tembikar. Hubungan perdagangan yang telah berlaku antara pedagang Cina dan orang-orang Brunei suatu ketika dahulu memberikan pulangan yang amat menguntungkan.

Penjelajahan juga telah membawa kemasukan ugama Islam ke Brunei. Ugama Islam telah berkembang dengan pesatnya dengan kedatangan mubaligh-mubaligh Islam dan juga pedagang-pedagang Arab suatu ketika dahulu. Melalui sejarah juga kita mengetahui bahawa jurai keturunan Salasilah Kesultanan Melayu Brunei ada bersangkutan dengan keturunan Arab iaitu melalui Sultan Brunei yang ke-III, Sultan Sharif Ali.

Seperti yang telah diterangkan pada awal-awal tadi, sejarah merupakan suatu bidang yang amat luas untuk kita pelajari. Pada hakikatnya kehidupan bermasyarakat itu sendiri mewarnai latar belakang sejarahnya. Salah satu contoh yang paling ketara ialah sejarah lisan.

SEJARAH amat penting untuk dijadikan sebagai garispandu yang akan menunjukkan jalan kepada pembentukan hubungan sosial yang lebih berkesan. Banyak yang dapat dipelajari melalui sejarah dan dapat pula dijadikan sebagai panduan untuk merancang sesuatu matlamat untuk pembangunan dan kesejahteraan sebuah masyarakat itu.

OLEH
NORLEHANIWATI BINTI HJ. BAKAR

Sejarah lisan di Brunei sendiri adalah amat menarik. Walaupun sejarah lisan sukar untuk dijadikan bahan bukti yang kukuh akan tetapi ianya tetap dikenali oleh masyarakat setempat. Kegagalan Awang Semaun yang dilakarkan melalui Syair Awang Semaun antara lain memperlihatkan bagaimana Kerajaan Brunei dibuka suatu ketika dahulu.

Melalui aspek kebudayaan pula, masyarakat Brunei masih berpegang teguh kepada beberapa peraturan adat dan budaya yang diikuti turun temurun. Salah satu daripadanya ialah Adat Istiadat Istana atau Kerajaan Melayu Brunei. Masyarakat Brunei amat berpegang teguh kepada unsur-unsur seperti ini yang telah diwarisi zaman berzaman. Melalui sejarah kita dapat mengetahui bahawa adat istiadat seumpama ini telah diamalkan sejak berkorun lamanya, walaupun ianya telah mengalami beberapa perubahan untuk kesesuaiannya mengikut zaman. Ianya banyak membentuk masyarakat kita untuk bersikap bersopan santun dan berbudaya ketimuran. Ianya dijadikan seolah-olah sebagai peraturan hidup yang menggaris tatasusila sehari-hari.

Keperluan sejarah juga banyak menyentuh hal-hal lain seperti pertumbuhan ekonomi, infrastruktur dan perkhidmatan sosial, pembentukan sistem kerajaan, permulaan sistem pendidikan, hal-hal perubahan, taktik peperangan, sistem politik dan bermacam-macam lagi. Sejarah juga akan dapat

mengajar sebuah masyarakat dan seseorang individu akan sesuatu tindakan yang perlu diambil supaya tidak mengulangi kesilapan yang pernah terjadi suatu ketika dahulu. Contoh yang paling dekat ialah mengenai pengamalan makanan. Melalui pengalaman lalu, seseorang tahu bahawa lada itu bersifat pedas dan panas.

Maka sudah tentunya seseorang akan lebih berhati-hati apabila menggunakannya. Begitu juga dengan beberapa isu lain seperti skim cepat kaya. Masyarakat telah tahu akan bahaya skim seperti ini yang kebanyakannya hanya menguntungkan sebelah pihak saja dan lebih berunsur kepada penipuan. Maka sebagai masyarakat yang telah belajar daripada sejarah lalu maka tentunya perkara seperti ini dihindari.

Antara aspek lain ialah sistem perhubungan sosial dalam masyarakat itu sendiri. Telah banyak teori-teori dikemukakan berdasarkan pengalaman sejarah mengenai bagaimana sebuah masyarakat tersebut jatuh dan bangun. Teori-teori seperti ini dikenali sebagai teori sosiologi. Ianya amat berkait rapat dengan sejarah kerana ahli-ahli Sosiologi yang terkenal seperti Karl Marx menggunakan pengalaman sejarah untuk mengemukakan teori-teori beliau. Andai-ananda dibuat untuk memberikan jalan kepada masyarakat mengatur strategi pembangunan dan pengukuhan sistem masyarakat itu sendiri. Ini dibuat melalui pengalaman-pengalaman masyarakat di seluruh dunia. Bukan itu saja yang mampu dilakukan melalui penelitian sejarah, malah kita, dengan berpandukan kepada sejarah dapat menilai segala perilaku kita dan masyarakat di sekeliling untuk memberikan sesuatu kepastian dan jaminan keselamatan.

KEPENTINGANNYA DALAM SESEBUAH MASYARAKAT

Bagi sebuah masyarakat pada umumnya, sejarah amat penting

untuk dijadikan sebagai garis panduan yang akan menunjukkan jalan kepada pembentukan hubungan sosial yang lebih berkesan. Banyak yang dapat dipelajari melalui sejarah dan dapat pula dijadikan sebagai panduan untuk merancang sesuatu matlamat untuk pembangunan dan kesejahteraan sebuah masyarakat itu. Contohnya antara lain ialah aspek pertanian. Melalui sejarah kita mengetahui bahawa kawasan Wasan pernah dijadikan sebagai tempat penanaman padi akan tetapi menemui kegagalan.

Kita juga tahu bahawa suatu ketika dahulu sago merupakan penghasilan yang dapat memberikan keuntungan kepada kita. Melalui pengalaman seperti ini kita dapat mengambil beberapa pengajaran melaluinya seperti menyelidiki apakah faktor yang menyebabkan kita gagal untuk mengusahakan penanaman padi. Mengapa pula suatu ketika dahulu pengeluaran hasil sago dapat dimajukan dan tidak hari ini? Apakah faktor-faktor yang dapat membantu kita untuk menyelesaikan masalah seperti ini?

Kita tahu bahawa sehingga kehari ini selepas penemuan minyak, tidak ramai lagi yang berminat untuk mengusahakan tanaman padi walaupun beras tempatan merupakan satu pasaran yang bernilai tinggi. Begitu juga dengan perusahaan sago atau 'ambolung'. Kita tahu bahawa hingga ke hari ini, ambolung mempunyai pasaran yang baik di tempat kita. Kita seharusnya mempelajari melalui sejarah untuk merubah teknik penghasilan dengan perkembangan teknologi semasa dan mempelbagaikan lagi produk yang berasaskan kepada bahan seperti sago.

Seharusnya kita tahu bahawa melalui pengalaman sejarah iaitu Perang Dunia Ke-II suatu ketika dahulu memperlihatkan bagaimana kedua-dua bahan utama beras dan ambolung amat berharga sebagai bahan makanan, walaupun ketika itu kita telah menghasilkan minyak sebagai bahan eksport utama. Akan tetapi disebabkan oleh keadaan kita amat

NIKMATI KEBAHAGIAAN, KETENANGAN JIWA MELALUI SILATURAHIM

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Hujuraat ayat 10 yang tafsirnya:

"Bahawasanya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu itu dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."

Persaudaraan adalah di antara nikmat yang amat berharga dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada orang-orang yang beriman. Apatah lagi bila kita mengingat kembali kepada asal usul kita iaitu Nabi Adam Alaihissalam yang dijadikan daripada tanah. Ini menunjukkan bahawa kedudukan kita di sisi Allah Subhanahu Wataala adalah sama tanpa mengira bangsa, warna kulit, bahasa dan tempat sebagaimana yang terkandung dalam Khutbah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ketika Baginda mengerjakan Haji Wida' bersama para sahabat Baginda yang maksudnya:

"Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Tuhan kamu itu satu dan bapa kamu (Nabi Adam Alaihissalam) itu satu, sesungguhnya tidak ada kelebihan bagi orang Arab ke atas orang bukan Arab dan tidak ada kelebihan bagi orang bukan Arab ke atas orang Arab dan tidak ada kelebihan bagi orang yang berkulit cerah ke atas orang yang berkulit hitam dan tidak ada kelebihan bagi orang yang berkulit hitam ke atas orang yang berkulit cerah kecuali taqwa." (Riwayat Imam Ahmad).

Ketahuilah bahawa sesungguhnya yang membezakan antara kita ialah ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hujuraat ayat 13 yang tafsirnya:

"Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam pengetahuan-Nya akan keadaan dan amalan kamu."

Sesungguhnya membina hubungan silaturahim itu adalah amat penting kerana tidak ada siapa pun yang boleh hidup sendirian di dunia ini, sebaliknya memerlukan antara satu sama lain. Kerana itu ugama Islam menegaskan kepada umatnya supaya membina hubungan silaturahim baik sesama kaum kerabat, sahabat handai, jiran tetangga,

teman sekerja mahupun kepada masyarakat sekeliling.

Sesungguhnya orang yang dapat mengikat tali persaudaraan dengan rasa kasih sayang dan ikhlas kerana Allah Subhanahu Wataala nescaya ia dapat merasa nikmat kebahagiaan serta nikmat ketenangan jiwa. Oleh itu elakkanlah hidup nafsunafsi dan mementingkan diri sendiri jika kita mahu hidup rukun damai, aman dan tenteram.

Untuk membina ikatan ukhuwah Islamiah itu bukanlah suatu yang sukar. Banyak cara yang boleh kita lakukan, antaranya Islam mengajarkan supaya kita mengucapkan salam. Mengucapkan salam adalah suatu ucapan yang sangat penuh dengan pengertian kerana ia dapat melahirkan kemesraan dan saling doa-mendoakan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ber-

sabda yang maksudnya:

"Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Kamu tidak akan masuk Syurga sehingga kamu beriman dan kamu tidak akan beriman selagi kamu tidak berkasih sayang. Mahukah kamu aku tunjukkan suatu amalan jika kamu lakukannya nescaya kamu akan saling kasih-mengasihi? Amalkanlah memberi salam di antara satu sama lain di kalangan kamu." (Riwayat Imam Muslim).


Selain itu kukuhkanlah ikatan ukhuwah dengan sikap suka saling bantu-membantu, bergotong-royong, bertolak ansur, hormat-menghormati, menepati janji, merendah diri dan tidak sombong, tidak menyakit hati dan perasaan sesama kita, baik dengan percakapan atau perbuatan sama ada secara sengaja atau tidak, menghadiri undangan jika di-

jemput, menjaga kehormatan dan menutup aib saudara kita dan sebagainya. Bahkan jika sekiranya saudara kita dilimpahkan rezeki yang lebih dari kita maka hendaknya kita merasa syukur dan gembira, bukan sebaliknya iaitu merasa dengki dan benci sehingga menimbulkan perasaan tidak puas hati dan dendam.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Janganlah kamu berdengkikan dan janganlah kamu berbenci-bencian dan janganlah kamu mengintip-intip dan berusaha mengetahui rahsia orang lain, dan janganlah kamu melakukan penipuan dalam berniaga dan jadilah kamu hamba Allah yang bersaudara."

Sebagai umat Islam yang beriman kita adalah berkewajipan untuk me-



negur dan menasihati sesama kita dalam usaha mencegah kemungkaran. Sungguhpun demikian, perbuatan menegur dan nasihat-menasihati itu bukanlah suatu perkara yang mudah dilaksanakan, sebaliknya memerlukan kepada hikmah kerana jika silap langkah boleh menimbulkan persengketaan dan bermasam muka.

Dalam hubungan ini, bagi mengelakkan keadaan ini berlaku, kita hendaklah berpegang kepada Al-Quran dan Assunnah yang mengajar kita supaya ingat-mengingati, nasihat-menasihati antara satu dengan yang lain. Bagi pihak yang menasihati, hendaklah memberikan nasihat itu dengan ikhlas

SESUNGGUHNYA membina hubungan silaturahim itu adalah amat penting kerana tidak ada siapa pun yang boleh hidup sendirian di dunia ini, sebaliknya memerlukan antara satu sama lain. Kerana itu ugama Islam menegaskan kepada umatnya supaya membina hubungan silaturahim baik sesama kaum kerabat, sahabat handai, jiran tetangga, teman sekerja mahupun kepada masyarakat sekeliling.

kerana Allah Subhanahu Wataala, sementara pihak yang diberi nasihat pula perlulah menghargai dan berterima kasih dan menerimanya dengan lapang dada.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 103 yang tafsirnya:

"Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan mengembangkan Islam dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang salah, buruk dan keji. Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya."

Ketahuilah bahawa mewujudkan persaudaraan yang baik sesama kita boleh mengukuhkan perpaduan masyarakat khususnya kepada umat Islam sejagat. Kerana dengan adanya kasih sayang dan sikap pemedulian dalam jiwa sahalalah, kita akan

merasa senang dan mudah untuk menghulurkan bantuan, baik berupa harta benda, tenaga mahupun fikiran sama ada bagi saudara yang dekat mahupun yang jauh dan di mana jua mereka berada.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Dari Anas bin Malik Radiallahuanhuma, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Barangsiapa yang suka diperluaskan rezekinya dan dipanjangkan umurnya maka sambunglah hubungan silaturahim."

Akhirnya marilah kita sama-sama menjaga dan memelihara serta mempererat tali silaturahim kita. Dengan demikian mudah-mudahan kesatuan umat Islam akan kukuh dan disegani bahkan tidak mudah dikalahkan dan ditindas oleh orang lain.

وقت سمیہیغ، امساك، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمیہیغ، امساك، شوروق دان ضحی باگی دائره بروني دان موارا مولای دري هاري رابو، 24 صفر، 1425 برسمان دغن

14 افریل، 2004 هیگ کھاري ثلاث، 30 صفر، 1425 برسمان دغن 20 افریل، 2004 اداله سفرت دباوه این :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	سوروق	ضحی	مسیحی
صفر	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	سوروق	ضحی	مسیحی
14	12.22	3.30	6.28	7.38	4.46	4.56	6.14	6.37	14
15	12.22	3.31	6.28	7.38	4.46	4.56	6.13	6.37	15
16	12.22	3.31	6.27	7.38	4.45	4.55	6.13	6.36	16
17	12.21	3.31	6.27	7.38	4.45	4.55	6.12	6.36	17
18	12.21	3.32	6.27	7.38	4.45	4.55	6.12	6.36	18
19	12.21	3.32	6.27	7.38	4.44	4.54	6.12	6.35	19
20	12.21	3.32	6.27	7.38	4.44	4.54	6.11	6.35	20

وقت ۲ سمیہیغ باگی دائره نونوغ دقمه ساتو مینیت دان دائره بلايت دقمه تیگ مینیت، سمیہیغ فرض جمعة دسلوروه نكارا بروني دارالسلام دمولای دري فولك 12.45 نغھاري

TAUBAT:

Pembuka Pintu Kebaikan

Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda.

SYARAT SAH TAUBAT

TAUBAT itu bukan hanya sekadar mengucapkan dengan lidah kalimat *istighfar* yakni "aku meminta ampun kepada Allah", sedang hati tidak pernah menyesal, tidak mahu berjanji untuk menjauhkan diri dari maksiat.

Para ulama telah menjelaskan bahawa terdapat beberapa syarat taubat yang mesti dipenuhi. Sesuatu taubat itu tidak dianggap sempurna kecuali dengan memenuhi syarat berikut:

1) Jika hak-hak yang bersangkutan antara hamba dan Tuhannya, hendaklah seseorang itu:

- i) meninggalkan dosa dan maksiat dengan segera
- ii) menyesali perbuatannya itu
- iii) membulatkan azam untuk tidak akan kembali melakukannya lagi.

2) Andai kata hak-hak itu bersangkut-paut dengan hak anak Adam, maka hendaklah memenuhi empat syarat. Tiga daripadanya sebagaimana tersebut di atas, dan ditambah lagi satu syarat, iaitu hendaklah dia membersihkan dirinya daripada hak orang itu. Umpamanya, jika dia mengambil harta benda orang lain hendaklah dia mengembalikannya semula kepada tuannya. Jika dia mencaci atau mengumpat orang maka hendaklah dia meminta maaf kepada orang tersebut.

Para ulama juga menjelaskan bahawa syarat taubat itu selain apa yang disebutkan di atas ialah hendaklah dorongan bertaubat itu tidak ada tujuan yang lain melainkan semata-mata kerana Allah Taala ataupun semata-mata kerana kesedaran kita bahawa maksiat itu merupakan sesuatu yang keji pada pandangan syarak ataupun semata-mata takut kepada azab Allah Hari Kiamat dan takut kepada balasan Syurga.

CONTOH-CONTOH TAUBAT BUKAN TAUBAT

Jika ada orang bertaubat kerana sesuatu dorongan yang lain selain yang yang disebutkan di atas, umpamanya kerana takut kemudatan yang akan menim-

pa terhadap dirinya, kehormatannya atau hartanya jika dia tidak bertaubat, maka yang demikian itu tidak dinamakan taubat. Sebagai contoh, menyesali dan bertaubat daripada meminum minuman keras, merokok dan sebagainya kerana takut membahayakan kesihatan tubuh badan, yang demikian itu tidak dinamakan sebagai taubat.

Begitu juga, menyesali dan bertaubat daripada memakan harta haram dengan cara rasuah, menipu, mencuri, pecah amanah dan sebagainya kerana takut kehilangan pekerjaan, kehilangan kedudukan pangkat, maka itu tidak dinamakan sebagai taubat.

Sebagai contoh lagi, menyesali dan bertaubat daripada melakukan zina kerana takut malu kepada orang, tidak dinamakan yang demikian itu sebagai taubat.

Oleh yang demikian, taubat itu mestilah bertitik tolak daripada keinsafan untuk kembali kepada Allah semata-mata, bukan kerana yang lain-lain.

LANGKAH-LANGKAH MENUJU TAUBAT NASUHA

Dalam menuju untuk mencapai taubat nasuha, pertama sekali sebagai asas, perlunya ada inisiatif tertentu yang mesti dilakukan oleh seseorang hamba Allah dalam mencari jalan yang dapat membantunya untuk membersihkan dirinya daripada sebarang dosa.

Terdapat beberapa langkah yang boleh dipraktikkan dalam membantu seseorang untuk menjernihkan jiwanya daripada sebarang kotoran dosa, di mana langkah yang dimaksudkan itu merupakan jalan cahaya yang telah ditunjukkan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Antaranya ialah:

1) Menghindari tempat maksiat

Hendaklah meninggalkan tempat yang boleh mendorong seseorang melakukan maksiat, kerana kehadiran seseorang itu di

tempat yang boleh mendatangkan dosa adalah amat bahaya kepada dirinya, di mana dalam situasi itu akan mudah mempengaruhi dan menjebakanya ke dalam pengangkap dosa.

Al-Quran telah memberi petunjuk kepada kita supaya segera menghindari, cepat beredar dari tempat yang berlaku kemungkaran. Cuba kita perhatikan firman Allah Taala di bawah ini yang tafsirnya:

"Dan jika engkau dilupakan oleh syaitan (lalu engkau duduk bersama-sama mereka), maka janganlah engkau duduk lagi bersama-sama kaum yang zalim itu, sesudah engkau teringat (akan larangan itu)." (Surah Al-An'am, ayat 68).

Sesungguhnya antara hikmat mengapa Allah melarang kita duduk diam di tempat yang berlaku kemungkaran itu kerana ianya boleh mendatangkan mudarat dan bahaya yang besar. Oleh itu, menghindari tempat yang berlaku maksiat bererti kita telah melangkah menghampiri pintu taubat.

2) Memilih kawan yang baik dan menghindari kawan yang tidak baik

Memang tidak dinafikan, kawan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap kawannya yang lain. Hal ini adalah disebabkan kawan adalah di antara orang yang paling rapat dengan seseorang dalam pergaulan seharian. Pengaruh yang tidak baik adalah lebih mudah memberi kesan, lebih cepat memberi tindak balas berbanding dengan pengaruh yang baik. Ini dapat dilihat daripada apa yang sering berlaku di mana-mana. Berapa ramai orang terjerumus ke dalam kancas dosa dan maksiat kerana terpengaruh atau dipengaruhi oleh kawan-kawannya?

Al-Quran Al-Karim memberi gambaran kepada kita betapa buruknya akibat atau kesudahan yang menimpa kepada orang yang bersahabat dengan orang yang tidak baik sebagaimana firman Allah Taala yang tafsirnya:

إِشْرَاقُ خُلُوقِ

IRSYAD HUKUM

DARI IABATAN MUFTI KERAJAAN
IABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail: mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

"Dan (ingatlah) hari orang yang zalim menggigit kedua tangannya (marahan dirinya sendiri) sambil berkata: Alangkah baiknya kalau aku (di dunia dahulu) mengambil jalan yang benar bersama-sama Rasul."

"Wahai celakanya aku! Alangkah baiknya kalau aku tidak mengambil si anu itu menjadi sahabat karib."

"Sesungguhnya dia telah menyesatkan aku dari jalan peringatan (Al-Quran) setelah ia disampaikan kepadaku. Dan adalah syaitan itu sentiasa mengecewakan manusia (yang menjadikan dia sahabat karibnya)." (Surah Al-Furqan 27-29).

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga memberi amaran mengenai keburukan bersahabat dengan sahabat yang tidak baik, sebaliknya menganjurkan supaya memilih orang yang salih sebagai sahabat. Diriwayatkan daripada Abu Musa Al-Asy'ari daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda yang maksudnya:

"Sesungguhnya perumpamaan kawan yang salih dan kawan yang tidak baik adalah seperti seorang pembawa minyak kesturi dan peniup puputan (alat untuk menghembus angin daripada buluh atau seumpamanya untuk menyalakan api) tukang besi. Maka pembawa minyak kesturi sama ada dia akan memberikan kepadamu atau engkau akan membeli daripadanya atau engkau akan mendapat aromanya yang harum daripadanya. Sedang peniup puputan tukang besi sama ada dia akan menghanguskan pakaianmu atau engkau akan mendapat bau yang busuk." (Hadis riwayat Muslim).

Jika syarak menganjurkan memilih kawan daripada golongan orang yang baik akhlak, orang yang salih, maka inilah antara jalan yang dapat membantu yang diperlukan oleh orang yang ingin mencapai taubat nasuha, kerana golongan yang sebeginilah yang akan membimbingnya ke jalan yang benar, yang akan mengingatkannya jika dia leka dan yang akan menasihatkannya jika dia tersesat.

Bersambung

منوجوكر ريسان الله
Menuju Keredaan Allah
كلولان قوسه دعوه اسلاميه

SIFAT setia awan (berbaik-baik dan bantu-membantu) sesama manusia adalah sifat mulia yang dituntut oleh Islam, terutama sekali apabila ia berasaskan kepada semangat bertaqwa dan kasihkan Allah.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyifatkan sikap setia kawan ini sebagai perangai orang-orang mukmin. Sebagaimana sabda Baginda dalam sebuah hadis dari Abu Hurairah Radiallahuanhu yang bermaksud:

"Orang mukmin itu bersikap dan menerima sikap setia kawan. Tidak ada kebaikan pada orang yang tidak bersikap dan menerima sikap setia kawan."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memerintahkan umat Islam supaya bertolong-tolongan dan bantu-membantu dalam segala hal, baik di waktu suka atau duka, di waktu senang atau susah, kerana inilah asas kepada perpaduan masyarakat dan umat Islam.

Semangat setia kawan dan tolong-menolong sesama manusia

Jabir Radiallahuanhu meriwayatkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Hendaklah seseorang itu menolong saudaranya sama ada saudaranya itu berlaku zalim atau dizalimi. Kalau (saudaranya itu) menzalimi maka hendaklah dia menghalangnya kerana langkah demikian itu satu pertolongan kepadanya. Dan kalau (saudaranya itu) dizalimi maka hendaklah dia menolongnya."

Dari hadis di atas jelas kepada kita bahawa tidak

ada sikap lepas tangan yang boleh dilakukan oleh seseorang Muslim dalam segala hal yang melibatkan saudaranya yang Muslim. Dia harus campur tangan memberikan pertolongan kepada yang berkenaan.

Setiap orang Islam tidak akan merasa bersendirian dalam segala masalah yang dihadapi dalam masyarakat. Malah sebaliknya, merasakan bahawa segala tingkah laku serta tindak-tanduk kita akan melibatkan orang lain juga. Inilah suatu asas kukuh kepada rasa tanggungjawab kemasyarakatan

yang sebenarnya dalam masyarakat Islam.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyifatkan orang-orang Islam itu sama seperti satu binaan yang saling kuat memperkuat antara satu sama lain terutama ketika menghadapi kezaliman dan melindungi maruah sesama Islam.

Dalam sebuah hadis dari Jabir Radiallahuanhu diriwayatkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa saja yang

mengecewakan seseorang Muslim dalam hal di mana kehormatannya dicabul dan maruahnya dijatuhkan, Allah akan mengecewakannya dalam hal di mana dia mengharap pertolongan-Nya. Dan siapa sahaja yang menolong seseorang Muslim dalam hal di mana maruahnya dijatuhkan dan kehormatannya dicabul, Allah akan menolongnya dalam hal di mana dia mengharap pertolongan-Nya."

Justeru sebagai seorang Muslim kita perlu menjaga kepentingan dan kehor-

matan saudara sesama Muslim dan mempertahankannya pada waktu ketiadaannya. Ini termasuklah kepentingan-kepentingan seperti harta, urusan kerja dan sebagainya sebagai mana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Abu Hurairah Radiallahuanhu yang bermaksud:

"Orang mukmin adalah cermin orang mukmin yang lain, dan orang mukmin adalah saudara orang mukmin yang lain dia akan memperjuangkannya kepentingan dan mengawalinya dari belakang."

Menerima cakera padat rancangan keugamaan



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain menerima Cakera Padat Video (VCD) dan Sijil Penghargaan bagi Rancangan Ramadan Karim 1423 Hijrah dan 1424 Hijrah di Televisyen Brunei daripada Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Dato Seri Setia Awang Haji Adam. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya menerima Cakera Padat Video (VCD) dan Sijil Penghargaan bagi Ceramah Khas sempena Sambutan Israk dan Mikraj 1424 Hijrah di Televisyen Brunei daripada Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Dato Seri Setia Awang Haji Adam. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Pilih cintakan negara berteraskan iman

BANGAR, 11 Mac. - Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut berkata, adalah penting kita memilih cintakan negara berteraskan iman kerana kita sadar bahawa kita sering menghadapi suasana kemarau, banjir, kebakaran, masalah ekonomi dan seumpamanya.

Sehubungan itu, kita juga perlu mengenengahkan cintakan negara itu kepada generasi muda dan orang ramai.

Beliau yang merupakan ahli panel pertama dalam Forum Perdana sempena Sambutan Awal Hijrah 1425 yang diadakan di sini, menjelaskan, dalam konteks bernegara, mencintai negara merupakan ujian yang lebih besar yang bukan sahaja menguji individu tetapi juga perpaduan kita khususnya apabila menghadapi suasana kemarau, banjir, kebakaran, masalah ekonomi dan seumpamanya.

Sehubungan itu, dengan adanya keimanan yang kuat dan kukuh, insya-Allah apa pun bentuk ujian akan mampu kita hadapi dan menerima hakikat bahawa semua ujian itu daripada Allah Subhanahu Wataala dan seterusnya melakukan perbuatan-perbuatan yang baik serta menjauhi larangan-larangan-Nya.

Sementara itu, ahli panel kedua, Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Bahrum bin Pengiran Haji Bahar menjelaskan bahawa pengertian iman itu ialah ikrar atau pengakuan dengan lisan, kemudian membenarkan dengan hati terhadap apa yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah hak dan benar.

Secara kesimpulannya, pengertian iman itu, tambah beliau, tunduk dan patuh kepada sesuatu yang hak dan benar dengan demikian terhinamlah tiga perkara iaitu pengakuan dengan lisan, membenarkan dengan hati dan mempraktikkan apa yang diakui dengan lisan kita.

Manakala dari aspek ke-

Oleh
Haji Ahmad HS

imanan, dalam mencintai negara itu dan proses menyuburkan keimanan setiap individu, hendaklah juga disertai dengan sifat taqwa dan takut kepada Allah Subhanahu Wataala dalam erti kata mengerjakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Menurut beliau, seperti mana yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wataala di dalam Surah An-Nuur bahawa Allah berjanji kepada orang yang beriman dan beramal salih, insya-Allah, Allah Subhanahu Wataala akan menjadikan mereka berkuasa di muka bumi seperti mana Ia telah menjadikan orang-orang sebelum mereka itu berkuasa dan sesungguhnya Allah akan meneguhkan bagi mereka agama yang di-redai-Nya untuk mereka dan benar-benar akan menukar keadaan mereka sesudah mereka berada dalam ketakutan menjadi aman, sentosa dan mereka tetap menyembah-Nya dan tidak menyekutukan-Nya dan sesiapa yang kafir ingkar selepas itu, mereka adalah orang-orang fasiq.

Sehubungan itu, dalam kita mencintai negara, tambah beliau, rasa cinta itu perlulah diteraskan kepada iman dan kita suburkan perasaan iman itu dengan perasaan taqwa kepada Allah Subhanahu Wataala dan dengan beramal salih.

Manakala panel ketiga, Dayang Hajah Zaleha binti Haji Ibrahim, Pensyarah Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan berkata, kalau kita mencintai negara, kita seharusnya seberapa daya berusaha untuk menyumbang semampu kita mengikut kemampuan dan kesanggupan kita daripada perkara kecil hingga perkara sebesar-besarnya.

Beliau memberi contoh dalam soal kebersihan. Kalau kita inginkan keadaan per-

sekitaran yang bersih, cantik dan menarik, kita akan melakukan perkara yang boleh menjadikan persekitaran itu lebih menarik dan cantik iaitu dengan membuang dan membersihkan benda-benda yang tidak berguna ke tempat yang ditentukan.

Beliau juga menyentuh peranan golongan muda yang dianggap sebagai harapan negara. Mereka diandaikan pohon-pohon yang kukuh dan kuat, disokong lagi oleh akar tunjang dan pohon yang tetap. Walaupun ditipu angin yang kencang namun ia tidak akan tumbang bahkan akan tetap bertahan.

"Pemuda dan pemuda, jika kita bekali dengan aqidah yang mantap dan amal salih yang sempurna diikuti dengan akhlak yang baik, kita yakin mereka akan menjadi pemimpin yang berkekrampilan di masa depan," ujar beliau.

Sehubungan itu, tambah beliau, peranan mereka sekarang ialah menuntut ilmu sebanyak mungkin, mengamalkan dan menghisainya dengan kalimah-kalimah akhlak kerana kalau mereka berilmu tetapi kurang berakhlak, maka pincanglah kewibawaan mereka sebagai pemuda dan pemuda.

"Jika mereka dilengkapi dengan ilmu dan iman yang kukuh serta akhlak yang mulia, kita yakin, mereka akan merupakan tiang-tiang negara yang akan dapat menguatkan dan mengukuhkan lagi Negara Brunei Darussalam," tegas beliau.

Majlis Forum Perdana yang bertema 'Cintakan Negara Berteraskan Iman' adalah bagi menyemarakkan Sambutan Awal Tahun Hijrah 1425 Kementerian Hal Ehwal Ugama yang berlangsung di Sekolah Menengah Sultan Hassan.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin menjadi tetamu kehormat majlis.

Majlis forum itu disiarkan secara langsung oleh

RTB sebagai Rancangan An-Nur yang bertujuan memberi peluang kepada masyarakat Islam mengetahui pelbagai aspek kehidupan menurut ajaran Islam, di samping menambah pengetahuan agama dan mencambah fikiran khususnya mengenai tajuk yang dibincangkan dan merealisasikan tema sambutan Hari Kebesaran Islam dalam kehidupan seharian individu.

Hayati falsafah pendidikan negara

Oleh Samle HJ

RIMBA, 18 Mac. - Para pendidik selaku ejen pelaksana perlu benar-benar menghayati falsafah pendidikan negara yang bersumberkan ilmu naqil dan ilmu aqli ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan yang berilmu, beriman, beramal, berkepandaian dan berakhlak mulia.

"Usaha ini akan mewujudkan masyarakat berilmu dan berwawasan yang akan menyumbang kepada keamanan dan kemakmuran keluarga, masyarakat, ne-

gara dan sejagat," jelas Timbalan Setiausaha Tetap III, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ishaaq bin Haji Abdullah di Majlis Pelancaran Peta Dinding Negara Brunei Darussalam dan Peta Dunia berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam.

Sehubungan itu, beliau menyeru agar semua pihak khususnya Kementerian Pendidikan bekerja keras dan



TIMBALAN Setiausaha Tetap III, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ishaaq semasa melancarkan Peta Dinding Negara Brunei Darussalam dan Peta Dunia. - Gambar oleh Haji Mas-maleh HMA.

Oleh
Abd. Karim HAB

insya-Allah tahun 1425 ini. Manakala Yang Dimuliakan pula telah menyampaikan ceramah khas sempena Sambutan Israk dan Mikraj tahun 1424 Hijrah.

Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dan Jabatan RTB, ujar beliau, amat sukacita mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat dan Yang Dimuliakan kerana komitmen mereka yang tinggi bagi menjayakan rancangan-rancangan berkenaan terbitan bersama PDI dan RTB.

"Penglibatan Yang Berhormat Menteri dan Yang Dimuliakan Timbalan Menteri itu, bukan sahaja dapat menarik minat orang ramai dalam usaha kitani 'membrunecikan' rancangan-rancangan Televisyen Brunei termasuk rancangan-rancangan keugamaan, tetapi juga secara tidak langsung merupakan motivasi malah cabaran kepada pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama umumnya dan pegawai-pegawai dan penceramah-penceramah Pusat Da'wah Islamiah khususnya untuk menambahkan lagi kualiti persembahan dan ketrampilan bagi membolehkan kita bersaing dalam memenuhi cita rasa penonton sesuai

dengan perkembangan semasa di era langit terbuka pada hari ini. Dalam hubungan ini, peramba/kaola/saya percaya, pihak PDI dan RTB akan sentiasa bersikap positif dan menerima cabaran serta mencari jalan yang terbaik untuk merealisasikan dari masa ke semasa," tegas beliau.

Beliau dalam ucapan alu-aluannya itu menjelaskan bahawa berdasarkan maklum balas yang diterima, antara rancangan keugamaan yang diminati dan ditunggu-tunggu sepanjang bulan Ramadan yang lalu ialah Rancangan Ceramah Ramadan Karim yang disampaikan oleh Yang Berhormat sendiri dan Mutiara Hidayah iaitu rancangan yang menggambarkan kehidupan saudara-saudara baru dalam menghayati ajaran agama Islam.

Kedua-dua rancangan itu, tambah beliau, adalah terbitan bersama PDI/RTB, oleh kerana itu, pihak PDI/RTB telah berusaha menerbitkan VCD Ceramah Ramadan Karim 1423 dan 1424 Hijrah dan VCD Ceramah Khas Yang Dimuliakan sempena Sambutan Israk dan Mikraj 1424 Hijrah.

Beliau juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada para pegawai dan kakitangan PDI/RTB yang terlibat dalam menjayakan rancangan-rancangan berkenaan.

berusaha dengan lebih gigih untuk mendukung sepenuhnya Falsafah Pendidikan Negara Brunei Darussalam sebagai garis panduan dan hala tuju pendidikan negara dalam melahirkan generasi yang cemerlang di dunia dan di akhirat.

Dalam pembangunan sumber tenaga manusia, tambah beliau, penekanan aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai telah dikedir sebagai komponent penting untuk dikembangkan ke atas potensi manusia dan perlu dipupuk dalam diri penuntut-penuntut sejak dari peringkat sekolah rendah lagi.

Beliau percaya ia akan memberi anak-anak lebih terserlah bukan saja di bidang akademik dan kemahiran bahkan juga mempunyai sahsiah nilai-nilai murni selaras dengan ajaran Islam.

Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norjuma berkata, penghasilan Peta Dinding itu adalah untuk kegunaan guru-guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Menurut beliau, selama ini, guru-guru hanya bergantung kepada atlas seba-

gai sumber rujukan untuk melaksanakan sebarang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan rujukan kepada kawasan-kawasan di dalam peta.

"Memandangkan tiada sebuah peta dinding seumpama ini yang boleh digunakan oleh guru-guru untuk memberikan penerangan secara 'whole class', maka usaha-usaha telah dilakukan untuk menerbitkannya dan diharap akan memudahkan proses pengajaran yang berhubung kait dengan peta," jelas beliau.

Peta Dinding yang baru dilancarkan itu memuatkan aspek-aspek geografi Negara Brunei Darussalam yang sesuai untuk dijadikan bahan rujukan bukan saja kepada penuntut malah bagi rujukan umum di institusi kerajaan dan bukan kerajaan serta orang ramai.

Peta terbitan Macmillan itu dihasilkan bersama oleh para pegawai Unit Pengajian, Jabatan Perkembangan Kurikulum dan Jabatan Ukur yang memberikan kerjasama dengan membekalkan peta-peta dan data-data untuk menjayakan penghasilan Peta Dinding berkenaan.

Rencana

MEMELIHARA kerbau merupakan aktiviti yang dilakukan secara turun-temurun diwarisi dari orang-orang tua dahulu khususnya di kalangan orang Melayu atau yang disebut 'orang darat'. Kawasan tersebut dipanggil 'halaman' dan sebahagian besar halaman tersebut adalah tanah kerajaan.

Bagi mengelakkan kerbau-kerbau berkeliaran, setiap pemilik memagar sepanjang kawasan halaman ternakan mereka yang berdekatan dengan jalan raya. Keluasan kawasan itu pula tertakluk kepada kesesuaiannya dengan jumlah kerbau yang ditenak. Kerbau-kerbau tersebut mendapatkan makanan hanya bergantung kepada rumput rumpai yang tumbuh di dalam halaman berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, usaha mengadakan halaman dan memagar halaman tersebut tidak dilakukan oleh semua pemilik ternakan kerbau. Sebab itu dari dahulu sampai sekarang kita masih nampak kerbau-kerbau berkeliaran di tempat-tempat awam terutamanya di jalan-jalan raya dan yang lebih mendukacitakan lagi bukan sedikit kemalangan di jalan raya yang berpunca dari kerbau-kerbau berkenaan.

Perkara ini telah menjadi isu. Puncanya yang jelas adalah sikap pemilik-pemilik kerbau berkenaan yang hanya membiarkan ternakan mereka lepas bebas semahunya. Selain dari sikap tidak bertanggungjawab masalah ini juga adalah berkisar kepada keupayaan pemiliknya atau keluarga serta waris-waris yang terdekat untuk meneruskan aktiviti menternak dengan cara pengurusan yang lebih teratur, selamat dan memberi keuntungan.

STATUS MASA KINI

Penternak kerbau masih dipengaruhi oleh cara lama, kerbau-kerbau masih dipelihara di kawasan halaman yang berpagar keliling dan jarang-jarang dilawati dan diawasi, malahan kebanyakan pagar-pagar lama tidak diperbaiki atau diganti dengan yang baru. Keadaan rumput tempatan yang menjadi sumber pemakanan kerbau-kerbau tersebut juga tidak menampakkan kemajuan dan tidak terdapat bahan input yang digunakan seperti baja, racun rumpai dan seumpamanya.

Kerbau-kerbau tersebut dipelihara dengan tidak ada pengawasan. Ternakan kerbau dibiarkan sendiri hidup meragut, mengawan dan membiak di kawasan halaman. Pemilik kerbau berkenaan jarang melawati ternakan mereka dan sebilangan daripada pemilik tersebut tidak mengetahui jumlah sebenar kerbau milik mereka. Semasa bancian populasi ternakan ruminan dijalankan, pemilik hanya menganggarkan jumlah kerbau yang mereka miliki. Ini membuktikan tidak ada pengawasan dan pengurusan yang betul.

Untuk mengenal pasti kerbau-kerbau adalah milik mereka, ternakan tersebut diberi tanda pada telinga iaitu

MENANGANI MASALAH KERBAU BERKELIARAN

Rencana dan gambar sumbangan Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

dikerat sebahagian daripada telinga kerbau. Setiap kampung akan mempunyai tanda pengenalan ternakan kerbau sendiri. Masa kini tanda-tanda tersebut tidak lagi dibuat oleh pemilik kerbau.

Dengan pesatnya perkembangan pembangunan infrastruktur terutama pembinaan jalan-jalan raya, pembukaan kawasan perumahan kerajaan dan persendirian serta projek-projek kemajuan yang lain telah menyebabkan terhadnya keluasan kawasan halaman ternakan. Terdapat juga halaman-halaman yang tidak lagi sesuai digunakan sebagai kawasan pemeliharaan ternakan. Kekurangan makanan, keadaan pagar yang tidak kukuh serta kurangnya komitmen dari segi pengurusan ternakan oleh penternak dan tidak ada kesinambungan kepada generasi baru dalam hal-ehwal penternakan kerbau telah menyebabkan kerbau-kerbau mula keluar dari halaman mereka dan merayau ke jalan-jalan raya dan kawasan-kawasan awam.

KESAN DARI KERBAU BERKELIARAN

Kes-kes yang melibatkan kerbau dan lembu dalam kemalangan di jalan-jalan raya adalah membimbangkan. Akibat dari kemalangan yang melibatkan ternakan tersebut telah menyebabkan kerosakan ke atas kenderaan dan pengguna jalan raya. Di samping itu kerosakan kepada harta benda kerajaan dan orang awam akibat dari kerbau berkeliaran sering kali dilaporkan.

Pada tahun 2000 sebanyak 14 kes telah dilaporkan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei, tahun 2001 sejumlah 27 kes kemalangan telah dilaporkan. Tahun 2002 mencatatkan sejumlah 13 kes, sementara 23 kes dicatatkan pada tahun 2003. Kawasan-kawasan yang sering kali berlaku kemalangan disebabkan ternakan berkeliaran terutamanya di jalan-jalan raya utama di Mukim-mukim Sengkang dan Pengkalen Batu.

TINDAKAN JABATAN PERTANIAN

Langkah-langkah ke arah menangani masalah berkenaan telah pun dilaksanakan sejak tahun 1995. Jabatan

Pertanian menggandakan usaha dengan mengadakan aktiviti mengilong kerbau-kerbau berkeliaran terutama di kawasan-kawasan jalan raya utama. Kawasan utama yang diberikan tumpuan ialah Jalan Jerudong. Jabatan dengan giat membantu pemilik kerbau berkeliaran dengan mendirikan kilong bagi kemudahan menangkap kerbau.

Selain dari mengilong Jabatan Pertanian juga mengadakan 'Sebut Harga' bagi menangkap kerbau berkeliaran dan membantu penternak memperbaiki pagar-pagar halaman bagi 10 buah halaman dengan keluasan dianggarkan lebih dari 200 hektar.

Kebanyakan kerbau-kerbau yang dapat ditangkap telah pun dijual oleh pemiliknya dan disembelih oleh pengusaha pusat-pusat penyembelihan. Sebahagian kecil sahaja yang dipelihara. Jabatan Pertanian akan sentiasa memata-matai dan memastikan kerbau-kerbau yang telah ditangkap dan dijual untuk peliharaan agar tidak berkeliaran semula.

Perjumpaan dan perbincangan bersama penternak/pemilik kerbau dan lembu, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan telah pun diadakan beberapa kali. Jabatan Pertanian telah mengukuhkan aktiviti 'business matching' di antara penternak/pemilik kerbau berkeliaran dengan pengusaha-pengusaha pusat penyembelihan.

Tidak dapat dinafikan juga beberapa orang pemilik kerbau dan lembu yang berkeliaran telah mengambil inisiatif menyahut seruan Jabatan Pertanian dengan menangkap kerbau-kerbau atau lembu-lembu mereka sendiri. Kerjasama dari pemilik-pemilik ternakan tersebut adalah sangat-sangat dihargai.

Kerjasama dari syarikat-syarikat swasta juga dihargai kerana membantu dalam aktiviti ini di mana mereka telah membeli kerbau-kerbau yang dapat dikilong untuk tujuan disembelih dan dijual di pasaran tempatan. Adalah dihirupkan kerjasama ini akan berterusan dari masa ke semasa.

Usaha Jabatan Pertanian untuk mengatasi masalah kerbau/lembu berkeliaran ini akan diteruskan dan dilartatkan ke kawasan-kawasan yang masih menghadapi masalah berkenaan. Penglibatan agensi-agensi kerajaan seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Tanah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, pihak penternak selaku pemilik kerbau berkeliaran dan pihak swasta seperti pusat-pusat penyembelihan dan penternak-penternak lain yang masih mahu meneruskan penternakan kerbau adalah sangat-sangat diperlukan dalam menjayakan usaha ini.

Dalam pada itu Jabatan Pertanian sedang mengemaskini sistem pendaftaran ternakan, pemiliknya dan kawasan pemeliharaan yang digunakan. Ini akan memudahkan kerja-kerja pengendalian pemantauan populasi, kawalan kesihatan dan

penilaian perkembangan-pemeliharaan kerbau ke arah mewujudkan penternakan kerbau komersil.

Jabatan Pertanian akan sentiasa berkerjasama dengan Pasukan Polis Diraja Brunei dalam pengendalian kerja-kerja menangkap kerbau berkeliaran dari masa ke semasa.

Dengan giatnya usaha bersepadu menangani kerbau berkeliaran akan dapat menyelesaikan masalah berkenaan dengan lebih cepat dan teratur.

PENCAPAIAN YANG TELAH DIPEROLEHI

Setakat bulan Mac 2004 sejumlah 428 ekor kerbau dan 50 ekor lembu telah dapat ditangkap dan dikilong. Hampir keseluruhan kerbau-kerbau yang dapat dikilong tersebut telah dijual kepada penjual daging tempatan. Usaha berkenaan telah memberi kesan dalam mengurangkan jumlah kerbau dan lembu berkeliaran di jalan-jalan utama dan kawasan-kawasan awam. Seperti yang telah dinyatakan di atas bilangan kerbau dan lembu yang dapat ditangkap adalah juga dari hasil usaha tangkapan pemilik kerbau berkeliaran sendiri.

PENCAPAIAN MENGILONG

- 1995 - 117 ekor kerbau
- 1996 - 46 ekor kerbau
- 1998 - 69 ekor kerbau dan 28 ekor lembu
- 1999 - 45 ekor kerbau dan 3 ekor lembu
- 2000 - 90 ekor kerbau
- 2003 - 24 ekor kerbau dan 19 ekor lembu
- 2004 - 102 ekor kerbau (setakat 30 Mac 2004)

Jumlah semua 493 ekor kerbau dan 50 ekor lembu.

KAEDAH MENGILONG: MENGENAL PASTI KAWASAN KERBAU BERKELIARAN DAN PEMILIKNYA

Mengenal pasti kawasan-kawasan di mana kerbau-kerbau berkeliaran adalah maklumat utama yang perlu diambil maklum. Memandangkan kepada tabiat kerbau yang tidak akan menetap pada satu-satu tempat, jadinya kerja-kerja mengenal pasti ini kadang kala mengambil masa. Tujuan mengenalpasti kawasan kerbau berkeliaran ini dilakukan adalah bagi memudahkan kerja-kerja mendirikan kilong dapat dilaksanakan.

Pemilik kerbau-kerbau yang berkeliaran apabila telah dikenalpasti akan dijemput hadir ke satu perjumpaan bagi membincangkan rancangan tindakan mengilong dan susulannya.

MENGENAL PASTI TAPAK DAN MENDIRIKAN KILONG

Tapak mendirikan kilong perlu dipastikan pemiliknya terlebih dahulu. Kebenaran perlu diperolehi dari pemilik tapak



KERBAU-KERBAU sedang memasuki lorong ke dalam kilong. - Gambar ihsan Jabatan Pertanian.

REMAJA

KEMALANGAN JALAN RAYA

OLEH H. A. MANAP

HARI Kesihatan Sedunia pada tahun ini menumpukan kepada isu-isu keselamatan di jalan raya. Kemalangan yang berlaku saban hari di negara kita khususnya bukan sahaja merupakan sebagai sebuah fenomena sampingan akan tetapi sekarang ia sudah menjadi agenda semua untuk menangani dan menyelesaikan masalah kenapa ia terus berlaku. Persoalannya sekarang apakah kemudahan yang disediakan merupakan gelanggang menentang maut, kecelakaan atau ia merupakan sebuah pembangunan yang diwujudkan bagi memudahkan kita bergerak dan menjalankan tanggungjawab seharian. Ramai yang sudah mengetahui bahawa jumlah kemalangan di jalan raya kita semakin meningkat.

Peningkatan ini bukan sahaja menyebabkan pelbagai implikasi tidak kurang juga menghantar mereka yang terlibat ke tanah perkuburan sebagai korban dari kecuai atau kegagalan berperanan sebagai pemandu yang berhemah atau mangsa dari mereka yang tidak cekap dan berhati-hati ketika berada di jalan raya. Secara purata pula lebih banyak anggota yang terlibat adalah di kalangan mereka yang masih muda belia. Ada pula setengahnya baru lulus dan mendapat lesen memandu, tidak kurang juga yang berani memandu tanpa lesen memandu yang diperlukan sah. Cuba kita bayangkan kalau keadaan ini berterusan tentulah ia akan membawa kepada natijah yang menyebabkan kita kehilangan generasi yang akan kita asuh dan didik sebagai generasi yang akan menjadi penerus kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Rata-rata ramai di kalangan kita begitu cemas dengan semakin bertambahnya kemalangan yang berlaku di jalan raya. Akibat-akibat yang ditinggalkan oleh fenomena ini sangat menekan kehidupan misalnya ada yang sebelumnya hidup sebagai insan sempurna berubah menjadi seorang manusia yang cacat dan serba kekurangan. Ada keluarga yang ceria menjadi duka nestapa kerana kehilangan orang yang dikasihi dan sayangi. Bermacam-macam lagi menjadi 'stigma' kehidupan akibat dari punca kemalangan jalan raya. Di negara kita ini kemudahan jalan raya yang disediakan merupakan kemudahan jalan raya yang terbaik dan begitu kemas. Lalu yang disediakan begitu terarah dan peningkatan taraf sering diberikan perhatian seperti pelebaran jalan, penurapan jalan agar lebih baik kualitinya dan pelbagai kemudahan lain termasuk papan-papan tanda yang mencukupi disediakan bagi memudahkan pengguna jalan raya menggunakannya sebagai kemudahan yang bermanfaat.

Namun di manakah silapnya jika keadaan kemalangan jalan raya terus berlaku. Patutkah kita menyalahkan kepada kemudahan yang disediakan atau ada perkara lain yang menjadi faktor yang menyumbang kepada keadaan ini terus berlaku. Kita perlu muhasabah diri terutama generasi muda yang sudah menjadi sebahagian dari pemandu di jalan raya. Adakah kita sudah

menunaikan tanggungjawab sebagai pemandu yang berhemah, berdisiplin dan juga mematuhi peraturan-peraturan di jalan raya. Ini adalah persoalan-persoalan yang sentiasa memerlukan jawapan dan praktiknya kerana ia akan terus dilakukan bagi mewujudkan suasana pemanduan yang selesa dan tidak menyeronokkan.

Kita perlu insaf dan sedar bahawa setiap kali kita melangkah masuk ke dalam kenderaan untuk dipandu kita adalah tertakluk di dalam beberapa andaian keadaan iaitu selamat atau bahaya. Namun segalanya patut kita mulakan dengan mengingati Allah Yang Maha Berkuasa yang menentukan segala takdir yang akan kita lalui. Memulakan dengan membaca Bismillah, bertawakal dan sebagainya agar dapat kita jadikan sebagai sandaran untuk memohon restu dan perlindungan Allah agar kita selamat di jalan raya. Sebaliknya jika jalan raya dijadikan gelanggang perlumbaan misalnya, gelanggang menguji kehebatan kereta milik kita, kereta diubah suai tanpa kebenaran, kereta dijadikan sebagai peluncur rasa dan keinginan untuk menyatakan kita adalah orang yang lebih hebat di jalan raya dan sebagainya, tentu ini amat membahayakan dan

menyukarkan lagi keadaan untuk kita mengurangkan kemalangan di jalan raya.

Sebagai warga pemandu di jalan raya anggota masyarakat lain juga perlu lebih berhati-hati menggunakan kemudahan teknologi masa kini agar tidak menjadi 'pemangkin' kemalangan di jalan raya. Misalnya penggunaan telefon bimbit harus digunakan dalam keadaan yang selamat dan bukan pada keadaan yang boleh mengundang bahaya, menonton TV di dalam kereta juga sekarang sudah menjadi sebahagian dari pembaharuan kemudahan yang boleh kita miliki, jadi haruslah juga kita lebih berhati-hati supaya ia bukan pengganggu pandangan dan tumpuan ketika memandu.

Sebenarnya Hari Kesihatan Sedunia tahun ini jelas membawa sebuah mesej yang mengharapkan agar kita lebih berhati-hati dan sentiasa beringat-ingat ketika memandu di jalan raya, supaya kita tidak menjadi mangsa kemalangan di jalan raya yang mengakibatkan kecacatan anggota, kehilangan nyawa, kekurangan daya upaya dan bermacam lagi. Sentiasalah mengamalkan doa dan bertawakal ketika hendak memandu kereta. Ingatlah jika kita sentiasa ingat kepada Allah Pencipta alam semesta ini nescaya kita akan lebih kemas dan berhati-hati ketika kita di jalan raya. Selamat memandu.

BST mempunyai logo korporat yang baru

JERUDONG. - Brunei Shell Tankers Sendirian Berhad (BST) kini mempunyai logo korporatnya yang baru setelah secara rasminya dilancarkan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BST Sendirian Berhad di Empire Hotel and Country Club di sini pada 11 Mac lalu.

Pemilihan logo baru tersebut merupakan hasil ciptaan Awang Haji Mahmud bin Haji Masron yang juga selaku Penasihat Ehsan Penuntut BSP setelah menerima saingan lebih dari 200 reka bentuk yang dihantar oleh kakitangan Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad, Brunei LNG Sendirian Berhad, Syarikat Pemasaran Brunei Shell, Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad dan Brunei Shell Tankers (BST) sendiri.

Jelas Awang Haji Mahmud, gambaran sebenar yang ingin beliau kecap di atas kemenangan itu adalah dapat melihat reka bentuknya menjadi logo sebuah syarikat yang berprestij.

Menurut Awang Haji Mahmud lagi terciptanya reka bentuk tersebut setelah beliau mendapat ilham melalui aduan beberapa unsur dan ciri urus niaga, cabaran-cabarannya, rakan kongsi yang terlibat dan semangat kebangsaan terhadap pentingnya urus niaga menghantar gas cecair asli sebagai komoditi yang penting berdasarkan maklum balas berbagai-bagai pihak.

Menyentuh mengenai keterangan logo baru tersebut beliau menyatakan barisan kuning berombak

Oleh Abu Bakar HAR

melambangkan ombak samudera yang menjadi medan pelayaran armada tanker LNG BST dan anak kapalnya untuk menghantar gas cecair asli Brunei yang menjadi sumber pendapatan syarikat dan warna kuning dipilih kerana ia adalah salah satu warna bendera kebangsaan yang melambangkan keberanian dan kezamahan, di samping menjadi salah satu warna korporat BST.

Manakala latar belakang berwarna biru pula melambangkan samudera biru yang dalam, latar belakang bagi kewujudan korporat BST dan

kesinambungan urus niaga sebagai penghantar LNG negara.

Sementara huruf 'M' merah di atas segi tiga kuning terbalik melambangkan perbadanan Mitsubishi Corporation sebagai rakan kongsi teknologi yang penting dan warga korporat Jepun - pengimport LNG Brunei Darussalam dalam jangka panjang dan ini menjadi pelengkap kepada senarai pemegang saham BST dengan huruf 'B' mewakili Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan 'S' mewakili kumpulan Shell.

Segi tiga kuning terbalik pula adalah profil depan tanker BSP kelihatan melayari ombak dengan azam yang kuat dan putih melambangkan bersihnya LNG yang menjadi

mandat pengangkutan bagi BST.

Brunei Shell Tankers adalah sebuah syarikat usaha sama yang terdiri dari Perbadanan Perdana Menteri (50 peratus), Kumpulan Shell (25 peratus) dan Perbadanan Mitsubishi (25 peratus).

Sehingga kini BST memiliki tujuh buah kapal yang disewakan khas kepada Brunei LNG dan aktiviti utamanya adalah mengangkut gas cecair asli ke destinasi pelanggan tertentu di Jepun dan destinasi yang lain.

TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BST Sendirian Berhad merasmikan Logo Korporat BST (kanan). - Gambar oleh Halim HS.



Hayati, praktik contoh ajaran hijrah Rasulullah

BERAKAS, 19 Mac. - Orang ramai, pegawai dan kakitangan kerajaan serta penduduk Islam di negara ini diingatkan dan diseru supaya menghayati dan

mempraktikkan contoh-contoh pengajaran penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1425 tahun lalu khususnya pegawai dan kakitangan di

Kementerian Kewangan. Jurukira Agung Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Metassan bin Momin menyatakan demikian ketika

berucap selaku Pengerusi Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1425 Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini.

Dalam peristiwa penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu, jelas beliau, terlalu banyak perkara yang tersurat dan tersirat di dalamnya yang boleh diambil dan terima pakai yang dijadikan sandaran dan panduan dalam menjalankan kehidupan seharian di era global kini.

"Falsafah dan pengajaran hijrah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam itu sepatutnya kita terapkan dalam apa juga tindak-tanduk kita terutama sekali di dalam memastikan kejayaan dan kecemerlangan sebuah organisasi yang mana kita sebagai ahli

Oleh Abdullah Asgar

yang dipimpin atau yang memimpin, sama ada dalam organisasi kecil iaitu rumah tangga atau organisasi sederhana," ujar beliau.

Organisasi yang sentiasa berjaya dan cemerlang, setentunya memiliki ahli-ahli yang sentiasa bersatu padu, bersatu hati, tidak camah mata, ikhlas dan bertanggungjawab serta mempunyai komitmen yang tinggi untuk melaksanakan perkara-perkara yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan. Jika sikap dan sifat demikian itu sudah dimiliki oleh mereka yang menjadi ahli kepada sebuah organisasi baharulah kita dapat mewujudkan sebuah organisasi yang

benar-benar mantap, berwibawa dan berwawasan," tambah beliau.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar. Kedua-dua Setiausaha Tetap Kementerian berkeajaan, Pengiran Dato Paduka Haji Maidin dan Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim serta pegawai-pegawai kanan juga hadir di majlis itu.

Antara atur cara majlis ialah persembahan bacaan Al-Quran, nasyid dan ceramah khas Hijrah yang disampaikan oleh Pensyarah Institut Pengajian Islam Sultan Omar Ali Saifuddin (IPISOAS), Universiti Brunei Darussalam, Awang Haji Erman @ Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub, Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Kewangan dan lain-lain pegawai ketika hadir di Majlis Sambutan Tahun Baru Hijrah 1425. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Berangkat ke Perbarisan Tamat Latihan Rekrut ABDB

Liputan Aliddin HM
Gambar-gambar oleh
Harun HR dan Pengiran Rafee PDPHM

TUTONG, 2 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat ke Majlis Perbarisan Tamat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bagi rekrut lelaki pengambilan ke-123 dan rekrut wanita pengambilan ke-45 yang berlangsung di Pusat Latihan ABDB, Penanjong Garison di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Penanjong Garison di sini dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith dan Pemerintah ABDB, Yang Dimulihkan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof.

Sejurus keberangkatan tiba di Pusat Latihan ABDB, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima tabik hormat diraja dan seterusnya Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dimainkan oleh Pan-caragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya dijunjung memeriksa perbarisan terdiri daripada 178 orang rekrut lelaki pengambilan ke-123 dan 36 orang rekrut wanita pengambilan ke-45 yang telah menamatkan latihan mereka.

Rekrut lelaki telah menjalani latihan asas ketenteraan selama enam bulan dan rekrut wanita pula menjalani latihan asas mereka selama tiga bulan.



Duli Yang Teramat Mulia berkenan memeriksa perbarisan rekrut lelaki pengambilan ke-123 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian berkenan menerima tabik hormat diraja perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat dan seterusnya perbarisan mara untuk diperhatikan semula.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya dijunjung untuk menyempurnakan penyampaian sijil dan hadiah-hadiah kepada Rekrut Lelaki Terbaik Keseluruhan kepada Rekrut 16731 Rekrut Md. Musa bin Haji Kasim; Penembak Rifle M16 Terbaik dimenangi oleh 16637 Rekrut Muhammad Saiful Rizal bin Haji Abdul Razak; Penembak HBAR Terbaik disandang oleh

16664 Rekrut Moham-med Razaie bin Md. Tahir dan 16623 Rekrut Mohd. Nazip bin Abu Bakar Terbaik Latihan Jasmani, manakala Jurulatih Terbaik 10817 Koperat Sofri bin Mat Noor.

Sementara Rekrut Wanita Terbaik Keseluruhan ialah 21350 Rekrut Norizah binti Haji Gimbol; Penembak Rifle M16 A2 Terbaik dimenangi oleh 21343 Rekrut Madiani binti Haji Metali, Kawad Terbaik disandang oleh 21347 Rekrut Suraini binti Suboh dan 21335 Rekrut Fadillah binti Harun Terbaik Latihan Jasmani. Manakala Jurulatih Wanita

Terbaik ialah 21012 Koperat Hajah Lima binti Haji Ismail.

Duli Yang Teramat Mulia dijunjung berangkat ke Mess Pegawai Penanjong Garison bagi Majlis Ramah Mesra bersama para pegawai.

Perbarisan Tamat Latihan ABDB adalah majlis yang bersejarah dan merupakan penghormatan dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke majlis tersebut dan sudah setentunya akan menjadi penyuntik semangat kepada para rekrut yang menamatkan latihan pada hari itu khasnya dan kepada semua anggota ABDB amnya.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima tabik hormat diraja di Majlis Perbarisan Tamat Latihan ABDB bagi rekrut lelaki pengambilan ke-123 dan rekrut wanita pengambilan ke-45.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan penyampaian sijil dan hadiah kepada seorang rekrut lelaki terbaik (atas) dan seorang rekrut wanita terbaik (bawah).



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah oleh Pemerintah ABDB, YDM Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi (atas). Sementara gambar atas kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah anggota askar wanita.

DULI Yang Teramat Mulia berkenan mengabadikan gambar kenangan bersama Pemerintah ABDB dan para pegawai kanan angkatan tersebut (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah para anggota ABDB di Mess Pegawai Penanjong Garison (kanan).



DPMM berkenan lancarkan Seminar Mengenai Kesukarelawan anjuran YSHHB

BERAKAS, 3 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat melancarkan Seminar Mengenai Kesukarelawan anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB yang lain.

Di majlis itu Duli Yang Teramat Mulia telah berkenan mengurniakan sabda bagi melancarkan seminar yang julung kali diadakan itu.

Seminar sehari itu telah disertai oleh lebih 1,000 peserta yang terdiri kakitangan kerajaan, penuntut pengajian tinggi, pihak swasta dan orang ramai yang pernah menjadi sukarelawan.

Seminar itu telah di-kendalikan oleh Yayasan MENDAKI Republik Singapura, di mana antara lain telah menerangkan mengenai konsep sukarelawan dan peranannya dalam perkhidmatan masyarakat.

Dengan adanya seminar itu akan membuka lebih luas skop kesukarelawan di negara ini iaitu bersesuaian dengan program-program tertentu di negara ini.

Liputan Abdullah Asgar
Gambar-gambar oleh
Harun HR, Abdullah HAD
dan Pengiran Rafee PDPHM



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan adinda-adinda Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengabadikan gambar kenangan bersama Ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sejurus melancarkan seminar.



DULI Yang Teramat Mulia, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menerima junjung ziarah dan berbual mesra bersama para peserta Seminar Mengenai Kesukarelawan anjuran YSHHB (gambar atas, kanan dan kiri). Sementara gambar atas kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah berupa sebuah buku oleh wakil Yayasan MENDAKI Republik Singapura yang mengendalikan seminar tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama para peserta wanita seminar yang sama-sama hadir di majlis pelancaran seminar tersebut (gambar atas kiri).

Menangani masalah kerbau berke-liaran

Dari muka 6

tanah tersebut sebelum kilong didirikan.

Kilong akan didirikan di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti tempat laluan atau tempat rehat ternakan tersebut. Kilong yang didirikan adalah bagi tujuan menangkap kerbau-kerbau yang berke-liaran.

KAWASAN PENEMPATAN

Jabatan Pertanian telah berusaha mengenali kawasan untuk menempatkan kerbau-kerbau berke-liaran. Kawasan di Lampaki, Kampong Mulaut iaitu sebahagian dari kawasan Gazet 664 Jabatan Pertanian dan Gazet Pertanian 010022BM telah pun dikenal pasti sebagai kawasan penempatan yang sesuai dan seramai lapan orang penternak/pemilik kerbau berke-liaran telah pun diberi peruntukan penempatan.

AKTIVITI MENGILONG

Sebelum kerja-kerja menggiring kerbau ke kilong dilakukan, pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian terlebih dahulu akan membuat pemeriksaan di kawasan berdekatan kilong bagi memastikan kerbau-kerbau berke-liaran berada di kawasan tersebut.

Biasanya kerja-kerja menggiring kerbau ke kilong akan dilakukan pada waktu malam dan subuh. Pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian yang ditugaskan membuat pemeriksaan dan rondaan akan menghubungi pegawai dan kakitangan yang 'stand-by' bagi melaksanakan pengilangan kerbau-kerbau tersebut. Ada kalanya aktiviti tersebut tidak mendatangkan hasil.

SARANAN JABATAN PERTANIAN KEPADA PEMILIK KERBAU BERKE-LIARAN DAN PENGUSAHA TERNAKAN RUMINAN PADA AMNYA

Pemilik kerbau berke-liaran adalah disarankan untuk memberikan kerjasama untuk tidak membiarkan kerbau-kerbau milik mereka berke-liaran hingga menyebabkan gangguan di jalan-jalan raya dan tempat-tempat awam serta merosakkan harta benda orang ramai.

Jika didapati kerbau-kerbau masih berke-liaran di jalan-jalan raya dan tempat-tempat awam, tindakan undang-undang akan dikenakan mengikut Akta Kerbau, Seksyen 5 dan Akta Kesalahan-kesalahan Kecil, Seksyen 13 (1) dan lain-lain akta yang berkaitan.

Mengikut Akta Kerbau, Seksyen 5 "Pemilik atau orang yang memelihara kerbau hendaklah bertanggungjawab ke atas semua kerosakan yang disebabkan oleh kerbau yang mungkin berpunca kerana kerbau itu tidak sempurna diikat, ditambah, atau sebaliknya tidak terkawal, dan boleh juga didakwa di Majistret berdekatan kerana membiarkan kerbau itu berke-liaran dan bila sabit kesalahan akan dikenakan denda \$500.00 atau jika gagal membayarnya akan dikenakan hukuman penjara selama 6 minggu."

Sementara dalam Akta Kesalahan-kesalahan Kecil, Seksyen 13 (1) Siapa sahaja yang menjadi pemilik atau orang yang melihara sebarang kuda, lembu, kambing biri-biri, kambing atau babi yang membiarkan binatang itu berke-liaran di mana-mana jalan raya awam atau di mana-mana harta benda awam atau persendirian

akan didapati bersalah: Hukuman denda \$1,000 bagi setiap binatang, dan semua kerosakan yang disebabkan oleh binatang itu akan ditafsirkan oleh Majistret dan akan dibayar ganti rugi mengikut cara yang ditetapkan oleh undang-undang bagi mendapatkan ganti rugi dari denda-denda di hadapan Majistret, berserta jumlah yang dikenakan sebagai denda daripada si pemilik haiwan berkenaan.

13 (2) Dalam kes yang melibatkan kerosakan terhadap harta benda persendirian, jumlah kerosakan akan dibayar kepada orang berkenaan seperti yang diperintahkan oleh Majistret.

Penternak kerbau adalah diingatkan bahawa mereka sebagai pemilik adalah bertanggungjawab keatas kesejahteraan kerbau yang mereka miliki. Penternak yang bertanggungjawab dan komited sebagai seorang pemilik kepada ternakan tersebut semestinya memelihara ternakan mereka sebaik-baiknya dan tidak membiarkan ternakan tersebut keluar dari kawasan pemeliharaan.

Tidak mengambil endah mengenai pemeliharaan kerbau-kerbau yang dipelihara akan mengakibatkan kerbau-kerbau tersebut gelisah terutama jika sumber pemakanan mereka berkurangan. Ini akan menyebabkan kerbau-kerbau tersebut mencari sumber pemakanan mereka di luar dari kawasan pemeliharaan atau halaman dengan merubuh pagar-pagar yang telah tidak kukuh.

Adalah kurang bijak jika penternak-penternak masih membandingkan cara pemeliharaan masa lalu dengan keadaan masa kini. Masa telah berubah, penternak juga harus mengubah sistem pemeliharaan mereka kepada cara yang bersesuaian dengan perkembangan sistem penternakan dan kemajuan teknologi masa kini.

Penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampong juga diseru agar memberikan perhatian yang serius kepada masalah ini. Terlalu mengharapakan dan bersandar kepada aktiviti yang diungayahkan oleh Jabatan Pertanian adalah tidak memadai. Kerjasama dari Penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampong adalah mustahak dalam menangani masalah ini kerana Penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampong lah orang yang paling rapat dengan penternak yang menjadi anak-anak buah mereka. Permesyuaratan Jawatankuasa Perundingan Mukim atau Kampong juga perlu mengambil maklum mengenai permasalahan kerbau berke-liaran ini bagi sama-sama mengungayahkan penyelesaian ke atas kerbau berke-liaran tersebut.

LANGKAH-LANGKAH MEMAJUKAN PEMELIHARAAN KERBAU: BANTUAN BAHAN INSENTIF PENTERNAKAN

Jabatan Pertanian pada setiap masa akan menyalurkan bantuan-bantuan bahan insentif penternakan sama ada secara separuh harga atau percuma kepada semua penternak-penternak yang membuat permohonan. Jabatan Pertanian sentiasa memberikan khidmat nasihat penternakan dan perkhidmatan bantuan seperti lazimnya seperti bantuan pagar berduri, cucuk hidung, garam gilat dan rawatan kesihatan serta bantuan benih rumput kepada penternak-penternak yang memerlukan.

PULASI TERNAKAN RUMINAN

Jabatan Pertanian masa kini sedang dalam proses mengemaskini senarai pen-



KERBAU-KERBAU terperangkap ke dalam kilong. - Gambar ihsan Jabatan Pertanian.

POPULASI TERNAKAN RUMINAN 2002

POPULASI TERNAKAN RUMINAN TAHUN 2002						
DAERAH	KERBAU			LEMBU		
	Penternak (orang)	Ternakan (ekor)	Luas kawasan (hektar)	Penternak (orang)	Ternakan (ekor)	Luas kawasan (hektar)
Brunei-Muara	186	2,680	1,338.1	24	463	191.48
Belaait	12	62	79.91	24	247	50.55
Tutong	301	2,746	1,628.91	126	514	119.43
Temburong	23	77	126.11	7	188	44.01
Jumlah	522	5,565	3,173.03	181	1,412	405.47
	KAMBING			RUSA		
	Penternak (orang)	Ternakan (ekor)	Luas kawasan (hektar)	Penternak (orang)	Ternakan (ekor)	Luas kawasan (hektar)
Brunei Muara	44	1,421	44.30	1	20	0
Belaait	25	649	36.62	1	6	0.2
Tutong	113	561	49.93	5	146	37.68
Temburong	11	168	9.57	2	59	2.93
Jumlah	193	2,799	140.43	9	231	40.81

Rajah : A

ternak ternakan ruminan di seluruh negara. Pemantauan populasi iaitu banci ternakan ruminan (lembu, kerbau, kambing dan rusa) dilakukan dua kali dalam setahun. Aktiviti tersebut dilaksanakan melalui kerjasama dari Penghulu-penghulu Mukim.

Bilangan penternak/pemilik ternakan ruminan adalah sebanyak 905 orang dengan jumlah keluasan pemeliharaan 3,759.74 hektar. Populasi ternakan ruminan bagi tahun 2002 ialah kerbau sebanyak 5,565 ekor dengan keluasan kawasan pemeliharaan sebanyak 3,173.03 hektar dan jumlah penternak 522 orang, ternakan lembu sebanyak 1,412 ekor yang dipelihara di kawasan seluas 405.47 hektar dan jumlah penternak 181 orang, ternakan kambing sebanyak 2,799 ekor dipelihara di kawasan seluas 140.43 hektar dan jumlah penternak seramai 193 orang dan ternakan rusa sebanyak 231 ekor di kawasan seluas 40.81 hektar dengan jumlah penternak sembilan orang (lihat rajah A).

SEKTOR TERNAKAN LEMBU DAN KERBAU (TEMPATAN)

Pemeliharaan ternakan ruminan di negara ini hanyalah diusahakan secara sambilan serta secara kecil-kecilan. Populasi ternakan kerbau bagi tahun 2002 iaitu sebanyak 5,565 ekor dicatat menurut berbanding pada tahun 2001 sebanyak 183 ekor. Penurunan ini adalah disebabkan sebilangan ternakan sudah tua dan tidak produktif dan masalah kawalan penyakit berpunca dari pembiakan serumun (in-breeding).

PENGELUARAN DAN SUMBANGAN MENGIKUT DAERAH

Daerah	Jumlah pengeluaran	Sumbangan (%)
Brunei-Muara	1,052	91
Belaait	102	9
Tutong	0	0
Temburong	0	0
Jumlah	1,154 ekor	100

Rajah : B

PENDAFTARAN PEMILIK DAN TANDA KERBAU

Pemilik ternakan dan tanda milik pada ternakan kerbau akan dikemaskini pendaftarannya. Perkara tersebut dijangka akan mengambil masa untuk dilaksanakan. Jabatan Pertanian akan mengenakan tanda tag-telinga atau cucuk hidung jika terdapat mana-mana kerbau yang tidak mempunyai tanda.

POTENSI HASIL DARI TERNAKAN KERBAU

Ternakan kerbau tempatan menyumbang sejumlah 1,154 ekor iaitu 29 peratus dari keperluan daging kerbau pada tahun 2002. Walaupun sumbangan kecil ianya dianggap berhasil kerana pemeliharaan ternakan kerbau tidak menggunakan sepenuhnya bahan input penternakan. Daerah Brunei dan Muara merupakan penyumbang terbesar bagi keperluan daging kerbau dari stok tempatan (lihat rajah B).

Dari muka 2

Kepentingan Sejarah Dalam Sesebuah Masyarakat

susah untuk mengimpot bahan makanan dari luar negara, terpaksa lah memanfaatkan sumber tempatan. Bayangkan jika hal yang tidak diinginkan berlaku sekali lagi, apakah kita bersedia sedangkan tidak ramai yang tahu lagi untuk menanam padi atau menghasilkan sagu.

Melalui pengalaman sejarah juga kita dapat melihat bagaimana suatu ketika dahulu negara kita yang kaya dan luas jajahannya telah jatuh dengan kedatangan pengaruh luar. Apakah punca sebenarnya? Mungkin oleh kerana kurangnya pendidikan dan pengaruh luar yang begitu asing bagi kita. Masalah-masalah seperti ini sebenarnya masih lagi kita hadapi walaupun kita pada ketika ini menikmati pembangunan yang pesat.

Kita lihat saja contohnya, pada permulaan penemuan minyak di Brunei, kita tidak mempunyai pakar-pakar yang arif mengenai cari gali dan penghasilan minyak sehingga kita terpaksa pula mengharap bantuan dari luar. Sehingga kini pun fenomena itu masih berlaku dalam urusan-urusan lain selain minyak. Jadi apakah sebenarnya kekurangannya yang kita hadapi dalam masalah seperti ini? Jika dikatakan pendidikan puncanya kita telah mempunyai institusi pendidikan tinggi kita sendiri. Apakah sebenarnya arah tujuan pendidikan itu sendiri tidak dapat menepati kehendak negara?

Dalam sejarah di Brunei, tragedi kebakaran besar Kampong Ayer

telah memusnahkan beratus-ratus buah rumah tempat tinggal. Melalui peristiwa tersebut, kita boleh mengkaji punca kebakaran dan cara pengawalan yang lebih berkesan. Kita dimaklumi bahawa punca kebakaran antara lain berkeungkinan bermula daripada litar pintas elektrik dan juga tiupan angin yang kencang yang merebakkan api dengan cepat. Kebakaran ini telah menyebabkan kerugian besar bagi mereka yang terlibat. Melalui peristiwa ini, kita dapat pengajaran bagaimana harus menanganinya daripada berulang lagi. Contohnya pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik seharusnya membuat lawatan mengemuka ke rumah-rumah di Kampong Ayer untuk membuat pemeriksaan terhadap peti-peti suis besar dan penyambungan wayar yang terdapat di sana.

Pihak perancangan pembangunan dan pihak yang berkenaan harus juga meneliti mengenai pembangunan rumah-rumah di Kampong Ayer terutamanya dari aspek keselamatan apabila berlaku kebakaran. Aspek lain ialah menilai keteguhan sesebuah bangunan yang terdapat untuk menghindarkan kejadian runtuh seperti jambatan kayu yang didirikan sudah se-

kian lama.

Pihak Jabatan Perkhidmatan Bomba pula, perlu menilai balik keupayaan dan strategi pengawalan kebakaran seperti kebakaran besar yang terjadi ini. Antara lain tindakan yang boleh diambil ialah membuat Pos Kawalan Bomba di kampung-kampung yang mempunyai kelengkapan asas pemadam api. Jika kebakaran berlaku maka tindakan pengawalan awal boleh dilakukan sementara menunggu bantuan datang.

Perkara seperti ini juga boleh diusahakan di kampung-kampung di kawasan darat, terutama kawasan-kawasan yang terpencil. Ini kerana destinasi kawasan yang jauh kadang-kadang menyukarkan untuk pihak bomba sampai dengan cepat ke tempat kejadian. Maka dengan adanya pos-pos kawalan seperti ini adalah diharapkan pengawalan kebakaran akan dapat dilaksanakan. Penduduk-penduduk kampung yang jauh juga berhak untuk menikmati kemudahan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Sejarah kebakaran seperti yang telah berlaku di negara kita senantiasanya mengingatkan kita untuk berhati-hati dan berwaspada pada setiap kemungkinan yang akan terjadi.

Apa pun masalah yang kita hadapi di dalam masyarakat sudah tentu ada sejarah permulaannya. Dengan menilai dan meneliti balik kepincangan yang ada dan mencuba beberapa langkah yang pernah berjaya dilakukan tentunya akan dapat membantu mengeratkan masyarakat ke tahap yang lebih baik lagi.

KESIMPULAN

Masyarakat umum haruslah melihat nilai sejarah itu sebagai sesuatu yang amat berharga. Ianya bukan sepatutnya hanya dinilai sebagai satu kenangan masa lalu atau peristiwa silam sahaja. Masyarakat dewasa ini harus peka dengan kepentingan yang dibentangkan oleh sejarah kepada kita. Ianya janganlah hanya digunakan sebagai satu mata pelajaran sekolah sahaja, akan tetapi haruslah dilihat sebagai bahan yang dapat digunakan untuk semua. Melalui sejarah sesebuah masyarakat akan dapat mempelajari kejatuhan dan kemenangan masa lalu mereka. Dikapadanya juga diharap akan dapat memberikan jawapan atau jalan untuk menyelesaikan persoalan-persoalan yang dihadapi untuk menyelesaikan apa jua konflik yang dibangkitkan.

Sebagai sebuah masyarakat, kita

PERATURAN RUANGAN SASTERA DAN BUDAYA

SUKACITA menarik perhatian kepada penulis-penulis yang ingin menghantar rencana mengenai Sastera dan Budaya untuk terbitan akhbar PELITA BRUNEI supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Rencana hendaklah dialamatkan kepada :

PENERBIT SASTERA DAN BUDAYA,
BAHAGIAN AKHBAR,

#2, JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS BB 3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

2. Rencana mestilah ditaip dengan jarak dua (2) langkau (double spacing) dalam bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru.

3. Rencana hendaklah dihantar/dikirim ke alamat di atas dalam disket komputer. Walau bagaimanapun gambar-gambar, lukisan, ilustrasi atau grafik boleh disertakan secara berasingan jika perlu.

4. Rencana tulisan tangan tidak akan diterima.

5. Penulis hendaklah menyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan alamat bank, alamat penuh, nombor telefon dan nama samaran (jika ada).

6. Rencana yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini tidak akan dilayan.

perlu tahu bahawa kepentingan sejarah kepada kita bukan hanya dipikul oleh individu-individu tertentu sahaja seperti pihak Muzium atau Pusat Sejarah. Ianya patut dihargai dan dipelajari oleh setiap orang untuk memberikan pengalaman atau pengetahuan yang dapat membantu untuk membangun diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara khususnya.

Pengalaman masa lalu mengenai kejadian, tingkah laku dan perihai yang terjadi di persekitaran kita adalah aspek sejarah yang dapat membantu dalam apa jua hal dan bidang.

Umumnya sejarah banyak mengajar kita untuk lebih berhati-hati agar tidak mengulangi kesalahan-kesalahan atau kesilapan yang pernah dilakukan oleh mereka yang terdahulu. Melaluinya juga kita belajar mengenai kejayaan yang pernah dicapai oleh seseorang atau sesebuah masyarakat.

Ini merupakan petunjuk bahawa jalan untuk kejayaan itu pernah dilalui dan perlu diulang lagi untuk kemajuan dan kemakmuran bersama. Kita harus ingat bahawa masyarakat itu wujud dengan kisah masa lalunya. Sejarah asal usul kita adalah gambaran mengenai apa yang pernah berlaku kepada masyarakat kita. Ia juga boleh memberikan gambaran apa yang akan berlaku di masa-masa akan datang, kerana kita boleh mengambil iktibar dan pengajaran mengenai apa yang telah terjadi untuk menjadi garis pandu perancangan di hari-hari akan datang.

RUJUKAN
Dr. Parsudi Suparlan (ed), 1984. *Manusia, Kebudayaan, dan Lingkungannya*. Jakarta: Penerbitan Rajawali.
Jatswan S. Sidhu 1995. *Sejarah Sosioekonomi Brunei 1906-1959*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
Kamus Bahasa Malaysia 1980. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
Sivachandralingam Sundara Raja & Aya-durai Letchumanan 2001. *Tamadun Dunia*. Kuala Lumpur, Penerbitan Fajar Bakti.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

ALAI PINTAR



BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 613

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 613,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR

Sila berikan nama penuh gambar di atas?

Apakah jawatan yang dipegangnya dalam kerajaan sekarang?

H

ARI ini adalah hari yang paling gembira buat Nina. Hari ini adalah bakaian durian runtuh bagi Nina. Kepingan wang kertas berjumlah lima ribu dihitung dengan teliti, berkali-kali, supaya jumlah tersebut tepat dan tidak berkurang walau sesen pun. Pelbagai barangan impian Nina bermain di angan kepalanya. Rantai besar seberat dua kilo itu juga menjadi idamannya. Apa lagi pelbagai citra warna dan rasa kain sutera yang ditawarkan di Kofom dan Nazmi sering bermain-main dalam angannya untuk dimiliki. Beg tangan dan kasut jenama Channel seperti Dahlia juga menjadi sebahagian daripada impiannya.

Kok!... Kok!... Kok!... !!! Kok!... Kok!... Kok!... Suara ayam-ayam jantan dan betina ternakan suaminya tiba-tiba memecah angan-angan Nina yang jauh memanjang. Dia tersedar daripada lamunannya yang sejak tadi mengira-ngira wang yang akan menjadi habuan untuk dibelanjakan. Dengan sekelp mata, pelbagai barangan impiannya berkecai begitu saja daripada angan-angannya. Dia menghampiri jendela dapurnya dan menghalakan pandangannya ke deretan reban-reban ayam ternakan suaminya, Sidek. Kokokan ayam-ayam tersebut seakan-akan mengadu sesuatu kepada Nina.

BOKELNE

Abang Sidek pasti perlukan duit lima ribu ini daripada Nina, bisik hatinya. Duit lima ribu ini mampu memperkembangkan perniagaan suaminya yang sudah empat tahun menternak ayam-ayam kampung secara kecil-kecilan sebagai mata pencariannya. Walaupun hasilnya tidak selumayan seperti gaji bulanan yang pernah diterima sewaktu bekerja dengan kerajaan dahulu, namun hasil dari ternakan ayam-ayam kampung tersebut mampu membayar sedikit sebanyak hutang-hutangnya di bank dan membeli sedikit barang-barang dapur.

Nina bercadang untuk membuat sesuatu pembaharuan. Duit lima ribu yang dikiranya sejak pagi tadi akan digunakan untuk berniaga kain-kain sutera batik dari Kelantan. Tentu hasilnya lebih lumayan daripada menternak ayam-ayam kampung tersebut. Cadangan ini diajukan kepada suaminya, Sidek. Mulanya Sidek keberatan untuk mengiakan cadangan isterinya tetapi setelah diberikan pelbagai perangsang, akhirnya dia bersetuju. Sebagai tambahan kepada wang model sebanyak lima ribu itu, Sidek tekad menjual ayam-ayam kampungnya secara lump sum kepada kawan karibnya, Jumat. Hasil daripada jualan tersebut, Sidek hanya memperoleh sejumlah tiga ribu ringgit sahaja. Apabila dicampur dengan duit yang ada pada Nina, semuanya berjumlah sebanyak lapan ribu.

Sidek dan Nina peruntukan satu ribu untuk duit tambahan yang berharga empat ratus tiga puluh ringgit seorang, maklumlah Perkhidmatan Air Asia masih belum ada lagi pada masa itu. Satu ribu ringgit pula diperuntukkan untuk makan, penginapan di hotel dan ongkos kenderaan. Lima ratus ringgit pula diperuntukkan untuk eksais barang-barang mereka yang akan dibawa pulang nanti. Sidek memang sengaja memperuntukkan jumlah yang besar kerana ditakuti sesuatu aral yang melintang mengusutkan keadaan dari segi kewangan. Manakala lima ribu dan lima ratus ringgit pula diperuntukkan untuk modal berniaga pelbagai kain sutera batik dari Kota Bharu di Kelantan.

Tiba hari berangkat, hati Sidek bagai digaru. Perasaan suka baur pula dengan duka. Peraturan yang dianugerahkan oleh Ilahi kepada hamba-Nya jauh lebih sempurna daripada segala-galanya. Daim yang tidak pernah sembahyang tidak pula pernah didenda. Tujuh yang sering melimpasi sempadan untuk membeli ayam togel yang dianggap tidak halal sering lolos walaupun tanpa kertas yang sah. Maimun yang kehilangan dompet dan kartu khas juga lolos begitu saja.

Terbayang pula wajah Haji Zamal di ruang ingatan Sidek. Haji Zamal memang tidak berperikemanusiaan. Tergamak dia melakukan semua ini terhadap dirinya. Potret Haji Zamal yang megah berdiri dilengkapi oleh alat-alat permainan golf rupanya tidak pandai bermain golf langsung tapi pandai bermain catur memperdayakan kehidupan anak buahnya sendiri. Usulan yang dicadangkan oleh Dimon sebelum mesyuarat tersebut rupanya membawa padah kepada Sidek dan jadi bara kepada Haji Zamal. Haji Zamal tekad untuk menyalahkan Sidek walau dengan apa cara sekali pun, ternyata dia berhasil dan Sidek tidak lagi bekerja di situ kerana bokelnya tidak pernah ditandatangani oleh Haji Zamal. Pun begitu, Sidek akur dengan nasib yang menimpa walaupun ianya pahit ditelan seperti buah kepayang. Nina juga tahu, Sidek memang tidak bersalah tetapi dia terlalu daif kerana mempercayai manusia seperti Haji Zamal.



"Tinggal satu minggu lagi kita hendak berangkat, apa abang sudah terima pengesahan dari boss abang tu?"

"Sudah!..."

"Kalau sudah, mana salinannya? Salinan itu penting bang, ada hitam putihnya."

"Abang sudah telefon boss tadi, katanya permohonan abang tidak ada masalah. Lagipun bukan senang hendak ke bandar tu... Kereta abang pun, belum steady lagi, terima nanti barulah abang bawa ke bengkel..."

"Abang percayakah dengan boss abang tu, bukankah dia pernah berkata bahawa pelanduk selalu lupa jerat, tetapi jerat tidak pernah lupa pelanduk... Ah!... nak berendamah tu..."

"Sudahlah Nina, abang yakin boss abang tu tidak sejahat yang disangkakan..."

Perbualan tragik tujuh tahun yang lalu menjadi pengajaran yang mendalam di dalam kamus penghidupan. Nina dan Sidek tidak lagi semewah dulu. Mereka terpaksa berhempas pulas untuk membayar hutang-piutang yang menggunung di bank. Badai peristiwa tragik tersebut tidak hanya melanda Nina dan Sidek tetapi juga Bu Hajah Minah dan Pak Haji Sentul. Ianya juga menjalar pada Pak Hitam, Mak Tijah, Farid, Husna, Milah, Aming, Nurul, Alai dan beberapa orang yang lain. Tidak

ada pemberian bulanan, wang saku dan sebagainya. Tidak seperti dulu. Sudah tidak ada lagi... Mereka seakan faham, Nina dan Sidek tidak lagi semewah dulu. Bu Hajah Minah dan Pak Haji Sentul pergi untuk selama-lama tanpa bermandikan kemewahan seperti yang diharapkan.

Nina sedih. Dia tertunduk malu memikirkan dirinya yang tidak berdaya. Kelulut penderitaan itu tidak hanya terhenti di situ saja. Bokelne yang sudah ditandatangani itu direnung sedalam-dalamnya dan berkali-kali oleh Nina. Diperhati dengan teliti daripada atas hingga ke bawah, dari hujung kiri ke hujung kanan, mulutnya kumat-kamit membaca setiap perkataan yang tertera di atas borang itu, lagaknya seperti ejen CIA atau KGB yang menelaah sesuatu secara terperinci, takut-takut borang itu berhantu dan berubah pula. Bokelne Nina hampir lusuhi tapi catatan masih terang dan mampu dibaca.

"Dunia itu memang luas terbentang, jadi sempit seperti ini... Kalau aku hidup di zaman Marco Polo, aku tak perlukan semua ini..." Keluh Nina, seakan-akan putus asa.

Tapi Nina tekad mahu jadi rakyat yang akur. Dia mahu jadi rakyat yang mempunyai semangat Law Abiding Citizen. Bagi Sidek, bokelne sudah tidak penting lagi. Dia sudah jadi orang awam yang bebas pergi ke mana-mana sahaja tanpa

DUIT lima ribu ini mampu memperkembangkan perniagaan suaminya yang sudah empat tahun menternak ayam-ayam kampung secara kecil-kecilan sebagai mata pencariannya. Walaupun hasilnya tidak selumayan seperti gaji bulanan yang pernah diterima sewaktu bekerja dengan kerajaan dahulu, namun hasil dari ternakan ayam-ayam kampung tersebut mampu membayar sedikit sebanyak hutang-hutangnya di bank dan membeli sedikit barang-barang dapur.

OLEH
AWANG MANDARING

GERPEN

perlu meminta keizinan.

Dari ruang angkasa yang luas terbentang itu, kelihatan bumi dan penghuninya menjadi kerdil seakan-akan tidak berdaya tanpa pertolongan Ilahi. Kegelapan kota metropolitan KL dan kemegahan Twin Tawernya hanya mampu menggemirakan Nina buat seketika. Sesekali dia memerhatikan gelagat suaminya yang seakan-akan tidak pernah ditimpa sebarang musibah, gelak dan ketawa dengan penuh keriang. Suasana di Sunway Pyramid dan Sunway Lagoon sungguh menyeronokkan tapi Nina tekad mahu pergi terus ke Kota Bharu untuk membeli kain sutera batik Kelantan dan terus pulang. Liarnya pahit untuk berhibur. Sebaliknya Sidek ingin lama bermalam di KL dan mahu menjelajahi beberapa tempat menarik yang sering dilawati oleh para pelancong.

"Tunggulah dua ke tiga hari lagi Nina lagipun kita bukan selalu pergi ke KL ni... Cuti Nina kan dua minggu, masih banyak waktu lagi... Kita baru saja bermalam dua hari, sudah nak pergi ke KB pula... Lepas tu, terus pulang... Mana ada can untuk enjoy..."

"Abang ni nak enjoy... enjoy, kita datang ke mari bukan nak enjoy, tapi nak beli kain sutera batik buat berniaga... Kalau abang tak nak pergi, Nina nak balik terus..."

"O.Klah, O.Klah..." Sidek mengalah dengan kemahuan isterinya.

Mata Nina rambang memilih aneka bentuk corak dan warna kain-kain sutera batik yang diperdagangkan di Emporium Batik tersebut. Pemborong kain sutera batik memberi harga yang paling istimewa dan termurah kepada Nina dan Sidek. Bahu Sidek terasa hendak belah empat ketika mengangkat bungkusan kain-kain sutera tersebut. Jari-jemari Nina pula merah bagai berdarah menggenggam tangkai pemegang beg plastik besar yang sarat dipenuhi oleh kain-kain sutera batik Kelantan.

Setelah mandi membersihkan badan, Sidek dan Nina bersembahyang fardu Isyak berjemaah. Sidek terlinta melelapkan mata kerana terlalu letih. Nina merenung wajah suaminya. Pandangannya sayu diikuti pula dengan suatu perasaan hiba yang baur dengan rasa kesedihan yang sangat dalam. Dia mengusap rambut dan mengucup

Dari muka 12

dahi suaminya. Air matanya mengalir.

"Bang bangun, kita nak berangkat..."

"Aa... Aaa... Apa?... Kita nak berangkat," sahut Sidek seakan-akan masih lena dibuai mimpi.

"Kita akan balik ke KL dan terus pulang."

"Alah Nina, baru saja pejam mata, sudah nak balik... Kenapa ni?"

Nina bingkas dari katil dan terus berjalan menuju ke meja tulis. Dia berjalan beberapa langkah ke kiri dan beberapa langkah ke kanan. Fikirannya bercelaru. Peristiwa tragik yang mereka alami tujuh tahun yang lalu mengimbas kembali dalam ingatannya. Kertas Bokelne dipegang erat dan direnungnya beberapa kali. Dia membaca beberapa perkataan yang tertera di dalam bokelne tersebut. Masih ada sepuluh hari lagi. Dia juga teringat hutangnya yang bertimbun di bank. Wang lima ribu yang dimodalkan untuk berniaga juga dipinjam dari bank. Jelmaan perasaan sayu, hiba dan sedih berbau menjadi satu. Dia mahu pulang. Pokoknya dia mahu pulang hari itu juga.

"Kenapa dengan kau ni Nina, Kau sakit kah?"

Tiba di Lapangan Terbang Subang yang digunakan sebagai domestic flights, gundah-gulana Nina beransur reda. Pemandangan sekitar kota metropolitan KL seakan-akan memukau Nina dan Sidek. Sidek senyum, puas dan gembira sekali. Nina hanya tersenyum hambar. Dia merenung Sidek yang sejak tadi berkelakuan seperti kanak-kanak yang baru pernah ke luar negeri. Bagi Sidek, melancong boleh melupakan sedikit sebanyak ketegangan yang mereka alami dan bagi Nina pula, melancong mempunyai dua implikasi. Peristiwa tujuh tahun yang lalu memberi impak yang sangat mendalam dalam kehidupan Nina. Dia seakan-akan menyalahkan dirinya kerana tidak dapat memberikan kesenangan dan kemewahan buat orang yang tersayang di dalam hidupnya terutama Sidek. Di hotel, Nina sibuk berkemas.

Selepas salat fardu Asar, seperti biasa Sidek akan melelapkan matanya buat seketika. Jam sudah menunjukkan pukul enam petang, sekejap lagi azan Maghrib akan berkumandang. Sidek mandi, wuduk dan bersiap untuk salat Maghrib. Nina membentulkan kain telekung. Sebelum salat Maghrib, dia sempat membaca Surah Al-Baqarah dan Yaasiin. Dia merenung tajam suaminya. Tangan Sidek dicitum.

"Alah!... Batallah wuduk abang."

"Nina minta maaf bang, halalkanlah segala-segalanya..."

"Sudahlah tu... Kita bukan nak bersedih, di samping urusan berniaga, kita juga nak berhibur..."

Alangkah baiknya, kalau Sidek tahu... keluh Nina.

Selepas menunaikan salat Maghrib, Sidek mengajak Nina makan malam. Lorong Masjid India dipenuhi oleh para pedagang kecil-kecilan yang ingin mendapatkan wang sampingan dan mengaut keuntungan. Pelbagai juadah, lauk-pauk, kain-kain, hiasan dalaman rumah, buku-buku dan sebagainya tersedia untuk pilihan para pembeli. Sidek terpaut dengan Kitab Suci Al-Quran yang berbentuk kecil dan berwarna keemasan. Wang kertas dua puluh ringgit dihulurkan kepada si pedagang dan diambil dengan rasa kesyukuran. Selesai makan malam, Nina mengajak Sidek untuk kembali ke tempat penginapan mereka iaitu di sebuah hotel yang bertaraf tiga bintang.

"Bang... kita pulang bang, malam ni..."

"Alah... Nina, hari dah larut malam... Susah nak dapat teksi."

"Tapi Nina nak pulang jua bang, Nina rasa seperti ada suatu perasaan halus yang mendesak Nina untuk pulang... Tolonglah bang... Nina tak akan minta apa-apa lagi selepas ini selain minta Abang tunaikan hajat Nina yang hendak pulang juga malam ni..."

Sidek dan Nina berlari-lari anak ke sana dan ke mari untuk mendapatkan teksi. Ternyata apa yang dikatakan oleh Sidek itu benar, bukan senang nak cari teksi pada malam hari. Mungkin kawasan yang mereka lalui itu bukanlah kawasan lalu-lalang untuk teksi malam kota metropolitan KL.

Deretan bangunan batu yang tinggi lampai dan rumah-rumah kedai sepi dengan warna hitam pekatnya, hanya diwarnai samar-samar kelipan lampu neon yang terpancar dari tepi jalan raya yang dilalui oleh Nina dan Sidek. Kalau orang kata KL menjerit pada waktu malam, ternyata itu bohong. Atau mereka tersalah jalan. Baju Sidek dan Nina berbau hanyir dan serat dengan peluh. Seseekali, Sidek menarik tangan Nina bagai menarik kerbau yang ditindik hidungnya.

Telatah Sidek dan Nina mengundang pelbagai spekulasi dari pejalan-pejalan kaki yang lain. Sepasang suami isteri yang berbangsa Arab senyum sinis melihat telatah Sidek dan Nina. Dengan ihsan dari seorang pemuda Tionghoa yang sudi menumpangkan mereka, kini Sidek dan Nina sudah mendekati terminal bus dekat Puduraya. Dua keping tiket dibeli dengan harga yang sedikit mahal daripada biasa dan disimpan dengan cermat ke dalam beg tangan Nina. Jam sudah menunjukkan pukul sembilan malam. Ini bermakna mereka ada dua jam lagi untuk berkemas dan terus pergi ke terminal bus. Nina menghulurkan wang kertas satu ratus ringgit kepada juruwang hotel tersebut. Mulanya juruwang seakan keberatan untuk menerima wang tersebut.

"Tolonglah kami encik... Kami sudah kesuntukan masa, wang satu ratus ringgit ini kalau ditukarkan dalam nilai wang negeri encik, tentu lebih besar lagi jumlahnya. Saya ikhlas memberi kepada encik lebihan wang tersebut..."



"Itulah... Lain kali awak mesti beringat-ingat, kalau berbelanja pun, wang untuk bayaran hotel perlu disediakan," perlu juruwang hotel tersebut.

Sekali lagi Sidek dan Nina terpaksa bertempur untuk mendapatkan teksi untuk pergi ke terminal bas di Puduraya. Sidek menghulurkan tangannya kepada Nina tetapi Nina enggan memegang tangan Sidek. Dengan rasa marah disertai dengan fikiran yang bercelaru, Sidek meninggalkan Nina dan berjalan seperti stuntman yang bersedia merempuh maut di tengah-tengah lautan yang dipenuhi oleh lalu lintas yang sesak. Semua mata terpacu kepada Sidek. Nina mahu menjerit tetapi lidahnya bagai terkunci. Kemudian dia mengeluarkan kertas Bokelne dari beg tangannya, ditatapi dan dibaca isi kandungannya. Kertas Bokelne digenggam erat sebelum Nina menyeberangi lautan lalu lintas seperti stuntwoman.

Traakkk!!!... Aaaaaaduhhhhh!!!!... Bunyi seperti satu benda besar terhempap besi yang leper. Diikuti pula dengan jeritan suara perempuan mengerang kesakitan. Sekujur tubuh terlintang berlumuran darah yang merah mengalir. Matanya masih terbuka dan di tangan digenggam erat kertas Bokelne atau BORANG KE LUAR NEGERI yang basah bermandikan darah. Sejak kemalangan itu Nina bukanlah Nina seperti dulu lagi. Nina adalah penderita psikatrik yang hanya hidup dengan belas kasihan orang lain.

Tiga puluh lima tahun sudah berlalu. Penghidupan warga kota dan desa berjalan seperti biasa. Pergolakan dunia yang serba mencabar terpaksa dilalui dengan penuh kesabaran dan keimanan agar aqidah tidak terpesong ke lembah kehinaan. Haji Zamal merenung ke atas atap rumah batunya yang tersergam indah dan dihiasi dengan kornis yang diimport dari negara Eropah. Raut wajahnya dipenuhi oleh sejuta kedutan kesan dari seribu kedukaan batin yang dialaminya sejak sekian lama. Matanya liar menoleh ke kiri dan ke kanan.

Namun dia tidak ternampak insan-insan yang sangat dihajatnya. Dia berbisik sesuatu kepada isterinya tetapi isterinya menggeleng kepala, tunduk, sedih dan mengalirkan air mata. Sudah dua minggu mata Haji Zamal yang redup, rebun dan berair itu tidak pejam-pejam. Dalam dua minggu juga matanya yang redup, rebun dan berair itu asyik menoleh ke kiri dan ke kanan. Dia mencari insan-insan yang pernah dianiayanya tiga puluh lima tahun yang lalu. Haji Zamal mencari-cari Sidek dan Nina dan ingin meminta ampun sebelum sakratul maut menjemputnya.

Peristiwa kertas BOKELNE masih hijau dalam ingatannya. Haji Zamal mengeluarkan borang BOKELNE Sidek yang sudah lusuh dan berwarna kecoklat-coklatan yang ditandatangani tiga puluh lima tahun yang lalu.

PERATURAN RUANGAN CERPEN

SUKACITA menarik perhatian kepada penulis-penulis yang ingin menghantar karya cerpen ke akhbar PELITA BRUNEI supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Cerpen hendaklah dialamatkan kepada:

PENERBIT CERPEN,
BAHAGIAN AKHBAR,
#2, JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB 3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

2. Cerpen mestilah ditaip dengan jarak dua (2) langkau (double spacing) dalam Bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru.

3. Karya hendaklah dihantar/dikirim ke alamat di atas dalam disket komputer (karya tulisan tangan tidak akan diterima).

4. Penulis hendaklah menyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan alamat bank, alamat penuh, nombor telefon dan nama samaran (jika ada).

5. Penulis yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini tidak akan dilayan.

PERGOLAKAN dunia yang serba mencabar terpaksa dilalui dengan penuh kesabaran dan keimanan agar aqidah tidak terpecong ke lembah kehinaan. Haji Zamal merenung ke atas atap rumah batunya yang tersergam indah dan dihiasi dengan kornis yang diimport dari negara Eropah. Raut wajahnya dipenuhi oleh sejuta kedutan kesan dari seribu kedukaan batin yang dialaminya sejak sekian lama.



سنتیاس برسام بیسکیت
Sentias Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تیلیفیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTD berhasrat menarik mana-mana jua rancangan

R A B U 14 APR	PAGI		9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.45	SINAR	8.50	DRAMA - 'Jodoh'
			9.15	RAMPAI PAGI -	4.15	SESAME STREET			9.20	MERENTAS KENANGAN
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU		Sambungan	5.10	GILLETTE WORLD OF			10.00	NEWS AT 10
		KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT		SPORT	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.30	SUKAN ANTARABANGSA
	6.02	MUTIARA FIRMAN			5.45	BERITA	7.25	LENSA PELAJAR	11.00	RITA & RAIHAN
	6.12	RAMPAI PAGI -			6.00	WORLD APART SR.2	7.38	AZAN ISYAK	11.30	HACK - 'Signature'
	Siaran Langsung		4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.28	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT
				PETANG						

K H A M I S 15 APR	PAGI		9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.28	AZAN MAGHRIB	8.50	AN-NUUR -
			9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	KIDS HOUR - 'Adventures Of Papyrus/Braceface'	6.45	FIQHUL MIRATS		Siaran Langsung
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT					10.00	NEWS AT 10
							MALAM		10.30	ISTIADAT MENGAGAI BAGI PENGURNIAAN GELARAN
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.00	ON THE BALL	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN		
					5.30	SUPER STRUCTURES OF AMERICA	7.25	WARTA ISLAM		
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN		7.38	AZAN ISYAK	11.45	DRAMA - 'Takhta Hati'	
		4.02	MUTIARA FIRMAN	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT	

J U M A A T 16 APR	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG	3.55	TAYANGAN GAMBAR	7.25	TAMAN SARI SR.3
			10.15	SESAME STREET	1.30	VISI SUCI	7.38	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU				CHINA - Sambungan	8.00	BERITA NASIONAL
		KEBANGSAAN	11.15	BUNYI	2.00	TETAMU SUKAN - Siaran	5.15	USOP SONTORIAN
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA		Langsung	5.45	BERITA
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.45	UNDERSEA EXPLORER	2.30	LAGENDA	6.00	GALERI
		Siaran Langsung	12.15	BRUM III	3.00	TAYANGAN GAMBAR	6.27	AZAN MAGHRIB
	9.00	BERITA	12.30	SEMBAHYANG FARDU		CHINA - 'Up For The	6.45	TURUKUN ILALLAH
	9.15	RAMPAI PAGI -		JUMAAT- Siaran Langsung	3.31	Rising Sun'		MALAM
		Sambungan						10.00
							10.40	KHUTBAH JUMAAT
							10.25	TELEDRAMA - 'Relaiiti'
							12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT

S A B T U 17 APR	PAGI	10.05	KIDS HOUR : <i>Argai/Ripley's Believe It or Not'</i>	12.21	AZAN ZUHUR	4.15	BEYOND 2000	7.25	ANIMALIA	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN		PETANG		5.00	MONSTER BY MISTAKE	7.38	AZAN ISYAK	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	10.55	OCEANS OF MYSTERY	12.50	PANGGUNG PETANG	5.25	JAY JAY THE JET PLANE	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.20	DRAMA : 'Menyimpul <i>Harapan'</i> - Ulangan		SABTU - 'Life Of The Party: <i>The Pamela Harriman Story'</i>	5.45	BERITA	8.50	HIBURAN Hujung
	9.00	BERITA	11.30	BERITA		6.00	WILD RESCUE		MINGGU - 'Orkestra RTB'	
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.05	DOKUMENTARI - MENARA IMPIAN - 'Pramugara/Pramugari' - Ulangan	2.20	ASPIRASI	6.27	AZAN MAHGRIK	10.00	NEWS AT 10
					2.50	OUTER BOUNDS	6.45	PEDOMAN AKIDAH	10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'The Replacement'
					3.20	SMALLVILLE	MALAM			
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN			3.31	AZAN ASAR	7.00	DUNIA ASIA	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

A H A D 18 APR	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	1.45	ENGLISH PREMIER	5.35	WILDLIFE IN RUSSIA	8.50	TAYANGAN GAMBAR	
		10.10	SESAME STREET		LEAGUE 2003/2004 -	5.45	BERITA		KLASIK	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.10	TAMAN ABC		HIGHLIGHT	6.15	BIOLOGIC	- 'Seniman Bujang Lapok'	
		11.30	BERITA	2.40	JUARA - Siaran Langsung	6.27	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.45	SUNDAY MATINEE -	3.15	DINOTOPIA: THE SERIES	6.45	PENGAJARAN DARI	10.30	TIRAI KELUARGA -
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.21	'The View From The Swing' AZAN ZUHUR		- Siri Baru		AL-QURAN		Sambungan
					3.32	AZAN ASAR	MALAM			
	9.00	BERITA	PETANG		4.15	MOTIVASI PELAJAR -	7.00	BRUNEI SIUK - SR. 4	11.00	MUTANT X -
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	1.30	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2003/2004 - PREVIEW		'Ciri-Ciri Pelajar Cemerlang Bhg. II"	7.38	AZAN ISYAK		'Fool For Love'
		10.00	SUSUNAN RANCANGAN				8.00	BERITA NASIONAL	11.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

I S T I N I N 19 APR	PAGI	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	MALAM		10.30	ISTIADAT	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	7.00	LIPUTAN SEMASA	11.45	MENGURNIAKAN GELARAN
			10.00	SIARAN TAMAT	4.15	KIDS HOUR - 'NILUS THE SANDMAN/BIG GARAGE'	7.25	HIDANGAN		
					5.15	EVEN WEIDER TV	7.38	AZAN ISYAK		
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL	12.45	BOLASEPAK LIGA PERDANA MALAYSIA - 'Negara Brunei Darussalam wn PDRM'	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung		6.00	WILDLIVES	8.50	DRAMA: SAMBAT MALAM HARI			
	4.00	LAGU KEBANGSAAN		6.27	AZAN MAGHRIB	9.30	MENARA SUMBER			
					6.45	BIMBINGAN KELUARGA	10.00	NEWS AT 10		

S E L A S A 20 APR	PAGI	9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	MALAM		MAULUD -		
								Siaran Langsung		
			9.15	RAMPAI PAGI -	4.15	KIDS HOUR - 'CEDRIC'	7.00	DRAMA - 'Masih Ada	10.00	NEWS AT 10
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU		Sambungan	5.00	CROCODILE HUNTER		Rindu'	10.30	GENE RODDENBERRY'S
		KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	7.27	DOKUMENTARI		ANDROMEDA YR. 2 -
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		6.10	TAHUKAH AWDA?	7.38	AZAN ISYAK	11.15	MDA SR.2
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.27	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT
		Langsung	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.45	AL-ISLAM	8.50	PEMBUKAAN DIKIR		

Halaman Puisi... Halaman Puisi... : Halaman Puisi...

DI BAWAH RUNTUHAN BATU (Penderitaan rakyat Palestin)

Semangat masih kental
perjuangan belun ke penghujung
walau satu demi satu tumbang
masih ada seratus malah ribuan tampil
menyumbangkan darah rela tumpah
demi martabat diri
demi maruah bangsa
demi kesucian ugama
demi kemerdekaan negara.

Dari bawah runtuhan batu
terdengar suara menggamit rasa
mata berkilip mengharap bantuan
tenaga lesu jasad kaku
apakah dunia melihat tiada terluka?
jasad berkubur menuntut hak mutlak
kerana
ini tanah air kami
yang juga cintakan perdamaian.

Kenapa kami digelar pengganas?
sedangkan tanah ini hak kami
Israellah pengganas sebenar!
yang membunuh dan merampas segalanya
kenapa dunia membius?
tiada berani tindakan mati
membiarkan nyawa kami ditimbus batu
yang bernyawa terus merempat.

SENJA DI PANTAI MUARA

Aku berdiri di Pantai Muara
hatiku tenang dan jernih
setenang dan sejernih air laut
mataku meramas Pulau Pilon-Pilon
tempat persinggahan burung laut
yang menumpang berteduh
dari ribut dan malam hari.

Mentari sudah merendah kekuningan
angin lalu bertiup sejuk
sepi menjamah rasa
pasir putih membuka kedamaian
pepohon ru memagari pantai
betapa indahnya nikmat ilahi
dari rahmat-Nya.

Alun laut menyusur lalu
anak ikan bermain ombak kecil
buih air mengejar rama
yang tersorok di bawah kayu buruk
penghuni pantai riang damai
terhindar dari pencemaran masa
terus dipelihara
tanggungjawab semua.

Mas Malinja

RENUNGAN MASA DEPAN

Kehadiranmu di sini
mengisi kekosongan minda
menuntut ilmu di dada
membawa keyakinan diri.

Kami tahu hasratmu ...
demi keikhlasan
demi kejujuran
diberikan
dinyatakan.

Tapi ... mengapa?...
semua terkubur
bersama angin dan debu
melanda di sudut cita-cita
kenapa? ... kesetiaan diri
sudah tiada lagi
hilang begitu sahaja
hanyut dibawa oleh arus
khayal dibela suasana.

Apa? ...
tidakkah kesal di hati
rela menempuh kehampaan
di hujung perjalanan
oh! ... sedarlah
harapan masih ada.

Renunglah masa depan
ingatlah kehidupan
harapan pasti ada
dirimu muda remaja
penuh iman di dada
kini kejayaan
jadi kenyataan.

Salmi 26191

CITA-CITAMU MASA DEPANMU

Jangan berduka
kerana hatimu pasti suram
usah dikenang yang lalu
kerana bisa membuatmu gelisah
ingatlah ...
duka itu menyakitkan.

Lihatlah awan biru
renungkan masa depanmu
awan putih berkejaran
kejorlah cita-citamu.

Perhatikan ombak
sungguh buas dan rakus
memecah kesunyian pantai
capailah impianmu
usah gusar pada dugaan
walau badai datang melanda
harungi hidup penuh dugaan.

Hulur tangan lembutmu
rasakan titisan air hujan
usah takut pada kesejukan
jangan biarkan dirimu menggigil
berpeluk tubuh merenung hujan turun
kerana takut kau ditimpa sakit
sakit yang hanya melunturkan semangat
tanpa menghiraukan cita-citamu
meninggalkan kau jauh di sana.

Kejarlah ...
kejarlah ...
kejar seperti awan putih
kejar seperti ombak
kejar seperti air hujan
tanpa menghiraukan kegagalan
hiast dirimu
dengan kegembiraan
kerana kau tahu satu masa nanti
kau pasti berjaya
menempuh hidup ini
dan hanya kau
hanya kau saja
yang tahu semua itu akan berlaku.

Putih SHW

KEJIRANAN

Kejiranan tertubuh kini
di merata kampung dan negeri
musuh seteru tidak berani
membuat kacau dan jenayah
bimbang dan ragu terjadi
terjamin dan terjalin persefahaman.

Kau bagaikan teman setia
dalam masa memerlukan
tenaga dan khidmatmu
tidak kira siang atau malam
rela berbakti nusa dan bangsa
dan keamanan nan abadi.

Kau juga bagaikan lilin
menerangi cahaya dalam kegelapan
rela perhambakan diri
demi menghulurkan bantuan
dalam masa kesusahan
itulah dia 'Pengawasan Kejiranan'.

Yakub P. A.

KEDUKAAN

Terbias di cermin duka
wajahku yang tersua
dengan kepiluan
menjamah kehidupan yang rencam.

Berulang kali
kuucapkan kalimah salju
menyimbah panas membara
batin yang terseksa.

Namun
aku tidak berdaya
mendudukan emosi
yang terguling di lantai sendu
membasah pilu.

Saat berduka
aku tersadai di pantai derita
dan menyusur persisiran berkaca
dengan jiwa yang gerhana.

Hanirah

BILA BUNGA-BUNGA BERGUGURAN

Ketika waktu
bunga-bunga di taman
yang indah itu
gugur dan layu
betapa aku terasa
kerdilnya sang kumbang
yang sentiasa menghisap madu
dengan perasaan
yang angkuh lagi kaku!

Ketika waktu
bunga-bunga di taman
yang segar itu
rebah dan tunduk membius
betapa aku terasa
hampunya yang kumbang
yang sentiasa kegirangan
dengan perasaan
yang lemah lagi pilu!

Ketika waktu
aku menjengah
memperhatikan ...
bunga-bunga suci
gugur satu persatu
di lembah yang hina itu
betapa aku terasa
diri selayak hampas!

Ketika waktu
aku menjamah
mengutip ...
sisa-sisa bunga yang berbaki
di hamparan gersang taman
betapa aku terasa
diri memang hina!

Dan bila diri melihat
akan kesudahannya
kesudahan bunga-bunga
yang mewakili diri
berada di lembah yang memilukan
betapa aku cukup terasa
diri tiada layak untuk meraih bahagia!

BUNGA-BUNGA BANGSA

Bunga bangsaku
dikau umpama suria
dikau perwira negara
pergi berperang demi pertiwi.

Bunga bangsaku
andai sudah tamatnya masa
andai sudah bulatnya kata
pulanglah semula ke tempat kita.

Ayuhai bunga bangsaku kencana dewi
seandainya kau gugur
sebelum tibanya gerhana
pengorbanan dan jasmu tidak kami lupakan
kerana dari tiap-tiap perdumu
bunga-bunga lain bercambah
segala sisa-sisamu yang jerih dan pedih
membuahkan tabah
tabah sebelumnya rebah ...

Cinderella

BUNGA-BUNGA KASIH

Sayup kudengar suaramu
hati seakan dibuai lena berada
tutur kata puisimu
bak tari gemalai
mendodoi jiwa naluri
lantas berbisiklah
alunan ombak kasihmu
menggesek bunga-bunga kasih
di tebing asmara ini.

Alia MS

MENDAKAPI KEDAMAIAN

Petang sore datang dengan teratur
di situ aku bertapak
dengan wajah yang ceria
berlantaikan bumi menghijau.

Sungai Pangkalan Si Babau tenang
setenang hati pengunjungnya
pastinya terharu lagi mengharukan
mengusik jiwa tergamit rindu.

Betapa hati kesyahduan
tempatnyanya damai dan nyaman
di dada meluas lebar
bak membabit dunia syurgawi.

Namun hati berair mata
rindu menyelami kedamaian
tiada akan terurai.

Sang bayu datang menyapa
mendakapi rasa damai
daun nyiur melambai-lambai
memberikan senyuman
bersama seribu pengharapan.

Ketika matahari mula berkubur
aku pulang ke rumah
membangun cita
kerana hari esok belum pasti hadirnya.

A. H. Tuah

SEBUAH POTRET

Ingin kucapai pelangi
tapi ku tak terdaya
cuma dapat memandangnya
kutatap sebuah lukisan wajah pilu
yang belum pasti
kuamati penuh teliti
kugerakkan jejari
kuikis habuk-habuk yang menghalang
wajah seorang ibu tua
yang kelihatan sayu hiba
bersama puisi ...

Aku ibu tua
terombang-ambing
tiada tempat bergantung
tangisan tak seorang pun tahu
tak seorang ingin mendampingi
suamiku, anakkku menghilang
sendiriku di rumah usang ini
diselubungi keperitan dan penderitaan
menghirup kedukaan
yang mencengkam
namun ku gagahi liku-liku hidup ini
berserta doa
dengan ketabahan hati
beriring sepi.

Qishra

PERATURAN HALAMAN PUISI

SUKACITA menarik perhatian para penulis yang ingin menghantar puisi ke akhbar PELITA BRUNEI supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Puisi hendaklah dialamatkan kepada:
PENERBIT HALAMAN PUISI,
BAHAGIAN AKHBAR,
#2, JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB 3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
2. Puisi mestilah ditaip dengan jarak dua (2) langkau (double spacing) dalam Bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru.
3. Puisi hendaklah dihantar/dikirim ke alamat di atas dalam disket komputer (tulisan tangan tidak akan diterima).
4. Penulis hendaklah menyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat penuh, nombor telefon, nombor akaun bank dan alamat bank dan nama samaran (jika ada).
5. Penulis yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini tidak akan dilayan.

TINGKATKAN USAHA KURANGKAN KEMALANGAN JALAN RAYA

BERAKAS, 7 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna bersabda, peningkatan kemalangan jalan raya dan kes kecederaan mungkin disebabkan kebanyakan orang beranggapan kemalangan tidak dapat dihindarkan, akan tetapi banyak risiko yang berhubung kait dengan kemalangan dan kecederaan dapat dicegah di mana sebilangan besar masyarakat juga tidak menyedari setakat mana kesan dan impak bahaya kemalangan jalan raya.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna bersabda demikian semasa berkenan berangkat ke Majlis Pelancaran Hari Kesihatan Sedunia 2004 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Menurut Yang Teramat Mulia, mangsa kemalangan bukan sahaja melibatkan kehilangan jiwa atau menerima kecacatan dan kecederaan, tetapi juga akan melibatkan kesan fizikal, psikologikal, sosial dan kesihatan kepada keluarga, sahabat handai, pejabat, tempat bekerja atau tempat belajar, selain memberi bebanan kos kepada masyarakat dan negara dari segi perbelanjaan rawatan, pemulihan, bantuan kecacatan, kos insurans, mahkamah dan sebagainya.

Yang Teramat Mulia juga difahamkan pelbagai langkah diambil untuk mencegah kemalangan dan kecederaan, di samping perancangan Majlis Keselamatan Jalan Raya melalui pelbagai strategi dan langkah ke arah penyelesaian pengguna dan keselamatan di jalan raya, di samping para pengguna jalan raya juga sepatutnya memperingkatkan lagi usaha bagi mengurangkan kadar kemalangan, kematian, kecacatan dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya di masa depan.

"Pada hemat saya, pencegahan kemalangan jalan raya adalah amat penting dan mempunyai impak kesihatan awam yang mana perlu diberi keutamaan oleh semua pihak berkenaan.

Usaha hendaklah dipergiatkan dalam meningkatkan kesedaran orang ramai untuk mengambil perhatian berat terhadap keselamatan jalan raya, terutamanya kesannya kepada kesihatan dan bebanan yang akan dihadapi," sabda Yang Teramat Mulia.

Menurut Yang Teramat Mulia dalam memastikan keselamatan di jalan raya, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan keselamatan yang sedia ada hendaklah dipertingkatkan, seperti keperluan penggunaan tali pinggang atau topi keledar, kerusi keselamatan kanak-kanak, tegahan penggunaan telefon bimbit seperti yang disarankan, pengawalan had laju dan sebagainya, di samping penelitian semula undang-undang dan peraturan lama yang sepatutnya dikemaskinikan.

"Selain dari itu, reka bentuk dan infrastruktur jalan raya hendaklah dipastikan mempunyai piawaian keselamatan yang tinggi. Semua kenderaan bermotor juga perlu memenuhi piawaian keselamatan yang telah ditetapkan sama ada yang baru dan yang lama, termasuk pemasangan tali pinggang keledar dan peralatan keselamatan asas yang lain," sabda Yang Teramat Mulia.

Dalam kesempatan itu, Yang Teramat Mulia menyeru semua pengguna jalan raya supaya berkongsi tanggungjawab dan berhati-hati serta bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam memastikan keselamatan kanak-kanak, manakala para ibu bapa hendaklah memastikan anak-anak mereka dipasang tali pinggang keledar dan penggunaan kerusi keselamatan walaupun bagi perjalanan yang dekat.

Di samping itu, sabda Yang Teramat Mulia, berpesan memastikan keselamatan kanak-kanak di persekitaran sekolah supaya mereka tidak bermain atau berkeliaran di jalan raya yang sibuk dan mereka sentiasa dinasihatkan untuk menyeberangi jalan raya dengan cara yang selamat.

Oleh
Siti Aishah HS
Gambar-gambar
oleh
Pg. Haji Bahar PHO



YANG Teramat Mulia berkenan menyaksikan salah satu lagi pameran sempena Hari Kesihatan Sedunia 2004.

Setiap tahun Hari Kesihatan Sedunia diraikan pada 7 April bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman serta mengambil tindakan melalui pencegahan dan rawatan terhadap isu kesihatan yang dipilih.

Hari Kesihatan Sedunia 2004 tahun ini, menumpukan perhatian kepada kecederaan di jalan raya dan langkah-langkah untuk pencegahannya dengan tema 'Road Safety Is Not Accident' iaitu Keselamatan Jalan Raya Bukan Suatu Kemalangan, yang bererti keselamatan jalan raya memerlukan usaha-usaha yang dirancang oleh kerajaan dan sektor-sektor lain yang berkenaan dan bukannya berlaku dengan sendirinya.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna ketika berkenan berangkat menyaksikan pameran sejurus Majlis Pelancaran Hari Kesihatan Sedunia 2004 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa.

1.2 juta mati disebabkan kemalangan jalan raya

BERAKAS, 7 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna bersabda, peningkatan berangkat ke Majlis Pelancaran Hari Kesihatan Sedunia 2004 yang berlangsung di Persidangan Antarabangsa, di sini.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku Penaung Jawatankuasa Tertinggi Majlis berkenaan beserta ahli-ahli jawatankuasa.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai diketuai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya diikuti dengan sembah

aluan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, jelas Yang Berhormat, kemalangan jalan raya telah meragut 1.2 juta nyawa di seluruh dunia setiap tahun manakala seramai 20 hingga 50 juta orang lagi cedera parah akibat kemalangan jalan raya. Sebahagian daripada mereka menderita sepanjang hayat akibat kecacatan dan berjuta-juta lagi dirawat di hospital-hospital.

Jika masalah ini berterusan, tambah Yang Berhormat, bilangan orang yang terbunuh dan mengalami kecacatan akibat kemalangan jalan raya akan bertambah malah kecederaan akibat kemalangan jalan raya juga menjadi masalah kesihatan awam yang perlu diambil perhatian berat.

"Di negara ini, seperti yang kita maklumi penggunaan kenderaan seperti kereta dan motosikal adalah tinggi dan demikian juga kadar bilangan kemalangan jalan raya juga meningkat dari setahun ke setahun. Dalam tahun 2002, seramai 45 orang telah terkorban akibat kemalangan jalan raya, dan ianya merupakan sebab keenam utama kematian," jelas Yang Berhormat.

Sehubungan itu, dalam meningkatkan usaha mengelakkan kemalangan tersebut, keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab bersama pihak dan sektor masyarakat, yang perlu dijalin untuk meningkatkan dan memudahkan pencegahan kecederaan di jalan raya.

"Penglibatan pelbagai sektor seperti kesihatan, pengangkutan, pendidikan, pembangunan, alam sekitar dan penguatkuasaan undang-undang adalah di antara strategi penting ke arah

mencegah kecederaan, selain dari komitmen kerajaan dalam memastikan pemantauan serta penilaian dasar dan program-program keselamatan jalan raya, penglibatan orang ramai juga adalah diperlukan," tambah Yang Berhormat.

Sementara itu, dalam bidang rawatan, Yang Berhormat menyatakan Kementerian Kesihatan akan terus meningkatkan lagi peranan hospital-hospital dalam mengendalikannya kes-kes mangsa kemalangan, bagi memastikan penjagaan, rawatan dan pemulihan yang cukup kepada mereka yang mengalami kecederaan, di samping berkongsi tanggungjawab bagi menegakkan keselamatan jalan raya dalam program promosi kesihatan dan pencegahan penyakit.

Majlis itu juga diselenggarakan dengan Ceramah Perdana yang disampaikan oleh Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif, Pakar Bius dan Ketua Perkhidmatan Penilaian Kritikal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan satu Sketsa Keselamatan Jalan Raya bertajuk 'Bukan Suatu Kemalangan' yang dilakukan oleh lepasan graduan tempatan yang baru berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan.

Sejurus selepas itu, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berkenan menyerahkan hadiah-hadiah kepada para pemenang Peraduan Melukis Poster dan Peraduan Fotografi sempena Hari Kesihatan Sedunia 2004.

Di majlis berkenaan, Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima pesambah oleh Menteri Kesihatan dan dijunjung berangkat menyaksikan pameran.



YANG Teramat Mulia berkenan menganugerahkan hadiah kepada seorang pemenang peraduan sempena Hari Kesihatan Sedunia 2004.



KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

- 1) DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja.
- 2) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kaunter Penyambut Tetamu, Kementerian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
- 3) Tawaran yang mempunyai rujukan DRG/22/2004 dan DRG/23/2004 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari **Isnin, 3 Mei 2004** sementara rujukan KK/TK/7/2004 dan KK/TK/8/2004 hendaklah di hantar tidak lewat dari jam 2.00 petang hari **Isnin, 26 April 2004**.
- 4) Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- 5) Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang iaitu hari Isnin hingga hari Khamis dan Sabtu jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja.
- 6) Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
- 6) Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut di bawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

Sijil Perniagaan Yang Masih Sah Laku

TAWARAN BIASA

BILANGAN TAWARAN : DRG/22/2004 : SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE YEARS (3) (LIST 22/2004). Yuran Tawaran : \$ 200.00.

BILANGAN TAWARAN : DRG/23/2004 : SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE YEARS (3) (LIST 23/2004). Yuran Tawaran : \$ 200.00.

TAWARAN KECIL

BILANGAN TAWARAN : KK/TK/7/2004 : TO SUPPLY, INSTALL, TESTING AND COMMISSIONING ONE SET OF ACCESS CONTROL SYSTEM AND CCTV FOR WARD 21 AND 22 RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran : \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK/TK/8/2004 : TO SUPPLY, INSTALL, TESTING AND COMMISSIONING OF INTERCOM SETS (36) UNITS WITH CABLING (1 LOT) FOR RADIOLOGY DEPT RIPAS HOSPITAL.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN**

**PROPOSED AND INSTALLATION OF EXTERNAL SIGNAGES FOR THE
MINISTRY OF CULTURE YOUTH AND SPORT HEADQUARTERS
BUILDING, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN.**

Bilangan Tawaran: 01/2004/KKBS/PJK/16.14

TAWARAN ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan untuk membekal dan memasang 'Proposed Installation of External Signages for the Ministry of Culture Youth and Sports Headquarters Building' Negara Brunei Darussalam.

Syarat-Syarat Tawaran:-

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari **Isnin, 3 Mei 2004**.
2. Borang dan maklumat lanjut mengenai tawaran boleh didapati di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 7, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa waktu pejabat.
3. Bayaran "tender fees" sebanyak \$ 50.00 (tidak dikembalikan) dibayar semasa mengambil borang tawaran.
4. Tawaran mestilah ditulis dengan betul dan terang di dalam borang disediakan seterusnya dengan menyertakan salinan sijil pendaftaran dan dokumen lain yang dikehendaki ke dalam sampul surat yang ditutup rapi. Manakala di bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk, bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran sebagaimana yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti atau pengenalan pemohon dan dialamatkan ke alamat seperti dinyatakan di atas.
5. Tawaran-tawaran yang dihadapkan lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.
7. Pemborong dikehendaki menghadapkan salinan "Business Names Enactment Section 16 and 17".
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima sebut harga yang rendah atau lain-lain sebut harga.

ngan wang tunai.

7. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan salinan Resit Bayaran Dokumen Tawaran yang asal hendaklah masukkan ke dalam sampul surat biasa.
8. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis Bilangan Tawaran dan Tajuk seperti mana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti Pembekal/Pemborong dan ditujukan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259 Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam. Tidak lewat pada hari **Isnin, 10 Mei 2004**, jam 2.00 petang.
9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
DAK/SSP/77/JPE/2004	TAWARAN MEMUNGGAH, MEMBERSIHKAN, PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH RENDAH BEBULOH, DAERAH BRUNEI DAN MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN	\$ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	10/5/2004 (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DAK/SSP/78/JPE/2004	TAWARAN MEMUNGGAH, MEMBERSIHKAN, PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH UGAMA PANCHOR MURAI, DAERAH BRUNEI DAN MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN	\$ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	10/5/2004 (tidak lewat dari jam 2.00 petang)



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI**

PEMBERITAHUAN TAWARAN PEMELIHARAAN DALAM/LUAR BANGUNAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dai Pemborong-pemborong/Syarikat untuk membersihkan dalam/luar Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam sehingga hari Khamis, **13 Mei, 2004** jam 2.00 petang.
3. Tawaran-tawaran yang dihadapkan lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Semua tawaran hendaklah dikirimkan dengan sampul surat yang bertutup rapi (sealed) tanpa menunjukkan sebarang identiti pemborong. Disebelah atas luar sampul surat hendaklah ditulis nama TAWARAN PEMELIHARAAN DALAM/LUAR BANGUNAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM.
5. Wang pendahuluan tawaran hendaklah dibayar ke Bahagian Pembayaran, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam sebanyak \$300.00 (tunai). Wang ini akan dikembalikan kepada semua pemohon-pemohon yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran-tawaran yang jujur (bonafide tender).
6. Kerja-kerja tawaran ini adalah untuk tempoh 2 tahun (mulai dari tarikh perjanjian ditandatangani).
7. Borang tawaran, syarat-syarat tawaran dan penerangan lanjut mengenai dengan perkara ini boleh diperolehi daripada Bahagian Pentadbiran, Tingkat 1, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang rendah ataupun apa-apa jua bentuk tawaran.



**JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

TAWARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Syarat-Syarat Tawaran:-

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan atau syarikat-syarikat swasta yang ada hubungkaitnya dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airline (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.
3. Bayaran Dokumen Tawaran dan pentadbiran bagi DAK/SSP/77/JPE/2004 hingga DAK/SSP/80/JPE/2004 adalah sebanyak \$ 30.00 sementara Bayaran Tawaran bagi DAK/SSP/81/DS(M/2004 adalah sebanyak \$100.00, masing-masing (tidak dikembalikan). Tawaran hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Tingkat 1, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.
4. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di Unit Sebutharga, Stor dan Perbekalan, di Blok 'A' Tingkat 1 (1) dengan menunjukkan resit asal "Bayaran Dokumen Tawaran dan Pentadbiran".
5. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.
6. Bayaran Dokumen Tawaran dan Pentadbiran hendaklah dibayar de-

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
DAK/SSP/79/JPE/2004	TAWARAN MEMUNGGAH, MEMBERSIHKAN, PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH UGAMA KASAT, DAERAH BRUNEI DAN MUARA, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN	\$ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	10/5/2004 (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
